


JANUARI

UPSI BENTANG LAPORAN KURSUS PDP

6 Januari 2023 - Darul Quran pada hari ini telah menerima lawatan kerja dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi tujuan pembentangan Laporan Peserta Kursus Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pensyarah DQ serta Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) bagi Tahun 2022. Bermula pada tahun 2015, pihak Darul Quran telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Pusat Pembangunan Akademik, UPSI bagi menjalankan Kursus Persijilan Pengajaran dan Pembelajaran bagi para pensyarah DQ dan LTDQ.

UPSI telah diwakili oleh Prof. Madya Dr. Maizatul Hayati binti Mohamad Yatim, Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik (PPA), Dr. Suhazlan bin Suhaimi, Timbalan Pengarah PPA, Dr. Yuhanis binti Mhd Bakri, Penyelaras PPA, Cik Shariza Haryati binti Zabri, Penolong Pendaftar Kanan PPA, En. Syed Nurshairazi bin Syed Ramli, Pembantu Tadbir PPA dan Encik Asrul Effendy bin Adam Sukarno, Pembantu Tadbir PPA.

Perbincangan tersebut diakhiri dengan ucapan terima kasih Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim kepada pihak UPSI atas kerjasama yang telah diberikan dalam melaksanakan kursus PdP kepada pensyarah Darul Quran serta Lokasi Tambahan Darul Quran.



KPP HEP RASMI PEMBUKAAN SUKFAZ 23

6 Januari 2023 - Program Sukan Huffaz 2023 (SUKFAZ 23) telah membuka tirai dengan perasmian daripada Ketua Penolong Pengarah Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Haji Mohd Nazri bin Abdullah pada hari ini. Program di bawah kelolaan Lajnah Riadah dan Rekreasi, Persatuan Kebajikan Maahad Tahfiz Darul Quran 22/23 (PERKEMAT DQ) dengan kerjasama Cawangan Hal Ehwal Pelajar ini diadakan bertujuan memberi ruang serta peluang kepada para pelajar untuk menunjukkan bakat masing-masing dalam setiap acara sukan di samping mengeratkan lagi ukhuwah sesama pelajar.

Program SUKFAZ 23 ini akan berlangsung selama satu minggu bermula 6 Januari 2023 sehingga 15 Januari 2023. Terdapat pelbagai acara yang dipertandingkan dari sukan outdoor mahupun indoor antaranya pertandingan catur, bola sepak, bola jaring dan banyak lagi. Turut diadakan juga acara maraton dan balapan yang terdiri dari pelbagai kategori seperti 100 meter, 4x100 meter, 800 meter, 1500 meter dan sebagainya.

Semoga SUKFAZ 23 ini dapat berjalan dengan lancar sehingga ke penghujung program.



SOLDIER SUBUH IMARAHKAN PUSAT ISLAM DQ

13 Januari 2023 - Sejurus selesai Solat Subuh secara berjemaah, Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah Mohd Hashim telah melancarkan Program "Soldier Subuh" di Pusat Islam. Program ini merupakan anjuran persatuan-persatuan pelajar iaitu Rakan Siswa Yadim (RSY) dengan kerjasama Rakan Pusat Islam (RAPI) serta Lajnah Dakwah dan Rohani, Persatuan Kebajikan Maahad Tahfiz Darul Quran (PERKEMAT) sesi 22/23.

Program ini dilaksanakan bertujuan menggalakkan para pelajar untuk bangun awal pagi sebelum subuh dan berjemaah di Pusat Islam di samping memperkasakan jemaah Pusat Islam khususnya dalam kalangan warga Darul Quran.

Para peserta yang melibatkan diri dalam program ini telah diberikan kupon sarapan pagi setiap seorang. Semoga pelaksanaan program ini dapat mengimarhkan lagi aktiviti Pusat Islam.



289 PELAJAR PROGRAM JAKIM-UNITEN SELESAI DUDUKI PEPERIKSAAN

13 Januari 2023 - Seramai 289 orang pelajar terdiri daripada pelajar semester satu, empat dan tujuh Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN telah menduduki peperiksaan bagi sesi Januari 2023. Peperiksaan yang diadakan pada 12 dan 13 Januari 2023 ini telah diadakan di Kolej Ekonomi Tenaga dan Sosial serta di Perpustakaan UNITEN.

Pada sesi peperiksaan kali ini, seramai 20 orang pegawai Darul Quran JAKIM telah dilantik sebagai Panel Hifz Al-Quran Syafawi (lisan) manakala tiga orang pegawai dilantik sebagai Pengawas Calon bagi melancarkan proses dan pengendalian di lokasi peperiksaan.

Sinergi kerjasama Pendidikan Tahfiz al-Quran yang terjalin dengan baik menerusi Program Pensijilan Tahfiz al-Quran antara JAKIM dan UNITEN sejak tahun 2012 sehinggalah kini telah melahirkan seramai 263 graduan Huffaz profesional dalam bidang Kejuruteraan, Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Perakaunan, Ekonomi dan Pengurusan, Pentadbiran Perniagaan serta Pengurusan Korporat.

Semoga pelajar-pelajar Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN terus membina kejayaan yang cemerlang seterusnya memberi impak yang terbaik sebagai pelapis kepimpinan negara pada masa-masa akan datang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan serta pegangan.



SUKFAZ 23 MELABUHKAN TIRAI

15 Januari 2023 - Program Sukan Huffaz 2023 (SUKFAZ 23) telah menutup tirainya bagi tahun 2023 dengan perasmian penutup yang disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Turut hadir isteri Pengarah, Ustazah Suzana binti Kamaludin yang juga Pengerusi Puspanita Darul Quran serta Ketua Penolong Pengarah Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Ustaz Mohd Nazri bin Abdullah.

Program yang berlangsung selama seminggu ini telah disertai seramai 751 orang pelajar yang mengambil bahagian dalam acara balapan serta sukan indoor dan outdoor mengikut semester pengajian masing-masing. Pasukan dari Semester 6 telah dinobatkan sebagai juara manakala naib juara adalah dari Semester 4 dan tempat ketiga dari Semester 2.

Olahragawan terbaik telah dinobatkan kepada saudara Muhammad Arif bin Md Yusof dari Semester 6 dengan pungutan dua emas dan satu perak dari acara balapan serta satu perak dari acara maraton. Manakala olahragawati terbaik pula telah dinobatkan kepada saudari Norsalsabila binti Ismut dari Semester 4 dengan pungutan tiga emas dari acara bola baling, badminton dan balapan 4x100 serta pingat gangsa bagi acara 4x200. Kedua-dua pemenang masing-masing membawa pulang piala olahragawan dan olahragawati terbaik bagi SUKFAZ 2023.

Turut dipertandingkan acara khas iaitu tarik tali, bola tampar dan bola jaring antara pasukan dari kakitangan Darul Quran menentang pasukan PERKEMAT yang dimenangi oleh pasukan PERKEMAT. Semua hadiah dan piala pusingan kepada para pemenang telah disampaikan oleh Tuan Pengarah.

Penganjuran SUKFAZ 23 anjuran Lajnah Riadah dan Rekreasi (PERKEMAT DQ) dengan kerjasama Cawangan Hal Ehwal Pelajar ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tahfiz bukan sekadar mengaji serta membaca al-Quran semata-mata malah turut terlibat dalam aktiviti-aktiviti lain seperti aktiviti sukan.





LAWATAN ILMIAH PELAJAR SYUKBAH QIRAAT KE MYQALAM

17 Januari 2023 - Seramai 18 orang pelajar Syukbah Qiraat, Kelas Asbahani, Semester Enam Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran telah mengadakan lawatan ilmiah ke kilang percetakan mashaf al-Quran Syarikat MyQalam Printing Sdn. Bhd. Seri Kembangan dan MyQalam Tecnology (M) Sdn. Bhd., Jalan Taman Melati Utama 4. Lawatan ilmiah para pelajar ini telah diiringi bersama dua orang pensyarah Darul Quran. Sepanjang lawatan, para pelajar DQ telah disantuni oleh staf-staf MyQalam diketuai oleh Pengarah Operasi, Encik Muhammad Fazran Islam bin Mohamed Sharif dan Pengurus, Cik Nurul Aimi binti Abdul Rani.

Objektif utama lawatan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan proses percetakan mashaf al-Quran di Malaysia. Dalam lawatan tersebut, pelajar diberi peluang untuk melihat dengan lebih dekat bagaimana mashaf al-Quran diproses dan dihasilkan bermula daripada awal percetakan sehingga akhir pembukuan. Selain itu, program ini juga diadakan bertujuan untuk memberi maklumat tambahan kepada pelajar bagi maddah Tarikh Mushaf yang dipelajari di Darul Quran di bawah bimbingan Ustaz Mohd Aishamudin.

Semoga program ini sedikit sebanyak memberi pendedahan dan ilmu baharu khususnya kepada pelajar berkaitan pencetakan al-Quran di Malaysia.



DQ BERI PENDEDAHAN PELAKSANAAN SKM KEPADA IPDAS KAMPUS KUDAT

18 Januari 2023 – Sebagai salah sebuah institusi yang menjalankan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sejak tahun 2015 dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Darul Quran telah dirujuk untuk mempelajari dengan lebih terperinci mengenai pelaksanaan SKM.

Seramai empat orang pegawai dari Institut Pengajian Islam & Dakwah Sabah (IPDAS) yang diketuai Ustazah Norhikmah binti Masir serta diiringi oleh dua orang pegawai Bahagian Dasar Kemajuan Islam JAKIM (BDKI) telah hadir ke Bengkel Bimbingan Pelaksanaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bersama IPDAS Kampus Kudat. Para peserta telah dibimbing oleh Ustaz Muhammad Nazim bin Siham dan Ustaz Norazlan bin Mat Noor dari Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat Darul Quran. Hasil perkongsian yang diberikan akan dijadikan panduan untuk dilaksanakan di IPDAS.

Kehadiran delegasi IPDAS dan BDKI ini turut disantuni oleh Ketua Seksyen Pengajian Am, Haji Othman bin Muda dan Ketua Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat, Ustazah Zahrina binti Haron serta beberapa orang pegawai Darul Quran. Di akhir pertemuan, delegasi IPDAS dan BDKI mengucapkan ribuan terima kasih atas tunjuk ajar yang diberikan oleh pihak Darul Quran. Semoga dengan bimbingan dari pihak Darul Quran pada pertemuan ini akan menatijahkan hasil yang baik kepada kedua-dua pihak.



UniSZA CADANG KERJASAMA AKADEMIK BERSAMA DQ

18 Januari 2023 – Dari Pantai Timur jauh menuju ke Hulu Selangor, Darul Quran telah menerima kunjungan hormat delegasi dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Delegasi UniSZA ini diwakili oleh Dekan sendiri, Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi dan Ketua Pusat Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah, Prof. Madya Dr. Mohd A'Tarahim bin Mohd Razali. Tujuan kunjungan diadakan bagi membincangkan beberapa cadangan kerjasama berkaitan kolaborasi akademik antara DQ- UniSZA.

Delegasi pelawat telah disantuni Ketua Seksyen Pengajian Am, Haji Othman bin Muda yang mewakili Pengarah. Turut serta pegawai-pegawai Cawangan Kualiti serta Seksyen Komunikasi Korporat Darul Quran.

Selepas hampir dua jam berbincang, pihak Darul Quran mencadangkan agar beberapa permohonan pihak UniSZA ini disusuli dengan surat pernyataan hasrat untuk pihak Darul Quran bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Darul Quran, seterusnya ke Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik dan Mesyuarat Lembaga sekiranya perlu.



JHEAIK BINCANG DENGAN DQ, BANTU HALA TUJU PELAJAR TAHFIZ

19 Januari 2023 – Seramai lima orang pegawai Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) telah berkunjung ke Darul Quran bagi membincangkan berkenaan hala tuju pelajar tahfiz khususnya di Negeri Kedah. Ketika ini terdapat sekitar 120 maahad tahfiz al-Quran di seluruh Negeri Kedah.

Delegasi JHEAIK telah diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan, Syekh Hasbullah bin Md. Mukhtar diikuti bersama empat orang pegawai JHEAIK. Sementara para pelawat telah disantuni oleh pegawai-pegawai Darul Quran diketuai Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim seterusnya mempengerusikan sesi perbincangan.

Dalam sesi perbincangan ini, wakil Darul Quran telah menyampaikan taklimat berkenaan Program Tahfiz TVET iaitu Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Bidang Pengurusan Masjid dan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) sebagai alternatif kepada JHEAIK. Selepas hampir satu jam setengah berbincang dan berbahas, pihak Bahagian Pendidikan JHEAIK berpuas hati dengan input-input yang telah disampaikan. Semoga dengan perbincangan pada hari ini sedikit sebanyak dapat membantu para huffaz khususnya di Negeri Kedah untuk mendapatkan pendidikan arus perdana.



ENAM PELAJAR DQ SERTAI PROGRAM KHATAM TIGA HARI

20 Januari 2023 - Dalam usaha untuk melahirkan huffaz yang cemerlang tahap penguasaan hafazannya, Darul Quran telah melaksanakan Program Syahadah Hafazan Al-Quran Tahun 2023. Program Syahadah Hafazan Al-Quran ini merupakan suatu kaedah pengujian 30 juzuk al-Quran melalui kaedah *tasmi'* hafazan al-Quran di hadapan panel yang dilantik dalam tempoh khatam selama tiga hari (21 jam). Penilaian hafazan akan diadakan pada setiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula pada 20 Januari 2023 sehingga 26 Februari 2023.

Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim telah menyempurnakan perasmian program yang diadakan bertempat di Pusat Islam Darul Quran. Dalam ucapan perasmian, tuan Pengarah menyatakan objektif yang akan dicapai melalui pelaksanaan program ini ialah melahirkan para huffaz yang berkualiti dari sudut hafazan dan penulisan al-Quran. Di samping memberi pengiktirafan kepada para pelajar yang bertungkus-lumus mengulang hafazan demi memelihara kesucian al-Quran serta sebagai dorongan kepada pelajar-pelajar untuk lebih menjaga dan memelihara hafazan al-Quran.

Pada tahun ini, seramai enam orang pelajar bakal menyertai Program Syahadah Hafazan Al-Quran. Syarat penyertaan bagi para pelajar yang berminat ialah telah khatam hafazan al-Quran kali pertama di Darul Quran dan telah siap penulisan al-Quran Tahriiri. Para pelajar juga perlu mendapatkan sokongan serta pengesahan pensyarah *tasmi'* sebagai kelayakan untuk menyertai program ini.

Bagi menilai hafazan kesemua peserta, Darul Quran telah melantik dua orang Panel Penilai yang terdiri daripada panel Darul Quran dan panel luar Darul Quran. Panel pertama iaitu Syeikh Hossam Hasan Mohamed Elmihy, Pensyarah Mab'uth Al-Azhar merangkap Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran dan panel kedua iaitu Dr. Abdul Jalal bin Abdul Manaf, Pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Semoga program ini berjalan dengan lancar sehingga ke hari terakhir dan semua objektif yang telah digariskan dapat dicapai dengan sebaiknya.



WARGA DQ LAFAZ 'IKRAR BEBAS RASUAH' DALAM SESI TAKLIMAT ABMS

27 Januari 2023 - Darul Quran merupakan sebuah institusi pengajian yang telah sekian lama melaksanakan sistem pengurusan kualiti bagi MS ISO 9001:2015 & MS 1900:2014 iaitu sejak tahun 2008 lagi. Bagi memantapkan lagi sistem pengurusan pentadbiran kewangan dan akademik, Darul Quran akan menaik taraf di samping mengintegrasikan sistem kualiti sedia ada dengan sistem kualiti baharu iaitu Educational Organisations Management (EOMS) 21001:2018 serta Anti Bribery Management System (ABMS) 37001:2016.

Perkara tersebut telah dimaklumkan dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Warga Darul Quran dan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) serta Taklimat ABMS oleh SPRM Negeri Selangor pada pagi tadi. Majlis kali ini turut dihadiri oleh Pengarah SPRM Negeri Selangor, Dato' Haji Alias bin Salim sebagai saksi utama kepada Ikrar Bebas Rasuah yang dibacakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Seusai sesi tersebut, Pengarah Darul Quran juga turut menandatangani perakuan ikrar anti rasuah.

Semoga dengan pelaksanaan sistem kualiti baharu tersebut akan meningkatkan lagi kualiti pendidikan tahfiz di negara ini.



DQ ANJUR KURSUS PRA PERKAHWINAN ISLAM

29 Januari 2023 - Darul Quran melalui Jabatan Pengajian Umum buat julung kalinya telah berjaya melaksanakan Kursus Pra Perkahwinan Islam (KPPI) Tahun 2023. Kursus yang dianjurkan selama dua hari iaitu pada 28 hingga 29 Januari 2023 ini diadakan dengan kerjasama Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Sasaran peserta ialah dalam kalangan pelajar-pelajar Program Ijazah Sarjana Muda USIM-DQ serta Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Semester Empat dan Enam.

Objektif kursus adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak Kursus MPU2312 Kekeluargaan Islam yang ditawarkan kepada pelajar Program Diploma Tahfiz al-Quran & al-Qiraat Semester Empat di DQ dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ). Penganjuran program ini juga bertujuan memberi pengalaman kepada pelajar berkaitan proses-proses dalam KPPI, di samping memperoleh sijil penyertaan. Ia turut membantu pelajar mendapat kemahiran berkaitan undang-undang dan prosedur perkahwinan, perceraian serta pengetahuan mengenai hukum termasuk penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Kekeluargaan Islam. Kursus ini juga menekankan berkaitan kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran kritikal dalam mengurus isu-isu serta konflik dalam rumahtangga.

KPPI yang dilaksanakan ini berdasarkan Modul Kursus Pra Perkahwinan Islam yang dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Terdapat tujuh slot yang perlu diikuti oleh semua peserta iaitu:

Tasawwur Islam, Perkahwinan, Prosedur Perkahwinan, Majlis Akad Nikah dan Walimatul Urus, Tanggungjawab dan Komunikasi Suami Isteri, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Stres dan Konflik, Pembubaran Perkahwinan dan Pengurusan Kesihatan.

Majlis perasmian kursus telah disempurnakan oleh Ketua Seksyen Pengajian Am Darul Quran, Haji Othman bin Muda mewakili Pengarah. Dalam ucapan perasmianya beliau berkata: "Program seperti ini wajar dilaksanakan kerana dapat memberi pendedahan awal tentang alam perkahwinan dan prosedurnya di samping memberi kefahaman berkaitan isu-isu konflik kekeluargaan seperti perceraian, keruntuhan rumah tangga serta perasaan tidak selesa. Termasuk isu pengurusan kewangan dan kesihatan, yang mana para huffaz tidak terkecuali dalam hal itu."

Sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua jawatankuasa pelaksana yang telah menyumbangkan idea, tenaga dan masa dalam menjayakan KPPI pada kali ini.



LAWATAN TAPAK KE UNITEN KAMPUS MUADZAM

31 Januari 2023 - Delegasi Darul Quran diketuai Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim telah mengadakan kunjungan hormat ke Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Muadzam Shah, Pahang. Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan ukhawah dan memperkasakan kerjasama akademik antara Darul Quran dengan UNITEN selain mendapatkan maklumat berkaitan program pensijilan tahfiz yang telah dijalankan di kampus ini.

Dalam kunjungan ini, pegawai-pegawai Darul Quran telah dibawa melawat bilik kuliah, perpustakaan, pusat islam, kafetaria serta pusat sukan. Pertemuan ini diharapkan dapat memperkasakan program tahfiz profesional dalam melahirkan huffaz yang cemerlang ke arah memartabatkan pendidikan tahfiz di Malaysia.



FEBRUARI

PENGARAH TERIMA KUNJUNGAN LTDQ KAQSA

1 Februari 2023 - Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim hari ini menerima kunjungan hormat dari Kolej Al-Quran Sayyidina Ali (KAQSA), Melaka. Tujuan kunjungan ini diadakan atas hasrat wakil KAQSA untuk menyampaikan taklimat berkenaan keahlian Pengarah Darul Quran dalam Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) serta Jawatankuasa Dana Wakaf KAQSA di samping saling bertaaruf dengan Pengarah.

Delegasi KAQSA dihadiri oleh Pengetua, Ustaz Abdullah Shahir Arifin bin Ahmad Fadzil dan Timbalan Pengetua Operasi, Ustaz Humaidi bin Radzli. Turut hadir dalam sesi pertemuan ini bagi menyantuni para pelawat ialah KPP Cawangan Kualiti Darul Quran, Ustazah Rosliza binti Abd Latif dan wakil Cawangan Akademik.

KAQSA merupakan salah satu daripada 10 buah Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) yang menjalinkan kerjasama bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. KAQSA juga ketika ini merupakan satu-satunya LTDQ yang menawarkan Syukbah Pengurusan Halal. Semoga dengan pertemuan ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua institusi.



DQ-FPQS USIM BINCANG PENYELARASAN PELAKSANAAN PROGRAM IJAZAH SECARA FRANCAIS

2 Februari 2023 – Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Mohd Zakuwa bin Rodzali telah mempengerusikan mesyuarat penyelarasan pelaksanaan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah sesi 2022/2023 secara francais antara Darul Quran dengan USIM. Mesyuarat yang diadakan di Dewan Syura Utama Darul Quran ini telah dihadiri oleh ahli-ahli mesyuarat dari USIM yang diketuai oleh Dekan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah (FPQS), Prof. Madya Dr. Mohd Zohdi bin Mohd Amin, para pegawai dan pensyarah FPQS USIM serta beberapa orang pegawai Darul Quran.

Mesyuarat ini membincangkan perkara berkaitan perjanjian yang akan dimeterai dan dalam proses pembaharuan semula. Perbincangan yang harmoni antara pihak pengurusan Darul Quran dan FPQS USIM turut membincangkan hala tuju kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua institusi untuk masa hadapan.



CALON PELAJAR LUAR NEGARA JALANI TEMU DUGA HARI INI

7 Februari 2023 - Seramai 13 orang calon pelajar luar negara telah menjalani sesi temu duga bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM. Calon-calon tersebut terdiri dari negara Thailand, Singapura, Kemboja dan Brunei.

Sesi temu duga ini dijalankan secara dalam talian melalui medium Google Meet. Tiga orang panel dalam kalangan pegawai Darul Quran telah dilantik bagi menilai tahap kemampuan hafazan, akademik serta sahsiah calon.

Melalui sesi temu duga ini diharapkan Darul Quran berjaya memilih calon-calon yang berkelayakan untuk mengikuti Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat bagi sesi pengajian 2023-2026.



INTERNATIONAL CONFERENCE ON PROFESSIONAL HUFFAZ 2023 BAHAS ISU-ISU SEMASA PENDIDIKAN TAHFIZ

9 Februari 2023 - Bertemakan "*Sustainability of Professional Huffaz Towards IR 5.0*" atau "Kelestarian Huffaz Profesional Dalam Mendepani Revolusi Industri 5.0", Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama-sama Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah berjaya menganjurkan *International Conference on Professional Huffaz (InFAZ) 2023*. Persidangan yang diadakan di Dewan Seri Sarjana UNITEN ini telah disempurnakan majlis perasmiannya oleh Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir dalam majlis perasmian konvensyen ini ialah Naib Canselor UNITEN, Prof. Ir. Dr. Noor Azuan bin Abu Osman dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM. Dalam majlis ini, Muhammad Zulfadhli bin Shahiran yang kini bertugas sebagai Jurutera Jualan Perunding di Acson Malaysia Sales & Services Sdn. Bhd. turut dinobatkan sebagai Ikon Huffaz Profesional.

Konvensyen ini dimulakan dengan forum berkaitan "Kelestarian Huffaz Profesional Dalam Mendepani Revolusi Industri 5.0" yang dikupas oleh panel daripada kalangan profesional serta teknokrat, pembuat dasar dan institusi pengajian tinggi yang mengendalikan pendidikan tahfiz profesional. Disusuli oleh ucap-tama bertajuk "Mengemudi Masa Depan Pendidikan Tahfiz: Perspektif Malaysia dan Antarabangsa". Seterusnya agenda petang iaitu sesi perkongsian berkaitan "Perkembangan Pendidikan Huffaz Profesional di Nusantara yang membincangkan berkaitan pendidikan tahfiz oleh panel yang mewakili Malaysia, Brunei serta Indonesia.

Semoga semua pihak dapat memanfaatkan persidangan ini sebagai salah satu usaha untuk memartabatkan pendidikan tahfiz di Malaysia seterusnya menjayakan sasaran kerajaan untuk melahirkan lebih ramai huffaz profesional menjelang 2050. Di samping dapat menyuntik semangat serta iltizam para pembuat dasar, pentadbir, guru, pelajar dan masyarakat untuk terus berjuang mendaulatkan pendidikan tahfiz al-Quran.



CALON OKU PENGLIHATAN, MUALAF, PERIBUMI SABAH DAN SARAWAK HADIRI TEMU DUGA PELAJAR BAHARU DARUL QURAN

10 Februari 2023 - Seramai 14 orang calon pelajar baharu telah menjalani sesi temu duga bagi Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran JAKIM. Sesi temu duga ini telah diadakan pada 8 dan 10 Februari 2023. Calon-calon tersebut terdiri daripada kategori oku penglihatan, mualaf dan juga peribumi Sabah serta Sarawak.

Sesi temu duga ini dijalankan secara bersemuka dan secara dalam talian melalui medium Google Meet. Tiga orang panel dalam kalangan pegawai Darul Quran telah dilantik bagi menilai tahap kemampuan hafazan, akademik serta sahsiah calon.

Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran merupakan program pengajian yang ditawarkan kepada pelajar kategori oku penglihatan, mualaf, orang asli serta peribumi Sabah/Sarawak. Pelajar diwajibkan menghafaz al-Quran Juzu' 1-10 dalam tempoh pengajian selama dua semester di samping belajar subjek-subjek yang lain seperti Tajwid, Bahasa Arab, Fiqh, Tafsir dan Aqidah. Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian akan berpeluang menyambung pengajian ke peringkat Diploma Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Darul Quran sekiranya memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.



KUNJUNGAN HORMAT NAIB CANSOLOR USIM KE DQ

14 Februari 2023 - Darul Quran telah menerima kunjungan hormat delegasi dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang diketuai Naib Canselor, Prof. Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani. Turut serta dalam delegasi USIM ini ialah Prof. Dr. Mohd Radhi Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) serta pengurusan tertinggi Fakulti Pengajian Quran & Sunnah USIM.

Antara tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan kerjasama strategik dalam meneruskan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM yang dikendalikan oleh Darul Quran. Selain itu, tujuan kunjungan ini juga adalah untuk menyelaraskan gerak kerja ke arah pematuhan Garis Panduan Program Kerjasama Secara Francais Universiti Awam dengan Institusi Pendidikan Tinggi Dalam dan Luar Negara (edisi 2021).

Turut menyantuni delegasi pelawat Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said, Pengarah Darul Quran serta pengurusan tertinggi Darul Quran. Pertemuan ini diakhiri dengan sesi pertukaran cenderamata dan sesi bergambar.



JELAJAH HALAL MENGGALI ILMU

14 Februari 2023 – Seramai 27 orang pelajar semester empat Syukbah Pengurusan Halal telah mengikuti lawatan sambil belajar ke Kilang Ayamas Food Corporation dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Para pelajar ini telah diiringi oleh Ketua Jabatan Syariah, Ustazah Shahidah binti Shuib dan Ustazah Nadia Zammil binti Md Nasir selaku pensyarah kursus. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada tugas kursus bagi Program Diploma Tahfiz al-Quran & Al-Qiraat Semester Empat di bawah kod Kursus PIH 2683 Pengurusan Halal.

Antara tujuan pelaksanaan lawatan ini adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar bagi mempraktikkan ilmu yang dipelajari dalam kelas dan memberi pendedahan yang lebih jelas berkaitan pengurusan halal kepada pelajar. Melalui sesi ini juga, pelajar telah mendapat maklumat secara langsung daripada pembentangan dan sesi soal jawab daripada pegawai di Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Terima kasih diucapkan kepada Ayamas Food Corporation dan JAIS di atas santunan kunjungan pada hari ini.



PELAJAR SYUKBAH QIRAAT MASUK MAHKAMAH SYARIAH KUALA LUMPUR

14 Februari 2023 - Seramai 26 orang pelajar Syukbah Qiraat semester empat daripada Kelas Hamzah bersama pensyarah pengiring, Ustazah Norfarahin binti Omar telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Objektif utama program ini adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang penyelesaian konflik suami isteri melalui pendekatan rundingcara, jawatankuasa pendamai, timbangtara dan sulh. Di samping itu, para pelajar juga dapat melihat fail-fail serta situasi sebenar kes penyelesaian konflik suami isteri melalui prosedur perbicaraan di mahkamah.

Program dimulakan dengan pengenalan terhadap Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan yang merangkumi penubuhan mahkamah, organisasi dan bahan-bahan yang digunakan sepanjang perbicaraan berlangsung di galeri mahkamah. Kemudian, para pelajar didedahkan dengan kes-kes konflik rumahtangga di dewan perbicaraan. Seterusnya mendengar taklimat yang disampaikan oleh Tuan Azharizal bin Arsad, Pegawai Penyelidik Kanan, Pejabat Ketua Hakim, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkenaan permohonan kes-kes di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu, pihak mahkamah turut berkongsi kepada para pelajar berkenaan pengalaman sepanjang mengendalikan kes-kes pernikahan dan perceraian.

Semoga program lawatan sambil belajar ini memberi pengajaran dan pendedahan khususnya kepada pelajar dalam memahami bidang pengurusan konflik rumah tangga dengan lebih mendalam.



PELAJAR DQ DIDEDAH ILMU KEKELUARGAAN ISLAM

14 Februari 2023 - Seramai 26 orang pelajar banat Syukbah Qiraat semester empat dari kelas Khallad telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Turut sama dalam lawatan ini ialah Ustaz Abd Aziz bin Abd Samat selaku pensyarah kursus.

Antara objektif lawatan ini diadakan ialah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai prosedur perkahwinan. Selain itu, pelajar-pelajar juga dapat mengetahui kaedah penyelesaian yang terbaik bagi masalah kekeluargaan mengikut undang-undang keluarga Islam.

Semoga dengan lawatan ini para pelajar khususnya dapat meningkatkan lagi pengetahuan mengenai ilmu kekeluargaan Islam.



KOLEJ VOKASIONAL SEPANG CARI MAKLUMAT PROGRAM TAHFIZ DI DQ

15 Februari 2023 - Rentetan cadangan dari Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia, pegawai kanan dan pensyarah-pensyarah Kolej Vokasional Sepang telah mengadakan kunjungan hormat ke Darul Quran Kuala Kubu Bharu. Kunjungan ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan program pengajian tahfiz yang dijalankan oleh Darul Quran. Kolej Vokasional Sepang dalam perancangan untuk mengadakan program asas hafazan al-Quran kepada para pelajar mereka.

Delegasi pelawat diketuai oleh Ketua Jaminan Kualiti, Puan Juwariah binti Ahmad bersama enam orang lagi pegawai kolej yang lain. Sesi perbincangan antara kedua pihak telah dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pembangunan Dasar & Instrumentasi Darul Quran, Ustazah Rosliza binti Abd Latif yang mewakili Pengarah. Dalam sesi perbincangan ini, pihak Darul Quran telah menyampaikan maklumat berkenaan program-program pengajian yang dijalankan.

Antara cadangan yang diusulkan dalam sesi perbincangan ini supaya pihak kolej mendapatkan maklumat terperinci berkenaan noss Program Sijil Kemahiran Malaysia, Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3 dari pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) memandangkan program ini yang dilihat paling hampir dengan hasrat pihak kolej.



40 PELAJAR SYUKBAH QIRAAT MELAWAT KOMPLEKS NASYRUL QURAN

15 Februari 2023 - Seramai 40 orang pelajar Syukbah Qiraat Kelas Duri dan Susi semester enam bersama dua orang pensyarah pengiring telah mengadakan lawatan ilmiah ke Kompleks Nasyrul Quran. Objektif utama lawatan ini ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang proses percetakan mashaf al-Quran di Malaysia. Dalam lawatan tersebut, pelajar diberi peluang untuk melihat dengan lebih dekat berkenaan proses mashaf al-Quran dihasilkan bermula daripada awal percetakan hingga akhir pembukuan dan seterusnya pengeluaran mashaf al-Quran tersebut. Di samping itu, pelajar juga dapat mengenal pelbagai jenis khat yang digunakan dan jenis-jenis mashaf daripada pelbagai negara.

Program ini juga bertujuan untuk memberi maklumat tambahan kepada pelajar bagi kursus Tarikh Al-Mushaf yang dipelajari di Darul Quran, di bawah bimbingan Ustaz Mohd Fazli bin Ibrahim dan Ustaz Mohamad Ashraf Bin Ibrahim. Semoga program ini sedikit sebanyak memberi pendedahan dan ilmu baharu khususnya kepada pelajar berkaitan pencetakan al-Quran di Malaysia.

Firman Allah SWT:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: "Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat."

[al-Mujadalah: 11]



PENGARAH SAMPAIKAN AMANAT DALAM MAJLIS PERHIMPUNAN PELAJAR

17 Februari 2023 - Majlis perhimpunan pelajar telah dilaksanakan di Dewan Muktamar yang dihadiri oleh pelajar-pelajar Sijil dan Diploma serta para pegawai Darul Quran. Majlis perhimpunan ini merupakan aktiviti bulanan bagi perjumpaan Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim bersama para pelajar. Tujuan majlis ini diadakan agar dapat mengeratkan ukhuwah di antara pihak pengurusan Darul Quran dengan pelajar-pelajar daripada semua program pengajian. Di samping menjadi medium untuk menyampaikan maklumat, teguran serta nasihat supaya para pelajar dapat meningkatkan motivasi, jati diri dan kesedaran.

Majlis dimulakan dengan zikir *asma'ul husna*, nyanyian lagu Negaraku, lagu JAKIM serta Darul Quran dan bacaan doa. Seterusnya agenda utama majlis iaitu penyampaian amanat oleh Pengarah Darul Quran. Antara topik yang disentuh oleh Pengarah dalam majlis perhimpunan kali ini iaitu tentang masalah disiplin, kesejahteraan emosi para pelajar dan pemakluman berkenaan pertandingan reka cipta grafik keceriaan bangunan kolej kediaman yang menawarkan hadiah wang tunai.

Semoga dengan penganjuran majlis perhimpunan pada kali ini dapat meningkatkan lagi motivasi dan potensi diri anak-anak pelajar Darul Quran.



HALAL TALK 2023 BERI IMPAK KEPADA PELAJAR DQ

18 Februari 2023 - Program Halal Talk 2023 yang diadakan pada 16-18 Februari 2023 merupakan anjuran Darul Quran dengan kerjasama pelajar-pelajar Syukbah Pengurusan Halal semester enam. Program yang julung kali diadakan ini telah memberi impak besar kepada para pelajar Syukbah Pengurusan Halal Darul Quran dan Kolej al-Quran Saidina Ali (KAQSA), Melaka. Pendedahan secara praktis melalui program ini adalah bagi melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi serta berdaya saing dalam bidang Pengurusan Halal di peringkat nasional mahupun global. Di samping ia juga memenuhi keperluan penilaian berterusan subjek semester ini.

Program yang dilaksanakan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi ini telah melibatkan penyertaan peserta seramai 70 orang dari Darul Quran dan KAQSA. Turut terlibat selaku pengiring ialah Ketua Jabatan Syariah Darul Quran, Ustazah Shahidah binti Shuib. Objektif utama program ini adalah untuk memberikan ruang dan peluang kepada para pelajar untuk menimba pengalaman daripada penceramah yang profesional serta dominan dalam bidang Pengurusan Halal.

Antara pengisian penting sepanjang program adalah perkongsian tentang skim-skim Pensijilan Halal Malaysia contohnya skim Kosmetik (WIPRO UNZA), slot pengurusan halal bersama JAKIM, skim logistik (NORTHPORT MALAYSIA BHD), skim premis makanan (PULSE GRANDE HOTEL), skim farmaseutikal (MOH PHARMACEUTICAL) dan slot penerangan Halal Professional Board:HPB (Uniti Halal Centre) mengenai Cabaran serta pengalaman dalam industri halal juga turut dikongsi oleh para penceramah.

Semoga program seumpama ini lebih mendapat perhatian dan dapat dijalankan secara konsisten dengan penglibatan yang lebih luas supaya pengetahuan Halal Malaysia dalam kalangan pelajar Syukbah Pengurusan Halal Darul Quran lebih bertambah dan seterusnya dapat disebarkan kepada masyarakat.



PUSAT ISLAM DQ ANJUR CERAMAH ISRAK MIKRAJ

19 Februari 2023- Pusat Islam Darul Quran telah menganjurkan ceramah Israk Mikraj bertajuk 'Rahsia Di Sebalik Israk Mikraj' yang disampaikan oleh al-Fadil Ustaz Muhammad Lutfi bin Jamel, Ketua Unit Penerbitan & Dokumentasi Darul Quran. Ceramah ini telah dihadiri oleh pelajar-pelajar, para pensyarah dan kakitangan Darul Quran.

Penceramah menceritakan Israk Mikraj adalah hadiah daripada Allah SWT untuk mengubati hati dan kesedihan Nabi Muhammad SAW setelah melalui ujian besar dengan kematian isteri Baginda, Sayidatina Khadijah dan bapa saudara Baginda, Abu Thalib. Ini sekaligus menunjukkan bahawa Allah SWT sebaik-baik sandaran ketika sedih dan kecewa.

Peristiwa Israk Mikraj ini membawa maksud setiap pengorbanan yang dialami pasti ada hikmah di sebaliknya. Selain itu, ia memberi gambaran kepada kita agar tidak jemu untuk memohon doa kepada Allah SWT dan tidak mudah berputus asa dalam meminta Allah SWT untuk mengabulkan doa serta permintaan kita.

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya:

"Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat."



PELAJAR SYUKBAH SYARIAH ADAKAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MAHKAMAH SYARIAH IPOH

21 Februari 2023 - Seramai 29 orang pelajar Syukbah Syariah semester empat daripada Kelas A'sim bersama pensyarah pengiring, Ustaz Abd Aziz bin Abd Samat telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Mahkamah Syariah Ipoh, Perak. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk memahami dan mendalami mengenai undang-undang keluarga Islam.

Sebelum para pelajar menyertai sesi perbincangan, wakil pihak mahkamah telah menyampaikan taklimat yang berbangkit berkaitan perkembangan mahkamah di Dewan Bankuet. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pegawai Penyelidik Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Ipoh, Puan Zuraidah binti Idris. Hadir bersama menyantuni para pelajar ialah Ketua Pembantu Tadbir Unit Pendaftaran Mahkamah Syariah, Encik Ahmad Tarmimi bin Haji Mustafa.

Melalui program lawatan sambil belajar ini diharapkan semoga para pelajar dapat menimba ilmu serta pengalaman baharu berkaitan undang-undang keluarga Islam.



TUJUH IPT SERTA HARI HUFFAZ SELANGKAH KE MENARA GADING 2023

21 Februari 2023 - Tujuh institusi pengajian tinggi terlibat dalam program Hari Huffaz Selangkah ke Menara Gading 2023. Program Hari Huffaz Selangkah ke Menara Gading 2023 ini diadakan bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti awam dalam dan juga di luar negara. Program ini telah diadakan di Dewan Muktamar Darul Quran melibatkan para pelajar semester akhir Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran serta Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ). Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.

Tujuh institusi pengajian tinggi yang terlibat dalam program ini ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Kesemua institusi pengajian tinggi yang terlibat hadir ke Darul Quran bagi mempromosikan program pengajian yang terdapat di institusi masing-masing.

Semoga program sebegini dapat membuka mata para pelajar dan memudahkan urusan perjalanan mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam menggapai cita-cita.



LAWATAN ILMIAH PELAJAR SYUKBAH HADITH KE JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

23 Februari 2023 - Seramai 27 orang pelajar Syukbah Hadith Kelas Ibnu Amir dan Khalaf Al-Asyir semester empat bersama seorang pensyarah pengiring telah mengadakan lawatan ilmiah ke Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Objektif utama lawatan ini diadakan supaya para pelajar terlibat dapat memahami dan mendalami mengenai undang-undang keluarga Islam.

Sebelum para pelajar menyertai sesi perbincangan, wakil pihak mahkamah telah menyampaikan taklimat berkaitan perkembangan mahkamah di Bilik Mesyuarat Utama. Taklimat ini telah disampaikan oleh Ketua Pendaftar, Yang Arif Tuan Salehan bin Yatim dan Ketua Unit Komunikasi Korporat, Encik Ahmad Hanis bin Ahmad Nafri. Hadir bersama memberikan taklimat berkenaan penyelesaian konflik keluarga ialah dua orang Pegawai Syariah iaitu Yang Arif Tuan Muhammad Mujahid bin Ahmad dan Yang Arif Tuan Mohd Taufik Naim bin Kamarudin. Turut hadir menyantuni pelajar ialah Yang Arif Puan Noorbyetty binti Mohd Nasir dan Puan Zairatul Anati binti Miskon.

Melalui program lawatan sambil belajar ini diharapkan semoga para pelajar dapat menimba ilmu serta pengalaman baharu berkaitan undang-undang keluarga Islam.



PENGARAH SAMPAIKAN AMANAT DALAM MAJLIS PERHIMPUNAN PEGAWAI

24 Februari 2023 – Pegawai-pegawai Darul Quran diperingatkan untuk sentiasa mengamalkan budaya bekerja dalam pasukan, melaksanakan gerak kerja yang diamanahkan secara bersama-sama mengikut peranan masing-masing yang bersesuaian di samping bersegera dalam menjalankan setiap tugas. Pesanan ini telah disampaikan oleh Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim dalam Majlis Perhimpunan Pegawai Dan Amanat Pengarah Darul Quran Siri 1/2023.

Perhimpunan yang diadakan di Auditorium Syeikh Mohd Noor ini dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, JAKIM dan zikir *Asmaul Husna*. Diikuti dengan tayangan slaid berita semasa Darul Quran dan sesi taklimat Sistem Pengurusan Kualiti Syariah MS 1900:2014 yang disampaikan oleh Ustazah Yusida binti Yusof selaku Ketua Panel Syariah Audit Dalaman Darul Quran. Disusuli dengan acara kemuncak perhimpunan ini iaitu amanat daripada Pengarah.

Dalam amanatnya Pengarah turut berkata: *"Secara umumnya saya berpuas hati dan bangga dengan sikap profesional dan semangat yang ditunjukkan oleh warga Darul Quran dalam menyampaikan perkhidmatan dengan efisien bagi mencapai visi dan misi Darul Quran. Namun masih terdapat ruang-ruang yang saya kira boleh ditambah baik agar kualiti serta mutu perkhidmatan yang kita tawarkan berada pada tahap yang optimum. Untuk permulaan tahun 2023 ini marilah sama-sama kita membina semangat serta tekad yang baru terutamanya dalam mengurus masa dan tanggungjawab kita di dalam perkhidmatan"*.

Majlis perhimpunan pada kali ini ditutup dengan agenda penyampaian surat kenaikan pangkat serta surat penempatan kepada pegawai-pegawai baharu lantikan JAKIM gred S29 yang diarah bertugas di Darul Quran.



DQ HASRAT WUJUD KERJASAMA STRATEGIK DENGAN MASJID JAWI UNTUK PELAJAR SKM

28 Februari 2023 – Dalam usaha mengetengahkan pelajar-pelajar Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid yang berkebolehan untuk menjadi imam terawih di masjid-masjid utama di Wilayah Persekutuan, Darul Quran telah mengadakan kunjungan hormat ke Bahagian Pengurusan Masjid (BPM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Kunjungan hormat ini merupakan perbincangan awal antara Darul Quran dengan JAWI dalam usaha mewujudkan kerjasama strategik khususnya berkaitan Program SKM Bidang Pengurusan Masjid yang diadakan di Darul Quran.

Delegasi Darul Quran telah diwakili oleh pegawai-pegawai Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat. Sesi pertemuan ini pula telah dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan BPM JAWI, Ustaz Khairulnaim bin Ramli. Semoga kerjasama ini memberi manfaat kepada kedua agensi terutama bagi masjid-masjid agar dapat terus diperkasakan dalam segenap aspek.



MAC

DQ DAN UPSI BINCANG ISU KEMASUKAN PELAJAR

2 Mac 2023 - Bagi memastikan anak-anak pelajar Darul Quran sentiasa mendapat tempat dalam penyambungan akademik ke institusi pengajian tinggi dalam negara, Darul Quran dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengadakan suatu perbincangan khas hari ini. Ia bertujuan membincangkan isu-isu teknikal berkenaan penyambungan pengajian pelajar ke Program Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Qiraat dengan Pendidikan (AT36). Berdasarkan rekod, Darul Quran JAKIM dan UPSI telah menandatangani Memorandum Persefahaman sejak tahun 2017 bagi penawaran penyambungan program pengajian di peringkat Ijazah Pertama ke UPSI.

Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Sementara pihak UPSI diwakili oleh pensyarah-pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan iaitu Prof. Madya Dr. Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim, Dr. Mohammad Akramin bin Kamarul Zaman dan Encik Mohd Muaz bin Abd Hamid. Semoga perbincangan ini dapat menghasilkan keputusan yang bermanfaat buat anak-anak pelajar Darul Quran.



DQ ANJUR SEMINAR : PUASA DARI PERSPEKTIF FALAK

3 Mac 2023- Darul Quran melalui Jabatan Pengajian Syariah, Seksyen Pengajian Ulum Islamiah telah mengadakan Seminar Pemantapan Fiqh Edisi Khas Puasa dari Perspektif Falak. Program yang bertempat di Auditorium Syeikh Mohd Noor Darul Quran ini menyetengahkan penceramah dari Universiti Malaysia Pahang, Dr. Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham, Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan. Program ini telah disertai oleh 250 orang peserta yang terdiri dalam kalangan pegawai serta para pelajar Darul Quran.

Penganjuran seminar ini adalah bertujuan menambah baik pemahaman tentang ilmu fiqh al-ibadah yang berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah di samping memberi pengalaman kepada para peserta berkaitan proses-proses dalam hukum ketetapan puasa menurut perspektif falak.

Program telah dirasmikan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Memetik ucapan perasmian tersebut, beliau berkata: "Program seperti ini wajar dilaksanakan kerana dapat memberi pendedahan awal tentang bidang falak syarie di samping memberi kefahaman berkaitan isu-isu semasa dunia astronomi". Mengakhiri ucapan, beliau turut mencadangkan agar Kelab Falak Darul Quran dapat ditubuhkan selepas ini.

Turut hadir bersama pegawai dan kakitangan dari Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor yang telah mengadakan pameran dan pencerapan.



ENAM PELAJAR DQ SELESAI SYAHADAH HAFAZAN AL-QURAN DALAM TEMPOH TIGA HARI

3 Mac 2023 - Enam orang pelajar DQ telah selesai mengikuti program Syahadah Hafazan al-Quran. Kesemua mereka diraikan dalam Majlis Penutupan Program Syahadah Hafazan al-Quran pada petang ini. Program ini telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.

Peserta-peserta program Syahadah tersebut ialah:

1. Faris Safiuddin bin Mohammad Shafie;
2. Adam Firdaus bin Mohamed Bari;
3. Muhammad Amzar Muzakkir bin Md Lela;
4. Muhammad Faiz Iskandar bin Mohd Safiee;
5. Khairul Anwar bin Abd Rahman; dan
6. Ain Nur Shahmina binti Sulaiman.

Kesemua mereka telah berjaya memperdengarkan bacaan al-Quran 30 juzuk secara hafazan dalam tempoh tiga hari (21 jam) selama enam minggu bermula 20 Januari 2023 sehingga 2 Mac 2023. Para peserta telah dinilai oleh Fadilatatus Syeikh Hossam Hassan Mohamed Elmihy, mab'uth Universiti al-Azhar al-Syarif dan Dr. Abdul Jalal bin Abdul Manaf, Pensyarah Jabatan Pengajian Islam UPSI.

Majlis dimulakan dengan bacaan al-Quran oleh saudara Mior Faris Safiuddin bin Mohammad Shafie dan bacaan doa khatam serta ucapan tausiyah oleh Syeikh Hossam. Seterusnya Fadilatatus Syeikh turut menganugerahkan ijazah sanad kepada Mior Faris Safiuddin bin Mohammad Shafie dan Ain Nur Shahmina binti Sulaiman kerana dua pelajar ini turut menghafaz Matn Tuhfatul Atfal sebagai syarat tambahan bagi melayakkan mereka dianugerahkan sanad.

Dalam majlis ini juga, Tuan Pengarah turut menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan program dan diakhiri dengan penyampaian saguhati kepada panel, peserta serta urus setia Program Syahadah Hafazan al-Quran Darul Quran. Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada keenam-enam peserta program dan dua orang pelajar yang memperoleh sanad Syeikh Hossam. Semoga menjadi pemangkin dan menyuntik semangat kepada masyarakat untuk menghafaz serta mendalami al-Quran.



224 PELAJAR DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM HAFAZAN PROGRAM DIPLOMA

4 Mac 2023 - Seramai 224 orang pelajar Semester Enam Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat telah menerima Sijil Khatam Hafazan dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Program Diploma Darul Quran Sesi 2020-2023. Majlis Khatam Hafazan ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM.

Majlis khatam ini telah dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh pelajar-pelajar banin di bawah pimpinan Pensyarah Tasmi' Darul Quran iaitu Ustaz Mohammad Ashraf bin Mohamad Saleh@Ibrahim. Seterusnya majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada wakil pelajar, ucapan aluan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim serta ucapan perasmian Tuan Haji Ruslan.

Beliau yang dalam ucapan perasmianya telah mengucapkan syabas dan tahniah kepada Darul Quran kerana berjaya mengekalkan tradisi dengan penganjuran majlis khatam ini. Majlis yang bersejarah ini diadakan sebagai pengiktirafan Darul Quran kepada para pelajar yang telah bertungkus lumus mangkhatamkan hafazan 30 juzuk. Beliau juga merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pelajar-pelajar yang menyertai Program Syahadah Hafazan Al-Quran kerana telah berjaya mengkhatamkan hafazan al-Quran hanya dalam tempoh tiga hari.

Majlis khatam pada kali ini turut diserikan dengan penyampaian anugerah-anugerah kecemerlangan seperti senarai berikut:

1. Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang:

- Ustaz Ahmad Dasuki bin Hashim
- Ustazah Norzila binti Che Harun

2. Anugerah Penulisan Al-Quran Terbaik:

- Muhammad Aizad Wajdi bin Muhamad Ghazali
- Nursyahzanani binti Mohd Sabri

3. Anugerah Khas kategori "khatam lebih sekali di hadapan guru":

- Mior Faris Safiuddin bin Mohammad Shafie
- Khairul Anwar bin Abd Rahman
- Adam Firdaus bin Mohamed Bari
- Muhammad Faiz Iskandar bin Mohd Safiee
- Muhammad Zarif Hazim bin Che Yusmadi
- Muhammad Haziq bin Mohd Mohyodin
- Ahmad Uwais bin Mohd Azmi
- Azam Azhan bin Wan Mohd Rasdan

- Luqman Muzzammil bin Roslan
- Ahmad Fakhri Amin bin Ahmad Bukhari
- Suhail Azmin bin Abdullah
- Muhammad Mustaqim bin Mohd Radzi
- Muhammad Nabil Fahmy bin Jasman
- Irfan Haqim bin Mohd Hafizal
- Muhammad Aizad Wajdi bin Muhamad Ghazali
- Muhammad Bazli Husaini bin Kamarul Azhar
- Muhammad Amzar Muzakkir bin Md Lela
- Muhammad Izzat bin Mohd Dzulrushdi
- Muhammad Hadif bin Fajuri
- Abdullah Umar bin Bakar
- Asma' Athirah binti Ismail
- Siti Hajar binti Mohd Raffee
- Ain Nur Shahmina binti Sulaiman
- Nur Ain Adawiyah binti Khairunizam
- Nuramira Najwa binti Mohd Faizi
- Nik Ansura binti Nik Azme
- Nik Nur Athirah binti Mohd Kusairi
- Ainura Murfiqah binti Khairuddin
- Nurin Najwa binti Mohammad Shukri
- Nur Syahirah binti Azizul Shahizani
- Nurul Aina binti Mohamad
- Nur Anis Syairah binti Roslan
- Syarifah Najihah binti Syahminan
- Husna Nadiyah binti Isham
- Affaf Rusydeena binti Abdull Aziz
- Nurul Najihah binti Mohamad
- Yasmin Hani binti Abd Halim
- Yasmin Farhah binti Nik Zamzuki
- Wan Nafisah binti Wan Abd Halim
- Nurul Irdina binti Azlysham
- Asma binti Soib
- Nurqistina binti Abdul Halim
- Aqilah Husna binti Mohd Zafrullah

4. Anugerah Pelajar Cemerlang:

- Mior Faris Safiuddin bin Mohammad Shafie
- Ain Nur Shahmina binti Sulaiman

5. Program Syahadah Hafazan Al-Quran Selama 3 Hari:

- Mior Faris Safiuddin bin Mohammad Shafie
- Khairul Anwar bin Abd Rahman
- Adam Firdaus bin Mohamed Bari
- Muhammad Faiz Iskandar bin Mohd Safiee
- Muhammad Amzar Muzakkir bin Md Lela
- Ain Nur Shahmina binti Sulaiman

6. Penerima Sanad Syaikh Hossam Hassan Mohamed Elmiyh (Mab'uth Al-Azhar):

- Mior Faris Safiuddin bin Mohammad Shafie
- Ain Nur Shahmina binti Sulaiman



19 PEGAWAI DQ TERLIBAT TUGASAN PENAZIRAN AKADEMIK DI LTDQ

6 Mac 2023 – Seramai 19 orang pegawai Darul Quran telah dilantik serta dihantar ke Lokasi-Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak untuk menjalankan tugas selaku panel penaziran. Tujuan penaziran ini diadakan bagi memastikan pelaksanaan kurikulum Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran berada pada standard yang telah ditetapkan. Di samping bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan sukatan hafazan para pelajar bagi melayakkan mereka untuk menduduki Peperiksaan Hifz Al-Quran.

Antara skop yang disemak oleh panel-panel ialah berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran serta semakan fail-fail bagi semua kursus Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat sesi pengajian Oktober 2022-Mac 2023. Turut diberi perhatian ialah berkaitan rekod hafazan, kehadiran para pelajar sepanjang semester berlangsung serta tulisan *tahriri* para pelajar.

Secara umumnya, ke-10 LTDQ telah melaksanakan proses-proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Darul Quran. Laporan penuh sesi penaziran kali ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Darul Quran yang dijangka akan bersidang pada 13 Mac 2023 untuk tindakan selanjutnya.



DQ SAMPAIKAN TAKLIMAT STM KEPADA PARA HUFFAZ NEGERI KEDAH

7 Mac 2023 - Seramai 80 pengusaha dan mudir dari seluruh Negeri Kedah telah hadir ke sesi taklimat pengujian Sijil Tahfiz Malaysia (STM) bertempat di Hotel Seri Malaysia, Alor Setar Kedah. Sesi taklimat ini dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan, *Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK)* dengan kerjasama Darul Quran JAKIM. Tujuan ia diadakan adalah untuk memberi perkongsian tentang pelaksanaan STM yang dianjurkan oleh Darul Quran dalam usaha memberi perakuan hafazan kepada individu-individu yang telah menghafaz 30 juzuk al-Quran khususnya kepada para huffaz Negeri Kedah.

Selain pengusaha dan mudir, taklimat ini turut disertai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JHEAIK, Sheikh Hasbullah bin Md Mukhtar, wakil pengurusan Darul Quran dan sebahagian calon serta waris-waris. Antara perkara yang disampaikan adalah berkenaan proses permohonan, kaedah pelaksanaan peperiksaan, bahan-bahan rujukan dan lain-lain lagi.

Semoga usaha dan kerjasama ini dapat membantu usaha kerajaan dalam memartabatkan para huffaz di Malaysia khususnya di Negeri Kedah. Di samping dapat menambahkan lagi penyertaan peserta untuk menduduki peperiksaan STM yang akan dianjurkan pada masa akan datang.



DQ PROMOSI PROGRAM SIJIL ASAS TAHFIZ DI PUSBA KEDAH

8 Mac 2023 - Darul Quran JAKIM telah mengadakan promosi Program Sijil Asas Tahfiz (SAT) kepada pentadbir Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (PUSBA), Sungai Petani, Kedah. PUSBA merupakan satu pusat khusus yang diwujudkan bagi memberi pendidikan tentang ajaran Islam kepada golongan mualaf.

Selaras dengan Program SAT yang menasaskan golongan khusus seperti mualaf, oku penglihatan, orang asli dan peribumi Sabah atau Sarawak, maka sesi promosi ini secara tidak langsung turut membuka ruang antara kedua pihak untuk menjalinkan hubungan serta kerjasama terutamanya berkaitan calon pelajar. Pelbagai cadangan telah dikemukakan kepada Darul Quran untuk meluaskan penyertaan pelajar bagi Program SAT dalam kalangan mualaf. Antaranya berkenaan kelonggaran atau pengecualian syarat kelayakan SPM bagi memudahkan lebih ramai calon dapat menyertai program ini.

Semoga melalui sesi ini dapat menatijahkan sesuatu yang positif terutama berkenaan pelaksanaan Program SAT. Sesi diakhiri dengan pertukaran cenderamata antara kedua agensi.



PEPERIKSAAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-IIUM BERAKHIR HARI INI

15 Mac 2023 - Seramai 40 orang pelajar Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-IIUM Semester Dua telah selesai menduduki peperiksaan akhir semester hari ini. Peperiksaan yang dijadualkan pada 13 hingga 15 Mac 2023 ini telah diadakan di Aras 1 Blok Akademik Baru dan di Dewan Mukhtar Darul Quran.

Pelajar-pelajar ini telah menduduki peperiksaan lisan bagi maddah Hifz al-Quran Syafawi 2 dan Tajwid Amali 2. Manakala bagi peperiksaan bertulis pula melibatkan maddah-maddah seperti Hifz al-Quran Tahriri 2, Tajwid Ilmi 2, Fiqh Ibadah, Bahasa Inggeris 2 dan Bahasa Arab 2. Seramai 14 orang pegawai telah dilantik sebagai panel serta pengawas calon pada peperiksaan kali ini.

Program yang ditawarkan kepada pelajar lepasan SPM aliran Sains Agama ini dijalankan dalam tempoh selama 18 bulan dan proses pembelajaran dilaksanakan sepenuhnya di kampus Darul Quran, Kuala Kubu Bharu. Kolaborasi yang dijalankan sejak tahun 2000 ini dilaksanakan secara kerjasama di antara Darul Quran JAKIM dan International Islamic University of Malaysia (IIUM). Diharapkan semoga pelajar-pelajar Program Pensijilan JAKIM-IIUM terus cemerlang dan beristiqamah menjunjung kalam-Nya.



DARUL QURAN JAKIM, USIM METERAI MOA PROGRAM IJAZAH SECARA FRANCAIS

15 Mac 2023 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Darul Quran menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi mengadakan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian secara francais. Majlis yang diadakan di Kompleks Islam Putrajaya ini telah disempurnakan perasmiannya oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin Haji Mokhtar.

Dokumen MoA ini telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff di hadapan Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Sementara di pihak USIM, dokumen ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Ts. Dr. Sharifudin bin Md Shaarani di hadapan Dekan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Prof. Madya Dr. Mohd Zuhdi bin Mohd Amin. Sesi tandatangan ini turut disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Melalui kerjasama yang dijalinan, pelajar-pelajar program ini akan belajar di kampus Darul Quran selama tiga tahun dengan proses pengajaran dan pembelajaran diuruskan oleh Darul Quran sementara penganugerahan ijazah adalah dari pihak USIM. Majlis ini merupakan penyambungan perjanjian antara kedua institusi bagi kali yang keempat memandangkan tempoh perjanjian sebelum ini telah tamat pada sesi akademik 2021/2022 atau lebih tepatnya pada 12 Julai 2022.



DQ SAMPAIKAN TAKLIMAT STM KEPADA PARA HUFFAZ MAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG

17 Mac 2023 - Seramai 245 pelajar tahfiz profesional Maahad Tahfiz Negeri Pahang terdiri daripada tingkatan dua hingga lima serta guru-guru tasmik al-Quran telah mendengar taklimat berkaitan pengujian Sijil Tahfiz Malaysia (STM) bertempat di Maahad Tahfiz Negeri Pahang. Sesi taklimat ini dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Al-Quran Maahad Tahfiz Negeri Pahang di bawah seliaan Ustazah Nur Aslah binti Adenan dengan kerjasama Darul Quran JAKIM.

Tujuan taklimat ini dianjurkan adalah untuk memberikan pendedahan awal serta perkongsian tentang pelaksanaan STM yang dianjurkan oleh Darul Quran dalam usaha memberi perakuan hafazan kepada individu-individu yang telah menghafaz 30 juzuk al-Quran. Taklimat telah disampaikan oleh pegawai Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat, Ustazah Fathin Nadhirah binti Saadon dan Ustaz Muhammad Nazim bin Siham. Antara perkara yang disampaikan adalah berkenaan proses permohonan, kaedah pelaksanaan peperiksaan, bahan-bahan rujukan dan lain-lain lagi.

Semoga usaha dan kerjasama ini dapat membantu usaha kerajaan dalam memartabatkan para huffaz di Malaysia khususnya pelajar Maahad Tahfiz Negeri Pahang. Di samping itu dapat menambahkan lagi penyertaan peserta untuk menduduki peperiksaan STM yang akan dianjurkan pada masa akan datang.



LAWATAN TAPAK PROGRAM BAKTI HUFFAZ KEBANGSAAN TAHUN 2023 DI KAMPUNG JUARA, PULAU TIOMAN

17 Mac 2023 - Delegasi Darul Quran yang diketuai oleh Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim telah mengadakan lawatan tapak bagi Program Bakti Huffaz Kebangsaan Tahun 2023 yang akan diadakan di Kampung Juara, Pulau Tioman pada bulan Jun 2023. Sebelum sesi lawatan tapak tersebut, satu perbincangan bersama wakil Ketua Kampung Juara iaitu Ustaz Hasmadi Idham bin Abdul Majid dan Encik Saiful Helmi bin Ab Razib telah diadakan terlebih dahulu untuk mendapatkan maklumat bagi penyelarasan program sebelum diteruskan dengan lawatan tapak ke tempat-tempat pelaksanaan aktiviti.

Hadir bersama Pengarah dalam lawatan ini ialah Ketua Penolong Pengarah Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Ustaz Mohd Nazri bin Abdullah, Ketua Unit Kemahiran Insaniah, Ustaz Mohammad Zaki bin Ibrahim dan Us. Muhammad Fahmi bin Mohamad Soen selaku Penolong Pengarah Unit Kemahiran Insaniah.

Semoga Program Bakti Huffaz Kebangsaan tahun 2023 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya selaras dengan objektif yang digariskan dan memupuk semangat kemasyarakatan dalam kalangan pelajar.



PUSAT ISLAM DQ ANJUR CERAMAH DI AMBANG RAMADAN

17 Mac 2023 - Pusat Islam Darul Quran JAKIM dengan kerjasama Lajnah Dakwah Dan Rohani PERKEMAT Darul Quran telah menganjurkan ceramah "Ramadan: Bulan Perubahan dan Perjuangan" bagi menyambut kedatangan Ramadan yang bakal tiba tidak lama lagi. Ceramah ini telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Institut Ulama' Al Juwaini, al-Fadil Ustaz Ahmad Syamil bin Md Esa dan telah dihadiri oleh para pelajar Darul Quran.

Penceramah telah berkongsi berkenaan kemuliaan dan fadilat al-Quran yang mana merupakan rahmat terbesar daripada Allah SWT buat sekalian alam. Firman Allah Taala :

الرحمن ﴿١﴾ علم القرآن ﴿٢﴾

Maksudnya:

"(Allah) Yang Maha Pengasih (1). Yang telah mengajarkan al-Quran (2)."

Selain itu, penceramah juga menekankan tentang pentingnya penyucian jiwa serta hasil yang dapat kita perolehi sepanjang menjalani tarbiyah Ramadan bagi mencapai "قلب سليم" dan "نفس مطمئنة".

Semoga bulan Ramadan kali ini menjadi madrasah ruhiyyah buat kita semua dalam memperbaiki serta menguatkan hubungan kita dengan Yang Maha Pencipta.



MAJLIS SAMBUTAN PELAJAR BAHARU PROGRAM IJAZAH USIM-DQ

24 Mac 2023 - Seramai 37 orang pelajar baharu telah diraikan dalam Majlis Sambutan Pelajar Baharu Program Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Sunnah USIM-DQ Sesi 2023. Majlis yang diadakan di Auditorium Syeikh Mohd Noor ini meraikan pengambilan pertama pelajar bagi sesi kali ini. Bagi pengambilan kali ini, Darul Quran telah menerima seramai 24 orang pelajar banin dan 13 orang pelajar banat.

Majlis ini telah disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali yang mewakili Pengarah. Antara pengisian lain dalam majlis ini ialah penyampaian Amanat Huffaz USIM-DQ iaitu Ustaz Aiman Ridhwan bin Mohamad Ramlan, alumni program Ijazah USIM-DQ sesi 2019/2022.

Tahniah dan syabas diucapkan. Semoga anak-anak pelajar baharu Darul Quran memanfaatkan peluang ini untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya di dunia dan akhirat.



APRIL

AUDIT PENSIJILAN STAGE 1 ISO 21001:2018 EOMS DAN ISO 37001:2016 ABMS SIRIM DI DARUL QURAN

11 April 2023 - Darul Quran telah menjalankan audit *Stage Satu* untuk dua sistem yang telah diintegrasikan iaitu ISO 21001:2018 *Educational Organisations Management System* (EOMS) dan ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System* (ABMS). Audit yang diadakan pada 10 hingga 11 April 2023 ini melibatkan dua skop utama iaitu bagi Program Diploma Tahfiz al-Quran & al-Qiraat serta Program Pensijilan Tahfiz al-Quran. Tujuan *Stage Satu* ini diadakan adalah untuk semakan dokumen sistem ISO 21008:2018 (EOMS) dan ISO 37001:2016 (ABMS) yang baru dilaksanakan oleh Darul Quran.

Mesyuarat penutupan audit *Stage Satu* telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Dalam mesyuarat ini, pihak Darul Quran telah mendengar laporan bagi *Stage Satu* yang dibentangkan oleh pihak SIRIM. Dalam laporan tersebut, Darul Quran telah berjaya serta layak dipertimbangkan untuk memasuki *Stage Dua* audit dengan dua pindaan dokumen.

Justeru adalah diharapkan Darul Quran berjaya mendapat pensijilan bagi semua ISO 9001:2015, MS 1900:2014 dan mengintegrasikan sistem bersama-sama ISO 21001:2018 EOMS.



DQ BINCANG KERJASAMA PROGRAM BAKTI HUFFAZ PERDANA DENGAN JAIP

12 April 2023 - Delegasi Darul Quran yang diketuai oleh Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim telah mengadakan kunjung hormat ke Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP). Tujuan kunjungan ini diadakan bagi membincangkan kerjasama dalam mengadakan Program Bakti Huffaz Perdana anjuran Darul Quran yang akan diadakan pada bulan Jun 2023 bertempat di Kampung Juara, Pulau Tioman.

Delegasi Darul Quran telah disantuni oleh Pengarah JAIP, Dato' Dr Haji Zulkifle bin Haji Ali Al-Hafiz. Hadir sama pegawai-pegawai JAIP yang lain terdiri dari Unit Komunikasi Korporat, Bahagian Pendidikan, Bahagian Pengurusan Masjid dan Bahagian Dakwah. Turut serta Ketua Penolong Pengarah Cawangan Hal Ehwal Pelajar dan pegawai-pegawai Unit Kemahiran Insaniah Darul Quran.

Semoga pertemuan ini dapat mengukuhkan kerjasama strategik antara Darul Quran dan JAIP dalam medan dakwah bersama masyarakat.



CALON PELAJAR BAHARU PROGRAM PENSIJILAN JAKIM-IIUM SELESAI SESI TEMU DUGA

12 April 2023 – Seramai 480 orang calon pelajar lepasan SPM telah dipanggil untuk mengikuti sesi temu duga pengambilan pelajar baharu bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi 2023-2024. Sesi temu duga ini telah diadakan selama dua hari iaitu pada 11 dan 12 April 2023 berpusat di kompleks Darul Quran JAKIM, Kuala Kubu Bharu.

Jumlah 480 orang calon ini merupakan senarai pendek yang dipanggil temu duga daripada 566 orang calon pelajar yang memohon. Sementara 31 orang urus setia dan panel temu duga terdiri dari pegawai Darul Quran serta empat orang pegawai dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah dilantik bagi mengendalikan sesi temu duga pada kali ini.

Program kerjasama antara Darul Quran JAKIM dengan UIAM ini pada awalnya dibuka penyertaan kepada pelajar aliran Sains dan pada tahun ini ia turut dibuka kepada pelajar aliran Sastera bagi melahirkan lebih ramai graduan huffaz dalam pelbagai bidang. Melalui sesi temu duga ini diharapkan semoga Darul Quran dan UIAM berjaya mendapat calon-calon yang kompeten untuk menyertai program ini.



KUNJUNG HORMAT TKPP JAKIM KE DQ

13 April 2023 - Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM, Tuan Haji Ahmad Fuad bin Afandi bersama pegawai-pegawai Sektor Pengurusan telah mengadakan kunjung hormat ke Darul Quran. Kunjungan ini diadakan bertujuan meninjau operasi di Darul Quran sebagai salah satu Bahagian berstatus Pusat Tanggungjawab (PTJ) JAKIM.

Pertemuan ini dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pendaftar Darul Quran. Seterusnya penyampaian amanat oleh Tuan Haji Ahmad Fuad yang memberi fokus kepada isu-isu pengurusan kewangan khususnya tanggungjawab PTJ. Pegawai-pegawai Darul Quran turut diberi peluang untuk mengajukan soalan-soalan kepada beliau.

Dalam sesi kunjung hormat ini, Tuan Haji Ahmad Fuad turut mengambil peluang melawat bangunan-bangunan asrama, cafeteria dan kuarters kakitangan. Semoga kunjungan ini dapat meningkat lagi kualiti pengurusan Darul Quran.



PUSAT ISLAM DARUL QURAN ANJUR IFTAR PERDANA

13 April 2023 - Sempena Ramadan al-Mubarak tahun ini, Pusat Islam Darul Quran dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Darul Quran (PMDQ) telah mengadakan Majlis Iftar Perdana 1444H kepada warga Darul Quran. Majlis yang dihadiri oleh kakitangan, keluarga serta para pelajar ini telah disempurnakan perasmiannya oleh Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.

Agenda program ini dimulakan seawal jam 9.00 pagi dengan gotong-royong menyediakan bubur lambuk. Seterusnya pada jam 5.00 petang, program diteruskan dengan Majlis Khatam Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan oleh pelajar-pelajar Darul Quran. Disusuli dengan Ceramah Nuzul Al-Quran yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Hasbi bin Abdul Rahman, Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Biarpun majlis pada hari ini diadakan secara santai dan sederhana, diharapkan ianya dapat menjadi satu medium untuk merapatkan lagi tali persaudaraan serta mewujudkan semangat kekeluargaan dalam kalangan warga Darul Quran selain dapat menyemai rasa cinta terhadap al-Quran melalui ceramah yang telah disampaikan.



MEI

TAKLIMAT BIMBINGAN PENTAULIAHAN SLDN

3 Mei 2023 - Darul Quran dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah mengadakan Taklimat Bimbingan Pentauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bertempat di Auditorium Syekh Mohd Noor. Taklimat ini telah dibimbing oleh pegawai dari Jabatan Pembangunan Kemahiran. Para peserta terdiri daripada *coach* lantikan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan pegawai-pegawai Darul Quran.

Semoga bimbingan yang disampaikan dapat memudahkan para *coach* untuk menjalankan program bersama para perantis pada masa akan datang dan diharapkan kerjasama yang erat antara pihak Darul Quran dengan JPK akan mekar berterusan dengan adanya program sebegini.



DQ DAN IIUM BINCANG PILIH CALON PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ JAKIM- IIUM SESI 2023/2024

9 Mei 2023 – Calon-calon pelajar Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi 2023/2024 yang telah menduduki sesi temu duga sebelum ini telah dipilih dalam Mesyuarat Panel Pemilihan Calon (PPC) hari ini. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim turut dihadiri oleh pegawai dan pensyarah dari International Islamic University Malaysia (IIUM) diketuai Dekan Pusat Asasi IIUM, Encik Murshid bin Kassim.

Proses temu duga bagi pengambilan pelajar baharu Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi 2023/2024 sebelum ini telah selesai diadakan pada 11 hingga 13 April 2023 yang lalu bertempat di kompleks Darul Quran JAKIM. Semoga calon-calon yang memohon dan berminat direzekikan untuk menjadi sebahagian daripada warga Darul Quran JAKIM.



40 PELAJAR USIM-DQ TERIMA ANUGERAH DEKAN

10 Mei 2023 - Seramai 40 orang pelajar terdiri dari tahun 1, 2 dan 3 Program Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah dengan Kepujian Secara Kerjasama dengan USIM telah menerima Anugerah Dekan Semester I Sesi Akademik 2022/2023. Penganugerahan ini telah disampaikan dalam Majlis Anugerah Dekan Fakulti Quran & Sunnah 2023 di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Pengajian Quran & Sunnah (FPQS) USIM. Majlis telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Quran & Sunnah (FPQS), Prof. Madya Dr. Mohd Zohdi bin Mohd Amin.

Majlis Anugerah Dekan ini dilaksanakan bagi memberi semangat kepada mahasiswa serta mahasiswi untuk sentiasa bersungguh-sungguh di samping mengekalkan konsistensi dalam pelajaran pada setiap semester seterusnya menimbulkan rasa minat dalam kalangan pelajar untuk terus cemerlang dan berjaya dalam akademik.

Penganugerahan 40 daripada keseluruhan 127 orang pelajar USIM-DQ ini juga secara tidak langsung membuktikan kualiti dan standard Program Ijazah yang dijalankan di Darul Quran. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah. Semoga terus maju jaya di masa hadapan.



11 KERTAS CADANGAN DIBENTANG DALAM MESYUARAT JKPA DQ

11 Mei 2023 – Sebanyak 11 kertas cadangan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) Darul Quran hari ini. Mesyuarat yang diadakan di Bilik Syura Abu Bakar As-Siddiq, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Utama Bangi ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said yang juga merangkap selaku Pengerusi JKPA. Dalam aluannya, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua ahli JKPA kerana memberikan komitmen yang tinggi kepada Darul Quran serta sudi berkongsi idea-idea yang baik setiap kali mesyuarat diadakan.

Sesi mesyuarat kali ini telah membahaskan perkara-perkara berkaitan perakuan keputusan peperiksaan, penawaran Skim Pembiayaan Hafiz (SPH), penambahbaikan struktur Program Sijil Asas Tahfiz al-Quran dan syarat bergraduasi bagi pelajar Sijil Asas Tahfiz al-Quran yang mengikuti Program Diploma Tahfiz al-Quran & al-Qiraat Darul Quran. Diharapkan mesyuarat yang diadakan pada kali ini dimanfaatkan untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran anak-anak pelajar Darul Quran serta Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ).



ACIS UiTM BAWA LIMA HASRAT DALAM KUNJUNGAN HORMAT KE DQ

12 Mei 2023 – Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof. Madya Dr. Mohd Afandi bin Mat Rani serta lapan orang delegasi ACIS UiTM telah mengadakan kunjungan hormat ke Darul Quran. Kunjungan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan beberapa perkara yang melibatkan kerjasama akademik antara kedua pihak. Pihak pelawat telah disantuni oleh pegawai-pegawai Darul Quran diketuai oleh Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim merangkap pengerusi sesi perbincangan.

Lima topik yang menjadi fokus perbincangan dalam pertemuan ini ialah kerjasama MoU/MoA antara ACIS UiTM dengan DQ, kerjasama dalam bidang tahfiz di UiTM termasuk peluang kerjasama bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran, kerjasama Program Pengajian Sarjana Muda Muamalat & Pengurusan Industri Halal di ACIS UiTM, kerjasama mobiliti staf dan mahasiswa/mahasiswi antara ACIS UiTM-DQ, peluang penglibatan dalam kajian dan geran penyelidikan dalam bidang-bidang kontemporari Islam serta Tahfiz Al-Quran.

Perbincangan yang berlangsung selama hampir dua jam ini diakhiri dengan sesi bergambar dan pertukaran cenderamata. Semoga pertemuan ini menghasilkan impak yang positif khususnya kepada pelajar-pelajar kedua belah pihak.



PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN DQ ADAKAN LAWATAN PENANDA ARAS KE PUSAT PERUMAHAN PELAJAR UNIMAP

12 Mei 2023 - Unit Kolej Kediaman Cawangan Hal Ehwal Pelajar Darul Quran pada hari ini telah mengadakan lawatan penanda aras ke Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Delegasi Unit Kolej Kediaman ini telah diketuai oleh Ustaz Muhammad Nur Aizad bin Azahari selaku Ketua Unit di samping empat orang pegawai yang lain termasuk penyelia-penyelia asrama.

Lawatan ini diadakan bertujuan:

- memberi pendedahan ilmu dan idea baharu untuk tujuan pemerkasaan tadbir urus pengurusan Kolej Kediaman Darul Quran JAKIM;
- mengembangkan kemahiran pegawai dan kakitangan dalam aspek pengurusan Kolej Kediaman;
- membina hubungan yang erat antara pengurusan Kolej Kediaman Darul Quran JAKIM dengan Institusi lain melalui perkongsian maklumat untuk pembangunan pelajar di Kolej Kediaman;
- menambahbaik kualiti pengurusan dan aktiviti pengurusan Kolej Kediaman Darul Quran JAKIM agar lebih segar dengan trend masa kini.





DQ CADANG SOLUSI PELAKSANAAN SKM PENGURUSAN JENAZAH DI JAWI

15 Mei 2023 - Darul Quran JAKIM hari ini menerima lawatan kerja dari Bahagian Pengurusan Dakwah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Delegasi JAWI ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Ustazah Suraiti binti Alias bersama lapan orang pegawai yang lain. Turut sama dalam majlis bagi meraikan para pelawat pada hari ini ialah Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim serta pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat Darul Quran.

Lawatan kerja ini merupakan susulan daripada kunjungan Bahagian Dakwah JAWI ke DQ pada awal Disember 2021 yang lalu berhubung model pengurusan jenazah yang telah digunapakai dalam program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di Darul Quran. Dalam perbincangan ini juga DQ mencadangkan agar pegawai-pegawai dari Bahagian Dakwah JAWI menyertai kursus induksi, coaching dan khidmat masyarakat bagi melayakkan mereka mendapat Sijil Pengiktirafan Pencapaian (SPP) dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Pertemuan ini berakhir kira-kira pukul 12.00 tengah hari selepas sesi perbincangan, pertukaran cenderahati serta sesi bergambar.



DQ & MTNP BINCANG PERKASA PENDIDIKAN TAHFIZ

18 Mei 2023 - Darul Quran JAKIM berbesar hati menerima lawatan kerja dari Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) hari ini. Delegasi ini telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MTNP, Haji Mohd Lafzul bin Muda Al-Hafiz bersama enam orang pegawai yang lain. Turut sama dalam majlis bagi meraikan para pelawat pada hari ini ialah Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan bekerjasama dalam melaksanakan program Sijil Tahfiz Malaysia (STM) serta program Syahadah Hafazan al-Quran 30 Juzuk. Dalam perbincangan ini juga DQ turut mencadangkan agar pihak MTNP mengemukakan permohonan secara rasmi kepada pengurusan tertinggi JAKIM agar proses selanjutnya dapat diperhalusi dengan lebih mendalam lagi. Pertemuan ini berakhir kira-kira pukul 4.30 petang selepas sesi pertukaran cenderamata dan sesi bergambar.

Semoga sesi lawatan ini menatijahkan hasil yang positif bagi kedua belah pihak seterusnya dapat memperkasakan lagi pendidikan tahfiz dalam negara.



KEM KEPIMPINAN HUFFAZ DQ-LTDQ

19 Mei 2023 - Seramai 45 orang pelajar yang mewakili Majlis Perwakilan Pelajar dari Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) serta 8 orang pegawai dari Darul Quran dan LTDQ telah menyertai Program Myinsaniah Siri 2/2023 'Modul Kepimpinan' di Institut Latihan Islam Malaysia Kampus Kundasang, Sabah. Program ini diadakan selama tiga hari dua malam bermula 17 hingga 19 Mei 2023 berteraskan modul kepimpinan kerjasama antara Bahagian Dakwah JAKIM dengan Darul Quran JAKIM.

Program yang dijalankan ini menyasarkan tiga matlamat iaitu membangun belia yang memiliki gaya kepimpinan berteraskan prinsip Ihsan dan Qawiyul Amin dan meningkatkan penghayatan Islam dalam menyempurnakan tuntutan Islam. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk melahirkan belia yang berkualiti, berdaya tahan dan memiliki jati diri yang kukuh melalui peningkatan kemahiran insaniah. Dalam program ini juga telah dijalankan pelbagai aktiviti bermodul dan slot ilmiah bagi mencapai objektif pelaksanaan program ini.

Pada malam terakhir, majlis perasmian penutup telah diadakan dan dirasmikan oleh Ustaz Tuan Haji Muhamad Kori bin Jusoh, Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAKIM. Diharapkan melalui program kepimpinan ini dapat melahirkan kepimpinan pelajar yang lebih kompeten dan berketerampilan dalam melaksanakan tugas sebagai badan perwakilan pelajar.



SAMBUTAN HARI RAYA WARGA DQ

19 Mei 2023 - Berbaki sehari lagi bulan Syawal tahun ini, Darul Quran telah mengadakan jamuan hari raya bagi meraikan semua kakitangan tetap dan kontrak serta para pelajar yang tidak bercuti semester. Jamuan ini diadakan di Dewan Muktamar Darul Quran. Turut dijemput pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan kerajaan sekitar Kuala Kubu Bharu.

Sebanyak tujuh reruai makanan dan minuman dengan aneka juadah telah disediakan dalam majlis ini. Bagi memeriahkan lagi majlis, setiap reruai turut diberikan markah penilaian dan reruai dengan hiasan tercantik akan dinobatkan sebagai pemenang. Reruai Cawangan Kualiti telah dinobatkan juara reruai tercantik. Naib johan disandang oleh reruai Cawangan Hal Ehwal Pelajar. Diikuti Cawangan Akademik di tempat ketiga.

Dalam majlis jamuan hari raya ini juga turut diadakan ceramah Kefahaman Asas Kewangan Islam yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Unit Jaminan Kualiti Darul Quran, Ustaz Ilham bin Che Daud@Zakaria. Diharapkan melalui majlis ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara sesama warga Darul Quran.





45 ORANG PELAJAR DQ & LTDQ SERTAI CITRA KASIH BELIA MASJID DI SABAH

20 Mei 2023 - Lapan orang pegawai bersama 45 orang pelajar Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah menyertai Program Citra Kasih Belia Masjid yang dianjurkan oleh Bahagian Dakwah JAKIM di Masjid Jamek Kundasang, Sabah. Sepanjang program ini berlangsung pegawai dan pelajar Darul Quran dan LTDQ terlibat dengan aktiviti gotong-royong dan Klinik al-Fatihah. Alhamdulillah program Klinik al-Fatihah mendapat sambutan yang baik dari masyarakat di sekitar Masjid Jami' Kundasang.

Majlis perasmian penutup telah dirasmikan oleh Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM. Satu sesi penyampaian cek cura dan sumbangan kepada penduduk setempat juga telah diadakan dalam majlis ini. Diharapkan supaya program sedemikian dapat dijalankan lagi di masa akan datang.



PUSAT ISLAM DQ ANJUR KURSUS PENGURUSAN JENAZAH

20 Mei 2023 – Pusat Islam Darul Quran telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Darul Quran. Kursus ini telah disampaikan oleh wakil Biro Khairat Kematian Masjid Jamek Ar-Rahimah Kuala Kubu Bharu, Haji Mohd Rosli bin Haji Junid.

Kursus yang dijalankan secara teori dan praktikal ini telah mendapat penyertaan daripada para pelajar Program Ijazah Semester, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM serta beberapa orang kakitangan Darul Quran. Dalam kursus ini, para peserta didedahkan dengan cara memandikan jenazah, mengkafankan, menyembahyangkan seterusnya sehingga mengebumikan jenazah.

Inisiatif untuk mengadakan kursus ini khususnya kepada para pelajar adalah merupakan nilai tambah kepada mereka dalam mempelajari perihal berkaitan pengurusan jenazah. Hasrat inilah yang cuba diketengahkan dalam usaha melahirkan para pelajar yang kompeten dan seimbang bukan sahaja dari sudut penguasaan teori malah mampu mempraktikkan ilmu tersebut.



DQ-UPSI BINCANG MAJLIS GRADUASI

22 Mei 2023 - Darul Quran JAKIM hari ini telah mengadakan lawatan kerja ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi perbincangan bersama Pengarah Pusat Pembangunan Akademik, UPSI, Prof. Madya Dr. Normah Binti Jusoh. Delegasi ini telah diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Kualiti, Ustaz Mohamad Rahim bin Mohammed Abdul Rahman bersama empat orang pegawai yang lain.

Objektif pertemuan ini diadakan adalah untuk membincangkan pelaksanaan Majlis Penyampaian Sijil Kursus Pensijilan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) bagi peserta kursus tahun 2019 & 2022. Seramai enam puluh tiga peserta akan diraikan serta dianugerahkan sijil kursus yang akan diadakan di UPSI. Selain itu,

pertemuan ini juga turut membincangkan berkenaan pelaksanaan Kursus Pensijilan Pdp bagi Tahun 2023.

Beberapa kata sepakat telah tercapai hasil daripada pertemuan ini. Semoga dengan kerjasama strategik antara PPA UPSI dengan Darul Quran JAKIM dapat diteruskan dengan jayanya.



SRITI FATHUL 'ARIFIN MOHON NASIHAT DQ TENTANG KAEDAH PENGURUSAN PENGAJIAN TAHFIZ

23 Mei 2023 - Dalam usaha pelaksanaan program pengajian tahfiz, SRITI Fathul 'Arifin, Penaga, Pulau Pinang telah mengadakan lawatan kerja ke Darul Quran. Lawatan kerja ini telah dihadiri oleh enam orang guru diketuai Mudirah/Guru Besar, Ustazah Syamela Azizah binti Md Sobhi. Delegasi pelawat telah disantuni oleh pegawai-pegawai Darul Quran diketuai Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.

Dalam sesi perbincangan, wakil Darul Quran telah mencadangkan agar SRITI Fathul 'Arifin mengadakan bengkel pembangunan kurikulum dan menjemput wakil Darul Quran untuk memberikan buah fikiran serta berkongsi pengalaman berkaitan pengurusan program pengajian tahfiz. Di samping turut mendapatkan pandangan dari Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP).

SRITI Fathul 'Arifin merupakan sekolah rendah yang menggunakan kurikulum meliputi tahfiz, diniah, kaffah dan akademik di mana menjadi kesinambungan kepada pendidikan awal prasekolah PASTI. Terkini jumlah keseluruhan pelajarinya adalah seramai 200 orang pelajar. SRITI Fathul 'Arifin telah beroperasi selama lima tahun dengan murid perintis kini berusia 11 tahun atau darjah lima.

Semoga usaha SRITI Fathul 'Arifin untuk menjalankan program tahfiz seawal usia tujuh tahun berjaya direalisasikan dengan baik.



MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT SIRIM STAGE 2

24 Mei 2023 - Hari ini berlangsungnya Mesyuarat Pembukaan Audit Stage 2 Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015, MS 1900:2014 & 21001:2018 oleh SIRIM bagi tahun 2023.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali, mewakili Pengarah. Audit akan dilaksanakan selama tiga hari sehingga 26 Mei 2023.

Semoga sesi audit ini berjalan dengan lancar sehingga ke hari terakhir serta mendapat keputusan laporan yang terbaik.



BENGGEL PENYEDIAAN BUKU BAHASA ARAB 3 & 4 PROGRAM DIPLOMA DQ

25 Mei 2023 - Unit Kurikulum dengan kerjasama Jabatan Bahasa Darul Quran telah mengadakan Bengkel Penyediaan Buku Bahasa Arab bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Bengkel yang diadakan di Dewan Maktabah ini telah dibimbing oleh Syeikh Yaser Mohamed Abdou, Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Darul Quran. Para peserta pula terdiri daripada wakil-wakil pensyarah Jabatan Pengajian Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ).

Bengkel ini juga telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali. Bengkel yang telah dijalankan selama tiga hari iaitu bermula 23 hingga 25 Mei 2023 ini telah berjaya menghasilkan dua buah buku Bahasa Arab yang akan digunakan bagi pelajar-pelajar Semester Tiga dan Empat yang akan datang.

Semoga buku yang telah dihasilkan ini dapat memberi manfaat yang besar kepada pelajar-pelajar Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) bagi memantapkan lagi penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar.



DQ SELESAI PROSES PERBAHARUI PENSIJILAN ISO 9001:2015 & MS 1900:2014 SERTA TAMBAHAN PERAKUAN AKREDITASI 21001:2018, UKAS DAN IQ NET

26 Mei 2023 - Darul Quran telah selesai menjalani audit pensijilan semula Pengurusan Kualiti bagi ISO 9001:2015 dan MS1900:2014. Selain itu, tambahan pensijilan baharu ISO 21001:2018 bagi Program Diploma Tahfiz al-Quran dan Al-Qiraat serta Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM. Darul Quran telah disyorkan untuk memperbaharui pensijilan QMS, MS 1900:2014, tambahan pensijilan baharu iaitu EOMS dan perakuan akreditasi UKAS.

Mesyuarat penutupan audit telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim manakala Encik Khaled bin Saleman selaku Ketua Juraudit SIRIM QAS telah membentangkan laporan audit. Dalam pembentangan tersebut, Darul Quran dilaporkan “tiada teguran ketidakakuran” terhadap sistem manakala terdapat beberapa “cadangan penambahbaikan” terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Syabas diucapkan kepada semua warga Darul Quran atas kejayaan audit pada kali serta kejayaan mendapat tambahan baharu akreditasi iaitu UKAS dan EOMS 21001:2018.



37 PELAJAR BAHARU PROGRAM IJAZAH USIM-DQ TERLIBAT MINGGU HALUAN HUFFAZ

27 Mei 2023 - Seramai 37 orang pelajar baharu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ telah terlibat dalam Minggu Haluan Huffaz. Manakala 10 orang fasilitator dalam kalangan pegawai Darul Quran telah dilantik bagi mengendalikan program. Program yang diadakan selama dua hari pada 26 dan 27 Mei 2023 ini telah diuruskan oleh Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Darul Quran.

Objektif program ini diadakan adalah untuk memupuk rasa sayang kepada institusi Darul Quran di samping melahirkan rasa hormat kepadaarganya. Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan lagi ukhuwah sesama pelajar. Antara aktiviti yang dijalankan selama dua hari ini ialah sesi taklimat, pembentangan kumpulan, aktiviti "outdoor" (ikhtiar hidup) dan majlis penutup.





125 PELAJAR BAHARU PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-IIUM SELESAI MENDAFTAR

29 Mei 2023 – Seramai 125 orang pelajar baharu Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi Pengajian 2023/2024 telah selesai mendaftar hari ini seterusnya diraikan dalam Majlis Sambutan Pelajar Baharu. Majlis ini dimulakan dengan Amanat Huffaz oleh Dr. Abdullah Arif bin Abdul Kadir, Pegawai Perubatan Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh merangkap alumni Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM. Sementara perasmian majlis telah disempurnakan oleh Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim di Dewan Muktamar Darul Quran.

“Pengajian bagi program ini dijalankan selama 18 bulan atau 3 semester. Para pelajar di sini akan mendalami ilmu al-Quran dengan lebih mendalam di samping menghafal ayat-ayat suci al-Quran. Pada tahun ini juga buat pertama kalinya kita menerima pelajar dari aliran sastera sebagai penambahan kepada aliran sebelum ini iaitu aliran sains,” kata Pengarah dalam ucapan perasmian.

Menurut beliau lagi: “Sehingga tahun 2022, seramai 1,849 orang pelajar telah berjaya menamatkan pengajian peringkat Pensijilan di Darul Quran. Justeru, saya juga berharap agar anak-anak yang mendaftar pada hari ini juga akan berjaya menamatkan pengajian di sini dengan cemerlang, insya-Allah.”

Majlis ini turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Akademik & Kemasukan Pelajar (AMAD) International Islamic University Malaysia (IIUM), Prof. Madya Dr. Haslina binti Hassan serta Timbalan Pengarah Kanan (Pengurusan) Bahagian Pengurusan Akademik & Kemasukan IIUM, Tuan Haji Anas Shamsudin. Seramai lebih kurang 300 orang termasuk tetamu terhormat, pegawai dan pensyarah Darul Quran serta para ibu bapa telah menyertai majlis ini.

Majlis berakhir dengan bacaan ikrar oleh pelajar baharu dan acara turun-temurun dalam majlis pendaftaran iaitu sesi penyerahan pelajar oleh ibu bapa kepada Darul Quran. Ini adalah sebagai satu simbolik penyerahan amanah kepada Darul Quran supaya membimbing dan mendidik anak-anak didik ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang terpilih.



JUN

MINGGU HALUAN HUFFAZ PROGRAM PENSIJILAN JAKIM-IIUM MELABUHKAN TIRAI

2 Jun 2023 – Bak kata pepatah, *"tak kenal maka tak cinta"*. Seusai Majlis Pendaftaran Pelajar Baharu yang berlangsung pada 29 Mei 2023, pelajar-pelajar baharu Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi 2023/2024 telah mengikuti minggu suai kenal atau dikenali dengan Minggu Haluan Huffaz. Program yang diadakan selama lima hari ini telah diadakan di kompleks Darul Quran dan kawasan sekitar Kuala Kubu Bharu.

Objektif Minggu Haluan Huffaz 2023 ini diadakan adalah untuk memupuk rasa sayang kepada Darul Quran di samping melahirkan rasa hormat kepada warganya. Di samping itu, melalui program ini juga secara tidak langsung dapat mengenal pasti kekuatan serta kelemahan diri dalam menjadi seorang huffaz yang cemerlang.

Selama lima hari ini, para pelajar telah mengikuti beberapa aktiviti yang dijalankan antaranya slot taklimat, Latihan Dalam Kumpulan (LDK), *Explorace*, aktiviti kembara dan diakhiri dengan Majlis Penutup. Perasmian majlis penutup program telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Pengarah Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Haji Mohd Nazri bin Abdullah pada hari yang terakhir mewakili Pengarah Darul Quran.

Semoga segala falsafah yang diterapkan dalam Minggu Haluan Huffaz 2023 dapat dihayati oleh para pelajar seterusnya mempersiapkan mereka dalam menjadi seorang huffaz yang cemerlang serta berakhlak.






35 PENSYARAH DQ DAN LTDQ SERTA BENGKEL PENYEDIAAN MUZAKKIRAT

8 Jun 2023 - Seramai 35 orang pensyarah Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah menjayakan Bengkel Penyediaan Muzakkirat bagi Kursus Akidah serta Pengantar Dakwah. Bengkel yang berlangsung selama tiga hari bermula 6 Jun 2023 ini telah diadakan secara bersemuka di Dewan Maktabah Darul Quran dan secara maya menerusi aplikasi Google Meet. Para peserta telah dibimbing oleh dua orang fasilitator yang merupakan pakar dalam bidang akidah dan dakwah dari universiti tempatan iaitu Dr. Azmil Zainal Abidin serta Dr. Zulkefli Aini.

Perasmian penutup disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali. Dalam ucapannya beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta tahniah kerana berjaya menyiapkan muzakkirat untuk digunapakai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bermula Julai nanti.



37 PELAJAR IJAZAH USIM-DQ BERLEPAS KE PERKAMPUNGAN ORANG ASLI GUA MUSANG

9 Jun 2023 - Seramai 37 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ bersama dua orang guru pengiring akan berangkat ke Perkampungan Orang Asli Pos Tuel Gua Musang, Kelantan bagi menjayakan Program Penghayatan Kesenian Islam dan Khidmat Masyarakat Mural Khat. Majlis perasmian pelepasan pelajar-pelajar ini telah disempurnakan oleh Ketua Seksyen Pengurusan Pengajian Ijazah Darul Quran, Dr. Mohd Hapizi bin Sulaiman. Program Penghayatan Kesenian Islam dan Khidmat Masyarakat Mural Khat ini akan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini sehingga 11 Jun 2023.

Program yang akan dilaksanakan selama tiga hari dua malam ini diadakan bertujuan memberi pendedahan tentang kesenian Islam khususnya seni khat kepada masyarakat orang asli sebagai salah satu medium dakwah bil hal untuk menarik minat masyarakat orang asli mengenai Islam. Selain itu, program ini juga turut menyantuni warga asnaf yang memerlukan. Antara aktiviti lain yang akan turut dijalankan ialah ziarah ke kebun orang asli, sukaneka dan malam kesenian Islam. Agensi lain yang turut terlibat dalam menjayakan program ini ialah Jabatan Kemajuan Orang Asli, Islamic Outreach ABIM Kok Lanas serta Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. Semoga program ini berjaya dilaksanakan dengan baik serta mencapai semua objektif yang telah dirancang.



BAKTI HUFFAZ PERDANA 2023 MELABUHKAN TIRAI

11 Jun 2023 – Seramai 50 orang pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran serta Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) telah mengikuti Bakti Huffaz Perdana 2023. Program yang berlangsung selama empat hari bermula 8 hingga 11 Jun 2023 ini telah diadakan di Kampung Juara, Pulau Tioman, Pahang Darul Makmur. Program ini diadakan bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi di samping memupuk nilai profesionalisme para peserta dalam lapangan dakwah bersama masyarakat supaya dapat diaplikasikan pada masa akan datang.

Selama empat hari ini, para pelajar telah mengikuti beberapa aktiviti yang dijalankan bersama masyarakat seperti gotong-royong membersihkan kubur serta masjid, ziarah mesra dakwah (penyampaian sumbangan), tadarus al-Quran, Kem Bestari Solat, Klinik al-Fatihah, gotong-royong/rewang kenduri rakyat, sukan rakyat, kursus pengurusan jenazah, diskusi ilmu dan diakhiri dengan Majlis Penutup. Perasmian majlis penutup program telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Dato' Haji Abdul Zaki bin Md Zain.

Semoga usaha kecil para peserta dalam menjalankan dakwah sepanjang program Bakti Huffaz Perdana ini dapat menatijahkan sesuatu yang positif kepada penduduk Kampung Juara.



BENGGEL PENYUNTINGAN DAN PEMBACAAN PRUF ARTIKEL JURNAL DQ

14 Jun 2023 - Darul Quran JAKIM telah melaksanakan Bengkel Penyuntingan dan Pembacaan Pruf Artikel Jurnal Bilangan 27 selama dua hari bermula semalam (13 Jun 2023). Bengkel ini telah dihadiri oleh 20 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai Darul Quran.

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan tentang kaedah, teknik dan proses suntingan serta pembacaan pruf yang berkesan. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai Darul Quran dalam kerja-kerja penerbitan, penyelidikan serta penulisan ilmiah. Di samping dapat menghasilkan bahan penerbitan yang berkualiti dan memenuhi keperluan semasa.

Bengkel diakhiri dengan Majlis Perasmian Penutup yang disempurnakan oleh Ketua Seksyen Standard Cawangan Kualiti Darul Quran, Ustaz Mohamad Rahim bin Mohammed Abdul Rahman. Semoga melalui bengkel ini dapat meningkatkan lagi kuantiti serta kualiti bahan-bahan ilmiah hasil penerbitan Darul Quran.



DQ ANJUR DISKUSI BUKU: ISLAM DAN SEKULARISME

15 Jun 2023 - Darul Quran melalui Jabatan Usuluddin telah mengadakan Program Diskusi Buku: Islam dan Sekularisme bertempat di Auditorium Syeikh Mohd Noor hari ini. Diskusi buku ini telah dikongsikan oleh Pensyarah Kanan Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban, RZS-CASIS, Dr. Mohd Hilmi bin Ramli.

Objektif diskusi ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada peserta berkaitan kefahaman Islam berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dan metodologi mendepani aliran sekularisme yang semakin meruncing kini.

Program ini telah dihadiri lebih kurang 200 orang peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM, para pensyarah serta pegawai Darul Quran, wakil dari Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) dan juga agensi setempat.

Semoga dengan berlangsungnya diskusi ini dapat memberikan pencerahan lagi tentang kefahaman Islam yang sebenar kepada masyarakat.



DQ SERTAI KARNIVAL AKADEMIK DARUL IFTAK

17 Jun 2023 - Darul Quran berbesar hati menerima jemputan untuk membuka reruai di Akademi Darul Iftak, Sungai Petani, Kedah bersempena Program Karnival Lima Tahun penubuhan akademi tersebut. Pihak DQ yang diwakili dua orang pegawai iaitu Ustaz Muhammad Amrin Razikin bin Abdul Razak dan Ustaz Muhammad Nazim bin Siham telah mengadakan promosi serta memperkenalkan program-program pengajian yang ada di Darul Quran. Selain itu, reruai DQ juga turut mengadakan Klinik Al-Fatihah kepada para pengunjung karnival tersebut bagi menyemak dan membetulkan bacaan al-Fatihah.

Dengan penglibatan dalam karnival ini diharapkan masyarakat awam khususnya di Negeri Kedah dapat mengenali Darul Quran JAKIM dengan lebih dekat lagi.



260 ORANG PELAJAR SERTAI BENGKEL MUET KEMAHIRAN MEMBACA

17 Jun 2023 - Darul Quran melalui Jabatan Bahasa, Cawangan Akademik telah menganjurkan Bengkel MUET Kemahiran Membaca di Auditorium Syeikh Mohd Noor pada pagi ini. Penceramah jemputan dalam bengkel kali ini ialah Dr. Mazlin binti Mohamed Mokhtar, Pensyarah Kanan Bahasa Inggeris, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bengkel ini telah disertai seramai 260 orang peserta yang terdiri daripada pelajar Program Diploma dan Ijazah.

Antara objektif bengkel ini diadakan ialah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai persediaan menghadapi Reading Test (MUET). Selain itu, para pelajar juga didedahkan teknik dan kemahiran menjawab bagi soalan ujian MUET Kemahiran Membaca

Semoga melalui penganjuran bengkel ini para peserta dapat menjawab ujian peperiksaan MUET dengan jayanya insya-Allah.



PUSAT ISLAM DQ ANJUR KURSUS ASAS PENYEMBELIHAN

18 Jun 2023 – Seramai 100 orang pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Semester Empat telah menyertai Program Kursus Asas Penyembelihan. Kursus ini telah dibimbing oleh Pengerusi Pondok Madrasah Raudatul A'riffin merangkap Imam Masjid Kalumpang, Ustaz Yazuli bin Rosli dari Kalumpang, Hulu Selangor.

Objektif kursus ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada para mahasiswa khususnya golongan huffaz tentang cara yang betul dan sempurna dalam penyembelihan. Sebanyak 100 ekor ayam telah disediakan oleh pihak Pusat Islam bagi para peserta untuk melakukan praktikal penyembelihan sendiri.

Melalui program ini diharapkan semoga para pelajar dapat menambahkan lagi pengetahuan fiqh korban serta mempraktikkan konsep penyembelihan di bawah garis panduan Islam.



DUA TOKOH ULAMA' ANTARABANGSA SAMPAIKAN CERAMAH KEPADA PELAJAR DQ

18 Jun 2023 – Hari ini merupakan detik bertuah bagi Darul Quran apabila menerima kunjungan dua orang tokoh ulama' antarabangsa iaitu Shaykh Ahmed Mohamed Saad Al-Maliki Al-Azhari Al-Hasani dari United Kingdom serta Sheikh Muhammad Haydara Al-Jilani dari Gambia. Shaykh Ahmed Saad merupakan keturunan dalam keluarga ulama' yang nasabnya kembali kepada Rasulullah SAW melalui cucu Baginda; Al-Hasan bin Ali r.a. di Utara Mesir sebelum beliau menetap di United Kingdom. Sementara Sheikh Muhammad Haydara pula merupakan keturunan daripada Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Kedua orang ulama' ini juga merupakan tetamu YAB Perdana Menteri yang akan menyampaikan ceramah dalam Majlis Ilmu Madani bersama YAB Perdana Menteri di Seri Perdana pada petang ini.

Dalam rangka kunjungan kedua Syeikh ke kampus Darul Quran, pihak Darul Quran telah mengatur sesi ceramah kepada para pelajar yang bertajuk "Muslim Youth Today: Challenges and Responsibilities Towards Ummah". Dalam ceramahnya al-Fadil Syeikh menyatakan bahawa para pelajar seharusnya menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh terutamanya di usia muda kerana apabila seseorang itu berilmu maka akan membentuk masyarakat yang beradab, maju dari segi pemikiran, kerohanian dan material sesuai dengan konsep pembangunan Malaysia Madani.

Kedua-dua orang Syeikh ini juga turut dibawa melawat sekitar Darul Quran sejurus selepas sesi ceramah berakhir. Turut hadir dalam majlis ialah pegawai-pegawai Darul Quran diketuai Ketua Seksyen Standard Cawangan Kualiti, Haji Mohamad Rahim bin Mohammed Abdul Rahman. Semoga warga Darul Quran mendapat sebaik-baik manfaat hasil daripada kunjungan Shaykh Ahmed Mohamed Saad Al-Maliki Al-Azhari Al-Hasani serta Sheikh Muhammad Haydara Al-Jilani ini.



PERASMIAN BANGUNAN MADRASAH DARUSSALAM LITTADRIB AL-ISLAMI, VIETNAM

19 Jun 2023 – Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff bersama kerajaan Vietnam telah menyempurnakan perasmian bangunan Madrasah Darussalam Littadrib al-Islami yang terletak di Wilayah Tay Ninh, Vietnam.

Madrasah Darussalam merupakan sebuah tempat pengajian agama Islam bagi anak-anak Muslim di Vietnam namun agak terhad kerana operasinya dijalankan di masjid. Hasil sumbangan rakyat Malaysia dan orang ramai, bangunan baharu Madrasah Darussalam yang mampu menampung seramai 350 orang dalam satu masa telah dibina dan akan digunakan sebagai kelas pengajian.

Datuk Ketua Pengarah JAKIM juga diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan aluan. Memetik ayat 10 dan 13 daripada Surah al-Hujurat dalam ucapannya, sesama Muslim perlu saling membantu serta mengenali antara satu sama lain tidak mengira perbezaan kaum dan bangsa atas dasar ukhawah. Sebaik-baik manusia adalah yang paling bertaqwa kepada Allah.

Turut hadir bersama ialah YM Raja Hanizam Putra Raja Najamudin, Konsul Malaysia di Vietnam dan Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Semoga hubungan antarabangsa Malaysia-Vietnam terus kukuh dan syiar Islam terus berkembang di negara Vietnam.



132 CALON SELURUH MALAYSIA DUDUKI UJIAN STM 2023

20 Jun 2023 - Seramai 132 orang calon telah menduduki ujian Sijil Tahfiz Malaysia (STM) Siri 1 bagi tahun 2023. Ujian STM pada kali ini dilaksanakan secara serentak di seluruh Malaysia iaitu di tiga zon utama; Darul Quran Kuala Kubu Bharu, Institut al-Quran Darul Aman (IQDAR) Alor Setar Kedah serta di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Besut, Terengganu.

Untuk info, JAKIM telah memperkenalkan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) sejak tahun 2011 lagi dan pemberian sijil ini adalah sebagai satu pengiktirafan kerajaan Malaysia kepada penghafaz al-Quran yang telah menghafaz 30 juzuk al-Quran.

Antara objektif diadakan Sijil Tahfiz Malaysia ini adalah untuk memberi perakuan hafazan kepada penghafaz al-Quran di samping peluang kepada mereka yang tidak mendapat pendidikan secara formal untuk mendapatkan sijil khas tahfiz.

Semoga dengan adanya medium sebegini dapat mengimarahkan lagi semangat membumikan al-Quran dalam diri dan memartabatkan semangat memuliakan al-Quran di kalangan para huffaz itu sendiri kelak.



SABAH JADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MTQN PERINGKAT KEBANGSAAN KE-41

22 Jun 2023 - Darul Quran JAKIM dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) melalui Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS) telah berjaya mengadakan Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) Peringkat Kebangsaan Ke-41. Penganjuran persidangan pada kali ini telah diadakan di Borneo Royale Hotel Tawau, Sabah. Persidangan yang bermula dari 20 hingga 22 Jun 2023 ini telah disempurnakan perasmianya oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah (Hal Ehwal Islam), Datuk Haji Ruslan bin Muharam.

Antara tujuan utama persidangan ini diadakan adalah untuk:
menyampaikan keputusan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Darul Quran JAKIM;
menyelaras aktiviti akademik, penaziran dan peperiksaan;
menyampaikan pandangan dan cadangan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan tahfiz al-Quran;
merangka aktiviti untuk merapatkan hubungan antara Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) sama ada di peringkat pengurusan, pensyarah dan pelajar.

Dengan berakhirnya persidangan kali ini diharapkan agar segala keputusan yang telah disepakati dapat dilaksanakan dengan sebaiknya sama ada di peringkat DQ mahupun LTDQ supaya ia dapat meningkatkan lagi kualiti pelaksanaan program pengajian khususnya berkaitan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat.



25 KAKITANGAN DQ SERTA BENGKEL ASAS REKA BENTUK GRAFIK POSTER

22 Jun 2023 - Seramai 25 orang kakitangan Darul Quran dari pelbagai gred telah menyertai Bengkel Asas Reka Bentuk Grafik Poster. Bengkel yang dianjurkan oleh Seksyen Komunikasi Korporat Darul Quran ini telah diadakan selama dua hari iaitu pada 21 dan 22 Jun 2023 bertempat di Makmal Komputer, Darul Quran. Selama dua hari ini, para peserta telah dibimbing oleh Puan Noorlizawati binti Mohd Akil selaku Pengurus AD Media Bizz Services.

Antara pengisian dalam bengkel ini ialah pendedahan berkenaan dengan asas dalam reka bentuk grafik. Selain itu, para peserta bengkel turut diajar berkenaan dengan asas menggunakan aplikasi Canva. Tambahan lagi, para peserta juga diberikan pendedahan berkenaan dengan kepentingan reka bentuk grafik dalam menghasilkan sesuatu poster atau infografik dalam menyalurkan maklumat rasmi kepada pembaca.

Semoga melalui pelaksanaan bengkel ini para peserta dapat memanfaatkan ilmu kemahiran reka bentuk dengan lebih kreatif dan inovatif di samping dapat merencanakan lagi dakwah digital melalui medium infografik.



KURSUS INTENSIF BAHASA ARAB UNTUK BAKAL MAHASISWA SHOUBRA MESIR

23 Jun 2023 - Darul Quran melalui Unit Alumni, Cawangan Hal Ehwal Pelajar dan Persatuan Alumni Darul Quran JAKIM telah menganjurkan Kursus Intensif Bahasa Arab. Kursus ini diadakan selama lima hari bermula 19 hingga 23 Jun 2023 bertempat di Dewan Maktabah Darul Quran. Tujuan penganjuran kursus adalah untuk meningkatkan kemahiran penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan peserta sebagai persediaan dan persiapan menyambung pengajian ke luar negara iaitu di Shoubra, Mesir.

Seramai 60 orang alumni Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat dari Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) seluruh Malaysia telah menyertai kursus ini. Penceramah jemputan bagi kursus ini ialah Syeikh Yaser Mohamed Abdou dan Syeikh Hossam Hasan Mohamed Elmihy yang merupakan pensyarah Darul Quran dari Mesir.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim pada hari terakhir kursus. Dalam ucapan perasmiannya beliau mengharapkan agar para peserta dapat memanfaatkan sepenuhnya usaha dan inisiatif yang dijalankan untuk berjaya dalam peperiksaan kemasukan ke Shoubra, Mesir pada bulan Julai nanti, insya-Allah.



JPK ADAKAN LAWATAN VERIFIKASI TERHADAP PERANTIS DLKM

27 Jun 2023 - Darul Quran menerima lawatan verifikasi dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah hari ini. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk melakukan semakan dan pengesahan terhadap pelaksanaan latihan SLDN di Darul Quran bagi Program Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Bidang Pengurusan Masjid.

Perantis di Darul Quran seramai lapan orang telah memulakan latihan pada awal bulan Mei 2023 dan akan menamatkan latihan pada 30 September ni.

Semoga dengan kerjasama yang erat antara Darul Quran dan Jabatan Pembangunan Kemahiran dapat melancarkan lagi proses perjalanan program TVET di Darul Quran dalam usaha melahirkan perantis yang berketrampilan.



JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK DQ BERSIDANG HARI INI

27 Jun 2023 - Sebanyak tiga kertas cadangan dan satu kertas makluman telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) Darul Quran hari ini. Mesyuarat yang diadakan di Bilik Syura Abu Bakar As-Siddiq, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Utama Bangi ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said yang juga merangkap selaku Pengerusi JKPA. Dalam aluannya, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua ahli JKPA kerana memberikan komitmen yang tinggi kepada Darul Quran serta sudi berkongsi idea-idea yang baik setiap kali mesyuarat diadakan.

Sesi mesyuarat kali ini telah membahaskan perkara-perkara berkaitan perakuan keputusan peperiksaan, pencalonan anugerah kecemerlangan Darul Quran JAKIM Tahun 2023 dan makluman pelaksanaan Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM Ke-31 Tahun 2023.

Diharapkan mesyuarat yang diadakan pada kali ini dimanfaatkan untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran anak-anak pelajar Darul Quran serta Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ).



JULAI

PROGRAM IBADAH KORBAN PUSAT ISLAM DQ

1 Julai 2023 - Darul Quran melalui Pusat Islam telah mengadakan Program Ibadah Korban bagi tahun 2023 pada Hari Raya Aidiladha ketiga bersamaan 12 Zulhijah 1444. Seramai kira-kira 100 orang kakitangan termasuk Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim telah terlibat dalam Program Ibadah Korban ini.

Program ini bukan sahaja dapat mengeratkan ukhuwah malah menyuburkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan kakitangan dan secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara warga kerja di Darul Quran. Sebanyak tiga ekor lembu dikorbankan dan dagingnya telah diagih-agihkan kepada warga kerja Darul Quran.

Diharapkan ibadah korban yang dijalankan pada tahun ini diterima dan seterusnya mendapat sebaik-baik ganjaran di sisi Allah Taala.



AHLI LEMBAGA DQ BERSIDANG KALI KE-40

3 Julai 2023 - Mesyuarat Lembaga Darul Quran JAKIM Bilangan 40 telah bersidang di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8 Blok A, Kompleks Islam Putrajaya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff merangkap Pengerusi Lembaga Darul Quran JAKIM.

Mesyuarat Lembaga pada kali ini telah membincangkan lima kertas cadangan dan satu kertas makluman. Antara ahli yang hadir pada kali ini ialah Tan Sri Othman bin Mustapha, Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Tuan Haji Ruslan bin Said, Tuan Haji Ahmad Fuat bin Apani, Puan Roslina binti Shafawi, Prof. Dr. Mohd Radhi bin Ibrahim, Prof. Dr. Ahmad Faris bin Ismail, Prof. Dr. Mohd. Fauzi bin Hamat, Tuan Jamalullail bin Abu Bakar, Prof. Madya Dr. Ahmad Sunawari bin Long dan Tuan Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim selaku Setiausaha.

Datuk Pengerusi merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli lembaga atas sumbangan dalam memberi idea serta pandangan yang baik demi memastikan kelangsungan institusi tahfiz terutamanya Darul Quran JAKIM terus berada di persada perdana.



20 PERANTIS BAHARU SKM DAN DKM BIDANG PENGURUSAN MASJID SELAMAT MENDAFTAR

4 Julai 2023 - Majlis Sambutan Pelajar Baharu Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3 dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Bidang Pengurusan Masjid Tahap 4 telah diadakan di Auditorium Darul Quran pada pagi ini. Majlis ini telah disempurnakan perasmiaannya oleh Timbalan Pengarah Cawangan Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali yang mewakili Pengarah. Majlis turut diserikan dengan perkongsian dan kata-kata semangat yang telah disampaikan oleh saudara Muhammad Shafiq Muaddib bin Harun, alumni Program SKM Sesi 2016 dan DKM Sesi 2018.

Bagi pengambilan pada sesi kali ini, calon yang memohon untuk kedua-dua program adalah seramai 36 orang calon. Setelah disenarai pendek, hanya 20 orang perantis sahaja yang layak didaftarkan.

Program ini merupakan program kerjasama antara Darul Quran dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang telah bermula sejak tahun 2015 bagi Program SKM dan tahun 2018 bagi Program DKM. Program DKM adalah merupakan kesinambungan kepada program SKM Tahap 3 dengan tujuan untuk meneruskan peningkatan tahap kemahiran mereka. Perantis-perantis program ini juga diwajibkan untuk menghafaz al-Quran juzuk 10 bagi setiap program kemahiran di samping menyelesaikan unit-unit kompetensi yang telah ditetapkan sepanjang pengajian berlangsung. Semoga perantis-perantis baharu Darul Quran memanfaatkan peluang ini untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya di dunia dan akhirat.



DQ ANJUR BENGKEL SEMAKAN PERATURAN TATATERTIB

5 Julai 2023 - Darul Quran melalui Unit Pembangunan Sahsiah dan Disiplin, Cawangan Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan Bengkel Semakan Peraturan Tatatertib Darul Quran JAKIM bagi Siri 1/2023. Bengkel yang diadakan pada 3 hingga 5 Julai 2023 ini telah diadakan di Institut Pengurusan Peladang, Langkawi. Seramai 34 orang peserta terdiri daripada wakil Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah menyertai bengkel tersebut.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menyelaraskan Peraturan-Peraturan Tatatertib Darul Quran yang akan digunapakai oleh DQ serta semua LTDQ. Selain itu, bengkel ini turut membincangkan serta memperhalusi Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Darul Quran 2015.

Majlis perasmian penutupan bengkel telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim pada hari terakhir. Diharapkan semua keputusan yang dibincangkan dalam bengkel ini dapat memangkinkan sahsiah pelajar Darul Quran seperti yang diharapkan.



DQ KONGSI PENGALAMAN PELAKSANAAN SKM BIDANG PENGURUSAN MASJID KEPADA MAIK

5 Julai 2023 - Seramai 10 orang pegawai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) diketuai Imam Besar Masjid Negeri Kelantan, Haji Muhammad Hana Pizi bin Abdullah telah mengadakan kunjungan mahabbah ke Darul Quran. Delegasi MAIK ini telah disantuni oleh Timbalan Pengarah Cawangan Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali bersama pegawai-pegawai kanan Darul Quran yang lain.

Kunjungan ini adalah merupakan susulan daripada lawatan kerja MAIK ke DQ pada bulan November tahun lalu bagi mendapatkan maklumat tambahan tentang pelaksanaan program kemahiran SLDN di Darul Quran. Pada kali ini, para pelawat berhasrat mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan panduan penyediaan kurikulum yang diperlukan untuk pentauliahn dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

Diharapkan melalui kunjungan mahabbah ini dapat membantu pihak MAIK dalam melaksanakan Program SKM di samping memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama dalam memartabat Tahfiz TVET di Malaysia.



BDKI-DQ BINCANG PENAMBAHBAIKAN PEPERIKSAAN SIJIL TAHFIZ MALAYSIA

6 Julai 2023 - Seramai tiga orang pegawai dari Cawangan Tahfiz, Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI), JAKIM telah hadir ke Darul Quran bagi membincangkan berkenaan penambahbaikan Peperiksaan Sijil Tahfiz Malaysia (STM). Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.

Perbincangan berkenaan penambahbaikan ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti STM daripada yang telah sedia dijalankan sekarang. Selain itu, mesyuarat juga turut membincangkan tentang cadangan bagi mengadakan bengkel penyediaan silibus dan buku rujukan STM.

Melalui cadangan serta idea yang telah dilontarkan dalam mesyuarat ini diharapkan ia dapat meningkatkan lagi standard STM ke tahap yang lebih tinggi.



DQ ADAKAN TAKLIMAT AKADEMIK SECARA HIBRID

6 Julai 2023 - Darul Quran JAKIM melalui Cawangan Akademik telah mengadakan Taklimat Akademik Siri Satu Tahun 2023 yang dilaksanakan secara hibrid. Seramai 166 orang pensyarah Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah menghadiri taklimat akademik pada hari ini. Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk menyelaraskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi sesi pengajian Julai hingga November 2023 agar mematuhi syarat serta mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Pengisian taklimat ini dimulakan dengan taklimat umum akademik yang disampaikan oleh Ketua Unit Pengurusan Akademik, Ustaz Ahmad Fuat bin Jamil. Seterusnya taklimat berkaitan pelaksanaan PdP Hifz al-Quran yang disampaikan oleh Ketua Jabatan Tahfiz al-Quran, Ustazah Yusida binti Yusuf. Taklimat ini juga melibatkan pengisian dari Jabatan al-Quran dan Qiraat, Jabatan Pengajian Umum, Jabatan Pengajian Syariah, Jabatan Pengajian Usuluddin serta Jabatan Bahasa. Majlis perasmian penutupan taklimat telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali.

Diharapkan sesi taklimat ini dapat meningkatkan lagi kualiti para pensyarah dalam menjalankan PdP seterusnya dapat memberi impak yang besar kepada pelajar-pelajar dalam usaha membina modal insan yang berkualiti.



DQ TERIMA KUNJUNGAN MAHABBAH DARI PERMATA & MATA

7 Julai 2023 - Mantan Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd Aziz bersama lima jawatankuasa Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA Al-Quran) dan Majlis Tahfiz Asia Tenggara (MATA) telah mengadakan kunjungan mahabbah ke Darul Quran. Kehadiran beliau pada kali ini adalah selaku Penasihat PERMATA Al-Quran.

Beliau yang juga mantan Pengetua Darul Quran hadir bersama Ustaz Manolito bin Mohd Dahlan (Presiden PERMATA AL-QURAN), Dr. Muhammad Hafiz Salleh (Naib Presiden), Ustaz Muhd Adha Buyong (Setiausaha), Prof. Madya Dr. Zety Nurliyana binti Rasyed (Ahli Majlis Permata, Lujnah Mudirah) dan Ustazah Hasna' binti Abd Samad (Ahli Majlis Permata, Lujnah Mudirah). Kesemua delegasi pelawat ini telah disambut mesra oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim dan pegawai-pegawai Darul Quran yang lain.

Antara agenda perbincangan dalam kunjungan mahabbah ini adalah memperkenalkan dengan lebih dekat tentang latar belakang PERMATA Al-Quran dan MATA. Delegasi pelawat turut menyatakan hasrat untuk mengadakan kerjasama secara smart partnership bersama Darul Quran. Selain itu, pertemuan ini juga turut membincangkan tentang kerjasama bagi mengadakan forum Liqa' Ahlul Quran bersempena dengan penganjuran Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang akan diadakan pada bulan Ogos kelak.

Semoga hasil perbincangan dan kunjungan mahabbah ini dapat membuahkan hasil yang positif serta bermanfaat kepada seluruh masyarakat insya-Allah.



LAFUNTA & MAWY 2023 MELABUHKAN TIRAI

7 Julai 2023 - Darul Quran melalui Jabatan Bahasa Cawangan Akademik telah menganjurkan pertandingan Language Fun Fiesta (LAFUNTA) dan Mahrajan Lughawi (MAWY) peringkat jabatan bermula 3 hingga 6 Julai 2023. Pelbagai acara telah dipertandingkan antaranya ialah pertandingan Debat Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, Pidato Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, Spell It Right dan Imla' Arabiyyah. Seramai 85 orang pelajar-pelajar Darul Quran telah menyertai pertandingan-pertandingan tersebut.

Antara objektif penganjuran LAFUNTA dan MAWY ialah untuk memupuk semangat cintakan bahasa melalui acara-acara yang dipertandingkan. Pemenang-pemenang dalam pertandingan ini akan mewakili Darul Quran ke Karnival Bahasa Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 Tahun 2023 kelak.

Semoga melalui pertandingan seumpama ini dapat mencungkil bakat serta meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan para pelajar Darul Quran.



250 PELAJAR BAHARU DITAWARKAN PROGRAM DIPLOMA DQ

10 Julai 2023 – Seramai 250 orang pelajar baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM Sesi 2023-2026 telah selamat mendaftar serta diraikan dalam Majlis Sambutan Pelajar Baharu hari ini. Majlis Sambutan Pelajar Baharu ini dimulai dengan sesi pendaftaran serta penghantaran dokumen, penyampaian amanat khas oleh Prof. Madya Dr. Sedek bin Ariffin, Pensyarah Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Universiti Malaya (UM) dan seterusnya acara kemuncak iaitu majlis perasmian yang disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.

Bagi pengambilan pada sesi kali ini, Darul Quran telah menerima sebanyak 1,353 permohonan. Namun setelah tapisan deni tapisan yang dilakukan, hanya seramai 250 orang pelajar iaitu 150 banin dan 100 banat sahaja yang berjaya ditawarkan tempat sebagai pelajar bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Sesi 2023-2026.

Semoga para pelajar baharu bersemangat untuk menuntut ilmu dan menghafaz al-Quran dengan cemerlang.



DQ ADAKAN PENAZIRAN AKADEMIK DI MSU

11 Julai 2023 - Darul Quran JAKIM telah mengadakan Penaziran Akademik Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran ke Management & Science University (MSU). Penaziran ini dilaksanakan untuk memastikan para pelajar berjaya mencapai tahap muqarrar dan kehadiran yang telah ditetapkan bagi kelayakan menduduki peperiksaan akhir semester.

Terdapat beberapa skop penaziran yang telah disemak dan dinilai berdasarkan laporan dokumentasi serta pelaksanaan program pensijilan tersebut. Turut diadakan lawatan penaziran ke beberapa lokasi sekitar MSU termasuk kemudahan-kemudahan tempat belajar dan sebagainya. Penaziran yang bermula kira-kira jam 10.30 pagi di Aras 12 Bangunan Centre of Fundamental Studies of MSU dapat dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama yang baik daripada pihak institusi yang terlibat.

Melalui penaziran berterusan ini diharapkan institusi-institusi yang berkolaborasi dengan Darul Quran dapat mengekalkan standard dan kualiti seperti yang telah ditetapkan.



63 PENSYARAH DQ & LTDQ DIRAIKAN DALAM MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL KURSUS PENSIJILAN PDP

13 Julai 2023 - Seramai 63 orang pensyarah Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah diraikan dalam Majlis Penganugerahan Sijil Kursus Pensijilan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bertempat di Dewan Auditorium Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS), UPSI, Tanjung Malim, Perak. Majlis ini diadakan bagi meraikan kejayaan para penerima sijil Kursus Pensijilan PdP Siri 5 Tahun 2019 dan Siri 6 Tahun 2022. Majlis penganugerahan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Akademik & Antarabangsa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Dr. Abdul Rahim Razalli.

Kursus PdP Pensyarah DQ dan LTDQ yang diadakan sejak tahun 2015 merupakan program anjuran bersama antara Pusat Pembangunan Akademik UPSI dengan Darul Quran. Para peserta yang terlibat merupakan pensyarah-pensyarah DQ dan LTDQ. Sementara penceramah kursus pula terdiri daripada para pensyarah UPSI. Objektif utama penganjuran kursus ini adalah untuk memantapkan kemahiran PdP serta penambahan pengetahuan terkini dalam kalangan pensyarah DQ dan LTDQ.

Semoga dengan penganugerahan sijil tersebut meningkatkan lagi kualiti serta penyampaian PdP di Darul Quran dan LTDQ. Diharapkan ia akan meningkatkan lagi semangat para pensyarah dalam usaha "*melahirkan generasi al-Quran yang bertaqwa, berilmu serta bermanfaat kepada pembangunan negara dan ummah*".



MINGGU HALUAN HUFFAZ PELAJAR BAHARU DIPLOMA MELABUHKAN TIRAI

14 Julai 2023 - Kesemua pelajar baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Sesi 2023-2026 yang baru mendaftar telah selesai mengikuti program Minggu Haluan Huffaz. Program yang diadakan selama lima hari bermula 10 Julai 2023 telah berakhir dengan majlis penutup pada petang tadi. Majlis penutup ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali.

Selama lima hari ini para pelajar telah mengikuti beberapa slot mengikut modul-modul yang telah dirangka oleh para fasilitator dan ahli jawatankuasa program sebelumnya. Antaranya seperti taaruf, latihan dalam kumpulan, explorace, maharat al-Quran, kembara huffaz dan lain-lain.

Kesemua slot ini perlu diikuti oleh para pelajar baharu supaya dapat mencapai matlamat program iaitu membina jati diri dan sahsiah sebagai pelajar yang dicontohi melalui pembentukan disiplin, tatakelakuan serta sifat hamalatul Quran. Melalui keterlibatan dalam setiap slot program ini juga para pelajar baharu dapat membangkitkan gaya berfikir secara kreatif dan inovatif di samping turut memupuk rasa kecintaan terhadap Darul Quran.

Semoga tarbiah yang diperolehi melalui Minggu Haluan Huffaz ini dapat menjadi 'bekalan' buat pelajar-pelajar baharu dalam mengharungi kehidupan sepanjang pengajian di Darul Quran.





PUSAT ISLAM DQ ANJUR CERAMAH MAAL HIJRAH

18 Julai 2023 - Seramai lebih 300 orang pelajar hadir dalam program Ceramah Maal Hijrah 1445H Pusat Islam Darul Quran bagi tahun 1445/2023. Ceramah ini telah disampaikan oleh al-Fadil Ustaz Mohd Zulkifli bin Makhtar, Penolong Pengarah Unit Kompetensi, Cawangan Kualiti, Darul Quran JAKIM.

Ceramah yang berlangsung selama dua jam ini diadakan seusai Solat Maghrib secara berjemaah. Antara perkara yang disampaikan adalah berkaitan sejarah hijrah Rasulullah SAW bersama Sayidina Abu Bakar as-Siddiq, cabaran Baginda Nabi SAW dalam menyebarkan agama Islam serta kaitan situasi di zaman moden kini.

Semoga pengertian hijrah dengan konteks yang lebih luas dapat dihayati serta diamalkan dalam usaha untuk menjadi insan yang lebih baik daripada sebelumnya.



DQ ADAKAN LAWATAN PENAZIRAN AKADEMIK KE UNIVERSITY OF CYBERJAYA

20 Julai 2023 - Darul Quran telah mengadakan lawatan penaziran akademik siri 2/2023 ke Universiti of Cyberjaya (UoC) bagi Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UOC. Objektif penaziran ini adalah untuk memastikan pihak institusi mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh DQ selain mendapatkan maklumat terkini berkenaan muqarrar hafazan pelajar program ini.

Pegawai penazir DQ terdiri daripada Ustaz Ahmad Dasuki bin Hashim, Ketua Jabatan Pengajian Umum dan Ustaz Muhammad Zaki bin Ab Rahman, Ketua Unit Muadalah. Bagi pihak UoC pula diwakili oleh Ketua Program Tahfiz UoC, Ustazah Nurul Amilin Wajihah binti Mohammad Shamsudin dan beberapa orang pensyarah tahfiz UoC.

Lawatan penaziran ini diharap dapat memperkasakan kualiti pengurusan tahfiz ke arah melahirkan huffaz profesional yang cemerlang.



62 PELAJAR DQ DIRAI DALAM MAJLIS KHATAM HAFAZAN

22 Julai 2023 - Seramai 62 orang pelajar Darul Quran JAKIM telah diraikan dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran bagi Tahun 2023. Majlis ini diadakan bagi meraikan usaha dan penat lelah pelajar-pelajar yang telah berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran. Kesemua mereka merupakan pelajar-pelajar Program Tahfiz Profesional atau Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Darul Quran JAKIM kolaborasi bersama tujuh IPT dan para pelajar Program Tahfiz TVET daripada Program Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) kolaborasi bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Program Pensijilan Tahfiz ini merupakan usaha kerajaan khususnya Darul Quran JAKIM dalam melahirkan golongan huffaz profesional pada masa akan datang seperti doktor, jurutera, arkitek dan seumpamanya.

Majlis khatam hafazan ini telah disempurnakan dengan jayanya oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM. Majlis ini telah dimulakan dengan perarakan pelajar dan pensyarah bersama perasmi serta para tetamu jemputan bermula dari bangunan Pentadbiran menuju ke Dewan Mukhtamar.

Upacara khatam dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh pelajar banin (lelaki) dengan dipimpin oleh Ustaz Mohamad Azroin bin Hassan, Ustaz Abdul Aziz bin Sazali dan Ustaz Mohd Karmizi bin Jusoh. Wakil pelajar, Pengarah Darul Quran dan perasmi pula telah menyampaikan ucapan masing-masing sejeurus selepas selesai bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Seterusnya sesi penyampaian sijil khatam dan anugerah kecemerlangan kepada para pelajar yang terpilih. Anugerah-anugerah yang telah disampaikan ialah Anugerah Penulisan Al-Quran Terbaik, Anugerah Khas, Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang dan Anugerah Pelajar Tasmi' Cemerlang.

Sejeurus selepas majlis khatam, perasmi juga turut berbesar hati menyempurnakan perasmian Ekspo sempena Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM Ke-31 serta menyampaikan sumbangan musa'adah. Darul Quran JAKIM mengucapkan syabas serta tahniah diucapkan kepada semua pelajar atas kejayaan yang telah diperolehi.





DQ KONGSI INFO KAEDAH PELAKSANAAN ISO KEPADA BKP JAKIM

24 Julai 2023 – Seramai 11 orang pegawai dari Bahagian Khidmat Pengurusan JAKIM (BKP JAKIM) telah mengadakan lawatan kerja ke Darul Quran hari ini. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan info serta kaedah pelaksanaan ISO 9001:2015 di Darul Quran bagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK).

Delegasi BKP JAKIM ini diketuai oleh Pengarah BKP JAKIM iaitu Encik Mohammad Khalil bin Ibrahim. Manakala pihak Darul Quran diwakili oleh Ustaz Mohamad Rahim bin Mohammed Abdul Rahman, Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawangan Kualiti mewakili Pengarah Darul Quran. Turut serta dalam sesi perbincangan ini, tiga orang pegawai Darul Quran yang lain.

Melalui pertemuan mahabbah serta penerangan dari pihak Darul Quran kepada BKP JAKIM ini, Darul Quran bersedia membantu pihak BKP dalam persiapan ISO 9001:2015 di JAKIM berdasarkan pengalaman Darul Quran melaksanakan ISO 9001 selama 15 tahun. Semoga dengan kerjasama ini, BKP JAKIM berjaya melaksanakan ISO 9001:2015 selaras dengan pelan strategik JAKIM 2019-2025.



657 GRADUAN DIRAI DALAM ISTIADAT KONVOKESYEN DQ KE-31

27 Julai 2023 - Sekalung syabas dan tahniah diucapkan kepada seramai 657 orang graduan telah diraikan pada dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM Ke-31 yang bertempat di Dewan Muktamar, Darul Quran Kuala Kubu Bharu. Majlis yang gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Graduan yang telah diraikan ini adalah merupakan daripada pelbagai program pengajian yang ditawarkan di Darul Quran. Pecahan jumlah tersebut adalah sebagaimana berikut:

39 orang penerima Sijil Tamat Pengajian daripada Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM;

472 orang graduan daripada Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat; 128 orang graduan daripada Program Pensijilan Tahfiz al-Quran bagi kolaborasi JAKIM-IIUM (International Islamic University Malaysia), JAKIM-UNITEN (Universiti Tenaga Nasional), JAKIM-UoC (University of Cyberjaya), JAKIM-UTeM (Universiti Teknikal Malaysia Melaka), JAKIM-PSA (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) dan JAKIM-IPGKPI (Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam);

5 orang graduan Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran; dan 12 orang perantis Program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Bidang Pengurusan Masjid.

Di dalam majlis ini juga turut sampaikan beberapa anugerah kecemerlangan iaitu:

1. Anugerah Perdana Menteri:

Muhammad Faiz Iskandar bin Mohd Safiee
Yasmin Hani binti Abd Halim

2. Anugerah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri:

Muhammad Thariq bin Suhaimi
Farisyah binti Md Zahari
Muhammad Khalid bin Abdul Jabar
Miza Faihanah binti Mohd Japar
Ahmad Ikmal bin Mohd Ridhuan

3. Anugerah Pengerusi Lembaga Darul Quran:

Mior Faris Safiuddin bin Mohammad Shafie

Nur Iwana Safi binti Muhamad Hanizad
Nur Farhana binti Mohd Juhari
Nur Anis Syairah binti Roslan
Rairi binti Ramli
Husna Nadiyah binti Isham
Irfan Haqim bin Mohd Hafizal
Raudhatus Syifa' binti Rudie Rohaizad

4. Anugerah Kecemerlangan Hafazan Al-Quran:

Mior Faris Safiuddin bin Mohammad Shafie
Nur Farhana binti Mohd Juhari

5. Anugerah Khas:

Nur Shafina binti Ros Azizi

6. Anugerah Kecemerlangan Institusi:

- a) Pengurusan = Maahad Tahfiz Negeri Pahang
- b) Pencapaian Akademik = Maahad Tahfiz Negeri Pahang
- c) Berdaya Saing = Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah

7. Anugerah Institusi Pengajian IPT:

- a) Berkolaborasi Terbaik = Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

Sejak penubuhan Darul Quran pada tahun 1966 hingga 2023, Darul Quran telah melahirkan seramai 11,128 orang graduan huffaz. Tahniat dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat.





41 PEGAWAI SERTA KURSUS INDUKSI SLDN & COACH NDTs

31 Julai 2023 - Seramai 41 orang pegawai terdiri daripada pegawai Darul Quran, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah menyertai Kursus Induksi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Kursus Coach NDTs Programme. Kursus ini telah diadakan di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Lebuhr Enstek, Nilai, Negeri Sembilan. Kursus ini turut mendapat kerjasama dari Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).

Sebagai salah satu syarat lantikan sebagai tenaga pengajar program SLDN, tenaga pengajar tersebut hendaklah terlebih dahulu mengikuti Kursus Induksi SLDN yang dianjurkan oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST). Seterusnya mereka juga perlu mengikuti Kursus Coach NDTs atau dikenali sebagai Kursus Trainer bagi melayakkan mereka berdaftar sebagai Personel Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

Untuk rekod, Darul Quran dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telahpun mengadakan kerjasama sejak tahun 2015 berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Darul Quran JAKIM yang meluluskan pelaksanaan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Sehingga kini, Darul Quran telah melahirkan seramai 125 orang graduan Program Tahfiz TVET.



OGOS

BICARA PAKAR SYARIAH SIRI 1 BINCANG ISU HALAL

4 Ogos 2023 - Seramai 170 orang pelajar dan kakitangan Darul Quran telah menyertai Program Bicara Pakar Syariah Siri 1 Tahun 2023. Para pelajar yang menyertai program ini terdiri daripada pelajar-pelajar Syukbah Syariah, Muamalat dan Pengurusan Halal. Program yang dianjurkan oleh Jabatan Syariah Darul Quran ini telah diadakan di Auditorium Syeikh Mohd Noor.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi membudayakan majlis ilmu di Darul Quran. Bicara Pakar Siri 1 telah membincangkan isu mengenai ramuan kritikal di dalam produk makanan yang berdepan dengan isu halal. Perkongsian selama dua jam bersama pakar dari Bahagian Pengurusan Halal JAKIM ini telah memberi impak positif kepada para peserta dan merungkaikan segala kekeliruan yang berlegar dalam masyarakat. Sesi soal jawab juga berlangsung dengan rancak sehingga waktu terakhir program.

Turut hadir serta menyempurnakan perasmian program ialah Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Semoga program ilmu sebegini akan membuka minda para pelajar untuk lebih memahami dan mendalami tentang ilmu halal setelah mendapat penjelasan yang jitu daripada pihak yang berautoriti.



PENAZIRAN AKADEMIK PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-UTEM

4 Ogos 2023 - Satu Penaziran Akademik Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UTeM telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Pusat Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan telah dipengerusikan oleh Dekan Pusat Pembelajaran Bahasa UTeM. Sesi penaziran ini juga dihadiri oleh Pengarah Pengajian Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UTeM, Dr. Radzuan bin Nordin serta tenaga pengajar program tersebut.

Di antara skop penaziran akademik termasuklah pelaksanaan pengajaran dan pematuhan MoU serta semakan muqarrar bagi Kursus Hifz Al-Quran. Panel penazir Darul Quran bagi sesi kali ini telah dipertanggungjawabkan kepada Ustaz Luqman Jamil bin Abidin, Penolong Pengarah Kanan Unit Muadalah dan Ustaz Mohd Azroin bin Hassan, Penolong Pegawai Cawangan Kualiti.



JAIS HASRAT TUBUH SEMULA LTDQ DI SELANGOR

17 Ogos 2023 - Tiga orang pegawai dari Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (Selangor) diketuai Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan, Ustaz Muhamad Asmadi bin Mustakim telah mengadakan kunjung hormat ke Darul Quran hari ini. Kunjungan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan hasrat JAIS untuk mengadakan kerjasama akademik khususnya penawaran Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat secara kerjasama dengan Darul Quran.

Kerjasama bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat pernah wujud sebelum ini antara JAIS dan Darul Quran namun terhenti pada tahun 2005 atas faktor-faktor tertentu. Selain Negeri Selangor, Perlis, Pulau Pinang dan Johor, ketika ini terdapat 10 institusi tahfiz seluruh Malaysia yang mengadakan kerjasama akademik dengan Darul Quran dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Kesepuluh institusi tahfiz ini diistilahkan dengan nama Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ).

Semoga perbincangan awal bersama pihak JAIS ini menjadi titik tolak kepada penyertaan kembali institusi tahfiz di Negeri Selangor sebagai Lokasi Tambahan DQ yang seterusnya.



PUSAT ISLAM UTM CARI PENGIKTIRAFAN PELAJAR TAHFIZ

17 Ogos 2023 - Dalam usaha mencari pengiktirafan kepada pelajar-pelajar tahfiz Universiti Teknologi Malaysia (UTM), delegasi Pusat Islam UTM telah mengadakan kunjung hormat ke Darul Quran. Delegasi Pusat Islam UTM ini telah disertai oleh lima orang pegawai diketuai Pegawai Tadbir Kanan, Encik Mahyudin bin Md Sarip.

Dalam pernyataan hasratnya, Encik Mahyudin telah memaklumkan bahawa ketika ini di UTM terdapat beberapa orang pelajar dalam bidang profesional seperti kejuruteraan yang turut menghafaz al-Quran. Justeru Pusat Islam UTM mengambil inisiatif untuk mengadakan kerjasama dengan Darul Quran bagi mendapatkan pengiktirafan kepada pelajar-pelajar ini.

Sebagai solusi kepada hasrat ini, Darul Quran telah mencadangkan agar Pusat Islam UTM menganjurkan Peperiksaan Sijil Tahfiz Malaysia (STM). Calon-calon yang lulus dalam peperiksaan nanti akan diberikan sijil perakuan hafazan oleh Darul Quran JAKIM. Di samping itu, pihak Darul Quran turut mencadangkan agar diadakan kelas persediaan kepada pelajar-pelajar UTM sebagai persiapan sebelum menduduki Peperiksaan STM. Semoga usaha Pusat Islam UTM ini berjaya direalisasikan.



45 PENSYARAH DQ & LTDQ SERTA KURSUS PENYELARASAN BAHAN BANTU MENGAJAR

17 Ogos 2023 - Seramai 45 orang pensyarah Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah menyertai Kursus Penyelarasan Bahan Bantu Mengajar bagi subjek-subjek Pengajian Umum Darul Quran. Kursus yang dijalankan pada 15 hingga 17 Ogos 2023 ini telah diadakan bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia, Kampus Bangi.

Tujuan pelaksanaan kursus adalah untuk menyelaras nota serta bahan bantu mengajar bagi kegunaan sesi pembelajaran dan pengajaran pensyarah. Subjek-subjek yang terlibat ialah subjek Kepimpinan Dan Kemahiran Interpersonal, Pengajian Malaysia 2 serta Khidmat Masyarakat.

Dalam kursus ini para peserta telah dibahagikan kepada tiga kumpulan dengan bimbingan Prof. Madya Dr. Nazri bin Muslim bagi subjek Pengajian Malaysia 2, Dr. Zulkefli bin Aini bagi subjek Khidmat Masyarakat dan Encik Mohd Shamsuri bin Md Saad bagi subjek Kepimpinan dan Kemahiran Interpersonal.

Semoga nota dan bahan bantu mengajar yang disediakan dapat membantu para pensyarah DQ dan LTDQ dalam usaha meningkatkan kefahaman serta kemahiran para pelajar khususnya bagi subjek-subjek Pengajian Umum.



240 PELAJAR SEMESTER SATU DQ SERTAI BENGKEL PANDUAN KERJA KURSUS

18 Ogos 2023 – Seramai 240 orang pelajar semester satu Program Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Darul Quran telah mengikuti Bengkel Panduan Kerja Kursus. Bengkel yang dianjurkan oleh Lajnah Pendidikan PERKEMAT ini telah diadakan di Auditorium Syeikh Mohd Noor. Kesemua peserta telah dibimbing oleh Ustazah Nadia Zammil binti Md Nasir, pensyarah Jabatan Syariah Darul Quran.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan bimbingan kepada para pelajar dalam membuat kerja kursus dengan menggunakan format yang betul. Perkongsian ini membantu pelajar-pelajar Program Diploma semester satu yang tidak asing dengan kerja kursus ini.

Semoga bengkel panduan kerja kursus ini dapat memberi impak kepada para pelajar untuk menyiapkan kerja kursus yang diberikan oleh pensyarah dengan baik tanpa sebarang permasalahan terutama dari segi pengurusan masa.



DQ ADAKAN PENAZIRAN AKADEMIK DI IPGKPI

18 Ogos 2023 - Darul Quran JAKIM telah mengadakan Penaziran Akademik Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran ke Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI), Bangi. Penaziran ini dilaksanakan untuk memastikan para pelajar berjaya mencapai tahap muqarrar dan kehadiran yang telah ditetapkan bagi kelayakan menduduki peperiksaan akhir semester.

Terdapat beberapa skop penaziran telah disemak serta dinilai berdasarkan laporan dokumentasi dan pelaksanaan program pensijilan tersebut. Di samping lawatan ke beberapa buah lokasi di sekitar IPGKPI termasuk kemudahan-kemudahan tempat belajar dan sebagainya. Penaziran yang bermula kira-kira jam 10.30 pagi tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama yang baik dari pihak institusi yang terlibat.



PELAJAR DQ HADIRI SEMINAR KAUNSELING

18 Ogos 2023 – Seminar Kaunseling Darul Quran Tahun 2023 telah dihadiri oleh pelajar dari Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat dan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM. Seminar ini telah diadakan bertempat di Auditorium Sheikh Mohd Noor Darul Quran.

Program ini telah dikendalikan oleh Ketua Unit Psikologi Kaunseling Darul Quran, Dr. Mohd Zaharen bin Md Zahir. Manakala panel jemputan forum ialah Prof. Madya Dr. Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim dari Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Objektif utama seminar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan cabaran, hala tuju dan matlamat pengajian sepanjang berada di Darul Quran. Selain itu memberi panduan kepada pelajar khususnya terhadap bidang pengajian dan kerjaya pada masa hadapan. Di samping untuk membangkitkan motivasi pelajar dalam pengajian, pembentukan pembangunan diri, tingkah laku positif serta membentuk keyakinan sebagai pelajar tahfiz yang diharapkan.

Melalui program ini diharapkan para peserta memperolehi percambahan ilmu, motivasi dan membina keyakinan diri yang lebih unggul sejajar dengan dimensi baharu.



PENSYARAH DQ SELAMI TEKNIK SYARAHAN INTERAKTIF DAN PEMBELAJARAN KOPERATIF

23 Ogos 2023 - Darul Quran dengan kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) telah menganjurkan Kursus Syarahan Interaktif dan Pembelajaran Koperatif Darul Quran JAKIM bertempat di Dewan Perpustakaan DQ. Kursus ini telah diadakan selama dua hari iaitu 22 dan 23 Ogos 2023 melibatkan seramai kira-kira 30 orang pensyarah DQ dari pelbagai bidang.

Antara tujuan penganjuran kursus ini adalah bertujuan untuk mendedahkan para peserta berkenaan teknik-teknik yang boleh menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran lebih menarik serta berkesan. Kursus ini telah dibimbing oleh YBrs. Dr. Nurulhuda binti Abd Rahman, mantan pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



DQ PENGANJUR BERSAMA PROGRAM LIQA' AHLIL QURAN

23 Ogos 2023 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Darul Quran dan Masjid Negara dengan kerjasama Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA Al-Quran) serta Majlis Tahfiz Asia Tenggara (MATA) telah menganjurkan program Liqa' Ahlil Quran. Liqa' Ahlil Quran yang diadakan di Dewan Syarahan Masjid Negara ini merupakan program perkongsian ilmu oleh empat orang Hakim Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa bagi Tahun 2023. Empat orang hakim tersebut ialah Prof. Dr. Ahmed Isa El-Masarawy dari Mesir, Dr. Abdul Rashid Sufi dari Qatar, Dr. Samih Ahmad Khaled Athamneh dari Jordan dan Dr. Mohammed Ali Aatafay dari Morocco.

Program ini diadakan bagi mengambil peluang dan kesempatan keberadaan tokoh-tokoh al-Quran bertaraf dunia yang menjadi hakim di Malaysia sempena Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa bagi Tahun 2023. Para peserta yang dijemput untuk menyertai program ini pula merupakan para huffaz dari seluruh Malaysia.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff. Turut hadir Dato' Dr. Haji Zulkifle bin Haji Ali Al-Hafiz, Pengerusi MATA merangkap Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said serta Penasihat MATA, Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd Aziz yang juga mantan Ketua Pengarah JAKIM dan Pengetua Darul Quran.





PERHIMPUNAN PELAJAR BERSAMA PENGARAH SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN

25 Ogos 2023 - Majlis perhimpunan pelajar telah dilaksanakan di Dewan Muktamar yang dihadiri oleh pelajar-pelajar Sijil, Diploma, Ijazah serta para pegawai Darul Quran. Majlis perhimpunan ini merupakan aktiviti bulanan bagi perjumpaan Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim bersama anak-anak pelajar Darul Quran. Tujuan ia diadakan agar dapat mengeratkan ukhuwah di antara pihak pengurusan Darul Quran dengan pelajar-pelajar daripada semua program pengajian. Di samping menjadi medium untuk menyampaikan maklumat, teguran serta nasihat supaya para pelajar dapat meningkatkan motivasi, jati diri dan kesedaran.

Majlis dimulakan dengan slot ceramah motivasi yang disampaikan oleh Kaunselor Darul Quran, Dr. Mohd Zaharen bin Md Zahir yang bertajuk: "Bagaimana Pelajar Tahfiz Membentuk Remaja Delinkuen Alaf Millennial". Selepas itu diteruskan dengan agenda utama iaitu penyampaian amanat oleh Pengarah. Antara topik yang disentuh oleh Pengarah dalam majlis perhimpunan kali ini ialah tentang masalah disiplin dan kesejahteraan emosi para pelajar.

Dalam majlis perhimpunan ini, Pengarah turut menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi Pertandingan Reka Cipta Grafik Keceriaan Kolej Kediaman yang dianjurkan oleh Unit Kolej Kediaman. Selain itu, Pengarah turut melancarkan Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Darul Quran bersempena dengan bulan kemerdekaan pada tahun ini.

Semoga dengan penganjuran majlis perhimpunan pada kali ini dapat meningkatkan lagi motivasi dan potensi diri anak-anak pelajar Darul Quran.





SEPTEMBER

DARUL QURAN JAKIM TERIMA PENGANUGERAHAN SIRIM

6 September 2023 - Darul Quran telah berjaya mendapatkan kelayakan pensijilan ISO dalam bidang pendidikan iaitu Educational Organisation Management System (EOMS) 21001:2018 pada 16 Jun 2023. Selain itu, Darul Quran juga berjaya memperbaharui kembali pensijilan Quality Management System (QMS) ISO 9001:2015, QMS-i MS 1900:2014 sedia ada pada tarikh yang sama.

Majlis penganugerahan sijil telah dibuat dalam Perhimpunan Bulanan JAKIM September 2023 bertempat di Auditorium JAKIM. Penganugerahan sijil tersebut telah disampaikan oleh wakil SIRIM QAS, Encik Mohd Hamim bin Imam Mustain selaku Pengurus Besar Kanan Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan kepada Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim dengan disaksikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff.

Seiring kejayaan ISO 9001:2015, Darul Quran telah mendapatkan pengiktirafan dari United Kingdom Accreditation Service (UKAS) bagi melayakkan Darul Quran menggunakan simbol Crown UKAS dalam persuratan rasmi.



LAWATAN TAPAK KE KITAB PULAU PINANG

7 September 2023 – Darul Quran JAKIM telah mengadakan lawatan tapak ke Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang sebagai salah satu prasyarat dalam menjalinkan kerjasama akademik antara kedua belah pihak. Kunjungan pada kali ini merupakan langkah susulan ke arah merealisasikan hasrat KITAB untuk mewujudkan kerjasama dengan Darul Quran JAKIM bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat.

Delegasi Darul Quran diketuai oleh Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali dan beberapa orang pegawai kanan. Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Wan Nazjmi bin Mohamed Fisol selaku Pemangku Rektor KITAB. Delagasi Darul Quran turut dibawa melawat fasiliti yang terdapat di kampus KITAB seperti bilik kuliah, makmal komputer, asrama, kafeteria dan pusat sumber.



BICARA PAKAR SYARIAH SIRI 2 BINCANG ISU PELABURAN EMAS

8 September 2023 - Darul Quran melalui Jabatan Syariah telah menganjurkan Program Bicara Pakar Syariah Siri 2 Tahun 2023. Program yang diadakan di Auditorium Syeikh Mohd Noor ini telah disertai oleh para pelajar Program Diploma Tahfiz al-Quran & Qiraat dari Syukbah Syariah, Muamalat, Pengurusan Halal serta Dakwah. Program Bicara Pakar yang dilaksanakan secara bersiri ini telah membawakan topik-topik berkaitan isu semasa untuk memberi pendedahan kepada pelajar dalam mendepani persoalan semasa yang berlegar dalam masyarakat.

Penceramah pakar pada sesi kali ini dibawakan khas dari Universiti Malaya iaitu Dr. Ahmad Sufian bin Che Abdullah. Topik yang dibincangkan ialah isu mengenai pelaburan emas patuh syariah. Perkongsian selama dua jam bersama pakar syariah ini telah membuka minda pelajar dalam dunia pelaburan emas serta para peserta telah berjaya mendapat formula atau teknik yang betul dalam pelaburan emas. Sesi soal jawab juga berlangsung dengan rancak sehingga waktu terakhir program.

Semoga program ilmu sebegini akan berterusan agar dapat memberi pencerahan dan tunjuk ajar kepada para pelajar untuk lebih memahami serta mendalami ilmu tentang pelaburan emas yang merupakan cara penyimpanan wang yang efisien buat generasi sekarang.



DQ ANJUR BICARA EKSEKUTIF : PENGUCAPAN AWAM BERKESAN

8 September 2023 - Darul Quran melalui Jabatan Pengajian Umum telah menganjurkan program Bicara Eksekutif: Pengucapan Awam Berkesan bertempat Auditorium Syeikh Mohd Noor. Bicara eksekutif ini telah diadakan secara hibrid melibatkan para pelajar Semester Tiga Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat secara bersemuka serta secara dalam talian bagi pelajar-pelajar di Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ). Webinar ini turut boleh disertai oleh orang awam melalui *live* facebook Darul Quran JAKIM.

Penganjuran program ini merupakan salah satu inisiatif Cawangan Akademik yang bertujuan untuk melahirkan huffaz yang bukan sahaja mampu memberikan ceramah dengan berkesan, malah beradab dan santun sesuai dengan imej selaku hamalatul Quran. Bagi mencapai objektif program ini, Darul Quran telah menjemput Dato' Dr. Abdul Mua'ti@Zamri bin Ahmad, mantan Pengarah Pusat Strategik dan Perhubungan Korporat, Universiti Putra Malaysia bagi menyampaikan ceramah.

Program ini telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Dalam ucapan perasmianya, Pengarah memohon agar para peserta menggarap sebanyak mungkin ilmu yang dikongsikan oleh penceramah berkenaan dengan teknik pengucapan awam yang berkesan.

Melalui pelaksanaan program ini diharapkan dapat menyemarakkan lagi perkongsian ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang pengucapan awam dalam kalangan pelajar, warga Darul Quran seterusnya masyarakat awam yang turut terlibat dalam majlis ilmu ini secara dalam talian.



PERKEMAT DQ BANTU PELAJAR TINGKAT PRESTASI HAFAZAN

9 September 2023 - Lajnah Pendidikan Persatuan Kebajikan Maahad Tahfiz (PERKEMAT) Darul Quran telah menganjurkan program About Nasiy To Masyi. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membantu para pelajar Darul Quran khususnya pelajar yang lemah dari segi pencapaian Hifz Al-Quran pada semester yang lepas.

Antara inisiatif yang telah diambil ialah pelaksanaan Kelas Tasmi' Intensif khususnya kepada para pelajar yang terlibat dalam peperiksaan ulangan serta ketinggalan muqarrar hafazan. Selain itu, turut diadakan ceramah kaunseling bertajuk Pengurusan Masa: Prioriti Seorang Huffaz yang disampaikan oleh Kaunselor Darul Quran, Dr. Mohd Zaheran bin Md Zahir serta ceramah Kaedah Hafazan oleh Ustaz Muhammad Toriq bin Yaacob, Pensyarah Kanan Jabatan Tahfiz Darul Quran di Auditorium Syeikh Mohd Noor. Kedua-dua ceramah ini memfokuskan kepada para pelajar tentang pengurusan masa dengan baik di samping membantu para pelajar untuk menghafaz serta mengulang al-Quran dengan kaedah yang betul dan sesuai.

Kemuncak program About Nasiy to Masyi, Lajnah Pendidikan PERKEMAT telah menjemput penceramah luar iaitu Ustaz Mohd Syazani bin Jemy bagi membincangkan topik "Apa Erti Saya Menjadi Seorang Huffaz?" Perkongsian selama dua jam ini telah membantu pelajar untuk merungkai pelbagai persoalan yang bermain dalam minda mereka.

Semoga program ini dapat membantu dan memberi impak positif kepada seluruh pelajar Darul Quran terutama kepada pelajar-pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Hifz Al-Quran.



DQ ADAKAN BENGKEL PENYELARASAN SISTEM E-KAMPUS DQ 2.0

14 September 2023 - Darul Quran melalui Pejabat Pendaftar telah mengadakan Bengkel Penyelarasan Sistem e-Kampus DQ Versi 2.0 Siri 2 yang melibatkan antara pengguna sistem dalam kalangan pegawai Darul Quran bersama pihak vendor. Bengkel yang diadakan selama empat hari bermula 11 hingga 14 September 2023 ini telah diadakan bertempat di Darul Iman Training Centre (DITC), Kemaman, Terengganu. Perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim pada hari kedua.

Tujuan bengkel ini diadakan bagi memperkasakan lagi sistem e-kampus Darul Quran sedia ada sekarang kepada versi 2.0 yang terbaharu. Ciri-ciri sistem yang akan dimasukkan nanti lebih mesra pengguna terutamanya pelajar-pelajar Darul Quran untuk mengisi maklumat berkaitan permohonan pertukaran syukbah, pemindahan jam kredit dan lain-lain. Semoga semuanya berjalan dengan lancar.

Melalui pelaksanaan bengkel ini diharapkan agar sistem baru e-kampus Darul Quran dapat siap sepenuhnya pada tarikh yang telah disasarkan seterusnya dapat diaplikasikan dengan baik.



DQ ADAKAN BENGKEL PENYELARASAN ISO PERINGKAT PPT JAKIM

21 September 2023 - Darul Quran JAKIM melalui Cawangan Kualiti telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan ISO Peringkat Pemberi Pendidikan Tinggi JAKIM (PPT) bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Besut, Terengganu. Bengkel yang telah diadakan selama tiga hari bermula 19 hingga 21 September 2023 ini melibatkan tiga buah Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) JAKIM iaitu Darul Quran, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) serta Institut Pengajian Islam & Dakwah Sabah (IPDAS). Turut serta wakil dari Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI) JAKIM.

Bengkel yang julung kali diadakan ini bermatlamat untuk menyelaraskan maklumat Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang menjadi amalan di setiap PPT JAKIM. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, para peserta bengkel telah dibimbing oleh konsultan yang berpengalaman iaitu Puan Suhaini binti Hassan.

Majlis perasmian bengkel ini telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Pihak konsultan juga turut menyampaikan sijil penyertaan kepada Pengarah Darul Quran sebagai wakil kepada ketiga-tiga PPT JAKIM atas penglibatan bengkel ini. Diharapkan resolusi bengkel ini dapat direalisasikan sebagai mercu kepada kerjasama ketiga-tiga PPT JAKIM.



207 PELAJAR DIPLOMA DQ TURUN BERKHIDMAT DI LAPANGAN

25 September 2023 - Seramai 207 orang pelajar semester lima Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran akan turun ke lapangan bersama masyarakat pada tahun ini. Kesemua pelajar tersebut yang terdiri daripada pelbagai syukbah pengajian akan melaksanakan program Khidmat Masyarakat bersama komuniti di beberapa tempat yang telah ditentukan.

Projek Khidmat Masyarakat ini merupakan salah satu daripada syarat bagi memenuhi kehendak kursus subjek Khidmat Masyarakat MPU 2412. Para pelajar dikehendaki untuk melakukan projek serta aktiviti bersama komuniti di luar dari kelas pengajian bagi menyampaikan ilmu dan bakti kepada masyarakat.

Sesi pada kali ini aktiviti khidmat masyarakat akan dilaksanakan di tempat-tempat berikut iaitu Surau Kampung Kayu Kelat Besut Terengganu, Pulau Tuba Pulau Langkawi Kedah, Masjid Tanah Melaka, Masjid Seribu Selawat, Pulau Pangkor Perak, Pusat Pertubuhan Kebajikan Baitul Sakinah Terengganu, Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab Melaka dan Rumah Anak Yatim Tanjung Kling Melaka.

Bagi menyempurnakan pelaksanaan khidmat masyarakat tersebut, Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim telah bertemu dan menyampaikan amanat kepada pelajar-pelajar semester lima dalam Majlis Amanat Pengarah Kepada “Duta Kecil DQ” bagi Program Khidmat Masyarakat Tahun 2023. Diharapkan pelaksanaan aktiviti Khidmat Masyarakat pada kali ini berjalan dengan lancar dan dipermudahkan segala perancangan.



HALAL DE TOUR BERI PELUANG PELAJAR DALAMI ILMU HALAL

26 September 2023 - Seramai 26 orang pelajar semester lima Syukbah Pengurusan Halal telah mengikuti lawatan sambil belajar "Halal De Tour" ke Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC) dan Ajinomoto (Malaysia) Berhad di Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada tugas kursus bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat semester lima di bawah Kursus Pengurusan Halal Dalaman.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memahami dengan lebih jelas mengenai peranan makmal analisis JAKIM (MyHAC) serta keperluannya dalam pensijilan Halal Malaysia. Dalam lawatan ini, para pelajar dapat melihat dengan jelas mengenai metod analisis yang digunakan serta mengenal pasti pengujian yang dijalankan oleh makmal JAKIM tersebut.

Selain bagi memahami dengan lebih jelas mengenai Pengurusan Halal Dalaman, pelajar turut berkunjung ke Syarikat Pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang pernah mendapat anugerah "Syarikat Whitelist" dalam pensijilan halal Malaysia. Dalam sesi ini, pihak industri iaitu Syarikat Ajinomoto Malaysia Berhad telah berkongsi mengenai peranan Jawatankuasa Halal Dalaman (JKHD) serta cabaran dan realiti yang dilalui oleh mereka. Sesi soal jawab yang dijalankan dalam sesi ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pelajar serta pihak syarikat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak MyHAC dan Ajinomoto (Malaysia) Berhad atas santunan kunjungan pada hari ini.



AUDIT PENILAIAN KENDIRI PEMATUHAN MQA BAGI PROGRAM DIPLOMA DQ

27 September 2023 - Darul Quran JAKIM telah menjalani proses Audit Penilaian Kendiri Pematuhan MQA bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat selama dua hari bermula 26 hingga 27 September 2023. Proses audit penilaian sendiri ini telah dikendalikan oleh Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI) JAKIM yang menguruskan aspek penyelarasan kualiti di semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) JAKIM.

Antara aspek pematuhan yang turut dinilai ialah semakan fail pengajaran dan pembelajaran (PdP) pensyarah, laporan kajian kepuasan pelanggan, kemudahan fasiliti bangunan, temu bual bersama pihak pengurusan, ketua program, pensyarah, pegawai Unit Jaminan Kualiti, serta para pelajar. Untuk info, Darul Quran JAKIM telah berjaya memperoleh perakuan akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sejak tahun 2018 lagi.

Diharapkan menerusi audit penilaian pematuhan ini Darul Quran dapat terus memperkasa dan mempertingkatkan kualiti pendidikan yang dijalankan bagi memenuhi standard akreditasi yang ditetapkan.



DARUL QURAN ANJUR DISKUSI KITAB AKIDAH

29 September 2023 - Darul Quran melalui Jabatan Usuluddin telah menganjurkan Diskusi Kitab Al-Aqīdah al-Hafīdah Imām al-Sanūsī bertempat di Makmal Al-Quran (Braille) Darul Quran. Diskusi ini turut boleh diikuti melalui laman facebook Darul Quran JAKIM. Pembentang diskusi merupakan penceramah jemputan yang merupakan pakar dalam bidang akidah serta dakwah dari Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia iaitu Dr. Ahmad Arif bin Zulkifli.

Kitab Al-Aqīdah al-Hafīdah ini dikarang oleh Imam al-Sanusi sebagai ringkasan kepada kitab-kitab tauhid yang kompleks sebagai pemudah cara bagi pembelajaran kanak-kanak pada zaman beliau. Walaupun kitab ini sangat ringkas dan nipis, ia sangat bermanfaat bagi pemula yang ingin mempelajari ilmu akidah.

Penyampaian cenderahati kepada penceramah telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Usuluddin Darul Quran, Dr. Yusri bin Chek seusai diskusi. Semoga para peserta mendapat input yang bermanfaat hasil daripada perkongsian ini.



PELAJAR DQ SANTUNI WARGA BESUT

30 September 2023 - Pelajar-pelajar semester lima Syukbah Qiraat Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran telah turun ke lapangan menyantuni warga Besut, Terengganu bermula 28 hingga 30 September 2023. Aktiviti ini merupakan Program Khidmat Masyarakat iaitu sebahagian daripada keperluan bagi kursus pengajian Diploma Tahfiz Darul Quran.

Pelaksanaan aktiviti ini diadakan bertujuan untuk mendedahkan para pelajar dengan kemahiran sosial bersama masyarakat. Selain itu, para pelajar juga dapat menyampaikan dakwah serta ilmu al-Quran kepada masyarakat setempat.

Perasmian Program Khidmat Masyarakat di Kuala Besut ini telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pengajian Am, Haji Othman bin Muda yang mewakili Pengarah Darul Quran. Semoga sumbangan kecil para pelajar ini mendapat impak yang positif kepada masyarakat khususnya warga Besut insya-Allah.



OKTOBER

96 CALON DUDUKI UJIAN STM SIRI 2

5 Oktober 2023 - Seramai 96 orang calon yang memohon Sijil Tahfiz Malaysia (STM) Siri 2 bagi tahun 2023 telah menduduki ujian hari ini. Ujian pada kali ini dilaksanakan secara serentak di dua lokasi iaitu di Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor dan Maahad al-Iman Li Ulumul Quran, Kuala Ketil, Kedah.

Objektif diadakan ujian STM ini adalah untuk memberi perakuan hafazan kepada para penghafaz kepada al-Quran di samping peluang kepada mereka yang tidak mendapat pendidikan secara formal untuk mendapatkan sijil khas tahfiz. Antara skop penilaian ujian ialah Hifz al-Quran Syafawi & Tahriri, Pengetahuan Agama Islam merangkumi Tajwid, Fiqh Ibadah dan Aqidah.

Untuk info, ujian STM Siri 1 pada tahun ini telah diadakan pada 20 Jun 2023 dengan penyertaan seramai 132 orang calon. Ini bermakna seramai 228 orang calon telah memohon dan menduduki ujian STM bagi tahun 2023.

Berdasarkan sambutan baik yang ditunjukkan oleh masyarakat khususnya golongan penghafaz al-Quran, diharapkan semoga Sijil Tahfiz Malaysia akan dapat terus diperkasakan dari semasa ke semasa.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT SYUKBAH SYARIAH: PELESTARIAN PENYU & STREET DAKWAH

7 Oktober 2023 - Pelajar-pelajar semester lima daripada Syukbah Syariah Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran telah melaksanakan program khidmat masyarakat di Pusat Konservasi Dan Penerangan Penyus, Masjid Tanah serta Street Dakwah di Bandar Hilir, Melaka. Program yang diadakan pada 5 hingga 7 Oktober 2023 ini telah disempurnakan majlis perasmianya oleh Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali yang mewakili Pengarah.

Objektif pelaksanaan aktiviti ini ialah untuk memupuk rasa prihatin pelajar terhadap penjagaan dan pemeliharaan habitat penyus serta mendedahkan mereka dengan kemahiran sosial bersama masyarakat. Hasil daripada program ini, para pelajar dapat mengutip beberapa ilmu berkaitan penjagaan haiwan reptilia ini dan cara mempromosikan Islam kepada pelancong asing melalui aktiviti dakwah di jalanan.

Semoga program ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat amnya di samping meningkatkan lagi kemahiran insaniah para peserta.





SISWA JELAJAH ALOR GAJAH: BANTUAN ASNAF DAN KEM BITARA HUFFAZ

7 Oktober 2023 - Pelajar-pelajar semester lima Syukbah Dakwah Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran telah turun menyantuni ahli kariah serta para pelajar Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab Alor Gajah, Melaka. Program ini telah diadakan selama dua hari bermula 6 hingga 7 Oktober 2023.

Pelajar-pelajar yang terlibat telah menjalankan aktiviti memberi bantuan kepada para asnaf sekitar Masjid Salmah Khamis, Alor Gajah Melaka. Selain itu, mereka juga menjalankan aktiviti tahsin bacaan al-Quran kepada para pelajar serta penduduk sekitar Masjid Salmah Khamis. Program kemuncak adalah Kem Bitara Huffaz di mana sasarannya adalah pelajar tingkatan 1 hingga 3. Pelbagai slot dan aktiviti telah dijalankan bermula selepas Solat Subuh dan berakhir sekitar jam 6.30 petang. Turut hadir Guru Penolong Kanan SM Imtiaz Ulul Albab Alor Gajah Melaka, Ustaz Muhammad Zulfadhli bin Zulkipli bagi menyempurnakan majlis perasmian program.

Semoga program ini dapat memberikan manfaat kepada seluruh pelajar Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab Alor Gajah serta penduduk sekitar Masjid Salmah Khamis di samping memberi pengalaman berguna kepada para pelajar Darul Quran dalam menjalankan dakwah kepada masyarakat.



PELAJAR DQ SANTUNI KOMUNITI KAMPUNG TEPI LAUT, PULAU TUBA, LANGKAWI

8 Oktober 2023 - Pelajar-pelajar semester lima daripada Syukbah Qiraat Hamzah dan Khallad telah turun menyantuni penduduk Kampung Tepi Laut, Pulau Tuba, Langkawi bermula 6 hingga 8 Oktober 2023. Aktiviti ini merupakan Program Khidmat Masyarakat iaitu sebahagian daripada keperluan bagi kursus pengajian Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Darul Quran JAKIM.

Antara objektif pelaksanaan aktiviti ini ialah mendedahkan para pelajar dengan kemahiran sosial bersama masyarakat. Selain itu, para pelajar juga dapat menyampaikan dakwah serta ilmu al-Quran kepada masyarakat setempat. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.

Semoga program ini dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak terutamanya kepada penduduk Kampung Tepi Laut di samping pengalaman kepada para pelajar Darul Quran dalam menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat awam.



PELAJAR DQ ADAKAN PROGRAM TAUTAN KASIH DI BAITUL SAKINAH KUALA TERENGGANU

8 Oktober 2023 – Bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus pengajian Diploma Tahfiz al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM, pelajar-pelajar semester lima Syukbah Pengurusan Halal telah turun menyantuni anak-anak yatim serta asnaf di Rumah Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Baitul Sakinah. Program ini telah berlangsung selama tiga hari iaitu bermula 6 hingga 8 Oktober 2023.

Objektif pelaksanaan aktiviti ini ialah untuk memupuk kasih sayang terhadap anak-anak yatim dan asnaf. Bagi mencapai objektif tersebut, para pelajar telah mengadakan aktiviti sukan bermodul, mewarna, sambutan ulang tahun kelahiran dan penyampaian sumbangan bersama anak-anak Baitul Sakinah. Selain program bersama anak-anak Baitul Sakinah, para peserta turut mengadakan aktiviti pembersihan Pantai Mengabang Telipot. Aktiviti ini dijalankan bagi melahirkan semangat cintakan alam sekitar.

Program Tautan Kasih di Kuala Terengganu ini telah disempurnakan perasmianya oleh Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Pengajian Am Darul Quran, Haji Othman bin Muda. Semoga pelaksanaan program ini dapat mengeratkan hubungan antara para pelajar bersama komuniti.





PELAJAR DQ SANTUNI MASYARAKAT DI PULAU PANGKOR

8 Oktober 2023 – Sepanjang tiga hari bermula 6 hingga 8 Oktober 2023, pelajar-pelajar semester lima Syukbah Hadith Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran telah mengadakan program bersama masyarakat di Pulau Pangkor. Program ini diadakan bertujuan untuk melatih para pelajar merancang, melaksana, memimpin, berkerjasama dan aktif dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Di samping menambah kecintaan dan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menghayati Islam serta al-Quran dalam kehidupan. Selain itu, para pelajar juga dapat membina hubungan baik bersama masyarakat di Pulau Pangkor. Program ini juga merupakan Program Khidmat Masyarakat yang menjadi sebahagian daripada keperluan kursus pengajian Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM.

Bagi mencapai objektif yang digariskan, para pelajar telah menyusun beberapa aktiviti antaranya memasak bubur untuk diagihkan kepada masyarakat kampung, kem anak soleh dan tahsin bacaan al-Quran. Selain itu, para pelajar juga telah menjadi imam solat di ketiga-tiga masjid yang ada di Pulau Pangkor iaitu Masjid Seribu Selawat, Masjid Seribu Doa dan Masjid Telok Raja Bayang.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Ketua Seksyen Pentadbiran Akademik Darul Quran, Ustazah Zahrina binti Haron. Semoga usaha murni ini memberikan manfaat kepada para pelajar Darul Quran terutamanya buat masyarakat di Pulau Pangkor.



PELAJAR DQ SANTUNI ANAK YATIM DAN ASNAF PAYASUM

8 Oktober 2023 – Bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus pengajian Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM, pelajar-pelajar semester lima Syukbah Muamalat telah mengadakan Program Khidmat Masyarakat di Lembaga Pengurusan & Kebajikan Anak Yatim Miskin (PAYASUM) dan rumah-rumah asnaf di sekitar kawasan Tanjung Kling. Program ini telah diadakan pada 6 hingga 8 Oktober 2023.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah aktiviti bermodul kepada anak-anak yatim serta penyampaian sumbangan kepada 10 keluarga asnaf di sekitar kawasan Tanjung Kling. Tujuan pelaksanaan aktiviti ini ialah untuk menyemai semangat ukhuwah dalam kalangan pelajar bersama anak-anak yatim dan miskin. Selain itu, para pelajar juga dapat memupuk sifat kesukarelawan dalam diri melalui program yang dijalankan.

Turut hadir Setiausaha Kerja PAYASUM, Puan Siti Rakhiyah binti Mohd Ihsan bagi menyempurnakan perasmian program. Diharapkan melalui program yang berlangsung selama tiga hari ini meninggalkan suatu kenangan yang manis buat pihak PAYASUM serta para pelajar di samping memberikan manfaat kepada masyarakat setempat.



BENKEL SEMAKAN KURIKULUM DAN PENYEDIAAN SILIBUS STM

8 Oktober 2023 - Darul Quran dengan kerjasama Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI) JAKIM telah menganjurkan Bengkel Semakan Kurikulum & Penyediaan Silibus Sijil Tahfiz Malaysia (STM). Bengkel yang diadakan selama tiga hari dua malam iaitu pada 6 hingga 8 Oktober 2023 ini telah diadakan di Geno Hotel Shah Alam.

Bengkel ini diadakan bagi membuat semakan semula kurikulum setelah lima tahun pelaksanaan STM di samping menyediakan silibus terkini selaras dengan pelaksanaan Teras 5 Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. Seramai 13 orang pegawai Darul Quran yang mewakili setiap jabatan pengajian dan tiga orang pegawai daripada BDKI JAKIM telah terlibat dalam bengkel ini.

Semoga pelaksanaan bengkel ini dapat merealisasikan hasrat bagi memperkasakan lagi Sijil Tahfiz Malaysia.



PELAJAR BAHARU PROGRAM IJAZAH-USIM DQ SELAMAT MENDAFTAR

9 Oktober 2023 - Seramai 30 orang pelajar baharu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan kepujian secara kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah selamat mendaftar di Darul Quran JAKIM, Kuala Kubu Bharu pagi ini. Kesemua pelajar baharu tersebut telah diraikan dalam Majlis Sambutan Pelajar Baharu yang diadakan di Auditorium Syeikh Mohd Noor.

Majlis telah dimulakan dengan penyampaian amanat huffaz yang disampaikan oleh Ustaz Aiman Ridhwan bin Mohamad Ramlan, alumni Program Ijazah USIM-DQ sesi 2019/2022 merangkap Pensyarah Tasmi' Jemputan Darul Quran. Perasmian majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali yang mewakili Pengarah. Antara intipati ucapan beliau ialah pelajar-pelajar baharu mestilah mengambil peluang dengan bersungguh-sungguh menuntut ilmu ketika berada di Darul Quran.

Semoga anak-anak pelajar baharu Darul Quran memanfaatkan peluang ini untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya di dunia dan akhirat. Tahniah dan syabas diucapkan.



30 PELAJAR SYUKBAH HALAL DQ SERTA LAWATAN KE HALAL HUB MELAKA

12 Oktober 2023 - Seramai 30 orang pelajar semester tiga Syukbah Pengurusan Halal dengan diiringi dua orang pensyarah telah mengikuti program lawatan sambil belajar ke Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) di Bukit Palah dan kilang produk makanan Al Taj Food Marketing & SERVICES SDN BHD di Perindustrian Melaka Halal Hub Melaka. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada tugas kursus bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat semester tiga di bawah Kursus Pengenalan Pensijilan Halal Malaysia.

Antara tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar berkaitan dengan Manual Prosedur Pensijilan Halal serta memberikan pengalaman baharu dalam melihat proses pengilangan produk dengan lebih dekat. Secara tidak langsung, pelajar-pelajar juga dapat menambah pengetahuan berkaitan Pengurusan Halal yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Negeri.

Selain itu bagi memahami dengan lebih jelas mengenai Pengurusan Halal dalam sesi ini, pihak industri kilang makanan produk Al Taj Food Marketing & SERVICES SDN BHD telah berkongsi mengenai cara penghasilan produk dengan menghasilkan pes makanan yang pelbagai. Di samping cabaran dan realiti yang dilalui oleh mereka dalam mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Jabatan Agama Islam Melaka dan syarikat Al Taj Food Marketing & SDN BHD atas santunan kunjungan pada hari ini.



PELAJAR DQ DIBERI PENDEDAHAN TENTANG FIQH KONTEMPORARI

13 Oktober 2023 - Kira-kira 100 orang pelajar Darul Quran telah mengikuti perkongsian isu fiqh semasa bertajuk Maqasid dan Kaedah-Kaedah Fiqh Perubatan. Perkongsian ini telah disampaikan oleh Datin Prof. Dr. Noor Naemah binti Abdul Rahman. Beliau merupakan pakar dalam bidang fatwa, fiqh semasa dan usul fiqh. Para pelajar mendapat pendedahan berkaitan dengan prosedur mengeluarkan hukum, hubungan objektif syariah, kaedah fiqh serta isu-isu dalam perubatan contohnya ibu tumpang, pendermaan organ dan kuarantin COVID-19.

Melalui program ini para pelajar dapat mengetahui kaedah fiqh yang digunakan dalam isu perubatan di samping mendapat gambaran prosedur ijtihad, menghubungkan kait maqasid, kaedah fihiyyah dan isu perubatan. Bagi mengukuhkan lagi kefahaman dalam sesi ini, Jabatan Syariah Darul Quran telah menjalankan kuiz penilaian secara talian kepada para peserta. Hasilnya, sebanyak 72% telah mendapat kefahaman yang baik dan cemerlang.

Berdasarkan maklum balas daripada para pelajar, mereka berharap agar program Bicara Pakar ini dapat dilaksanakan lagi bagi skop Fiqh Ibadah, Fiqh Usrah dan Kewangan Islam. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Datin Prof. Dr. Noor Naemah binti Abdul Rahman atas perkongsian yang diberikan.



153 PELAJAR DQ SERTAI BENGKEL COMMUNICATE WITH CONFIDENCE

13 Oktober 2023 - Kira-kira seramai 153 orang pelajar Darul Quran telah menyertai Bengkel Communicate With Confidence: Skill Lulus Temu Duga yang diadakan di Dewan Muktamar. Penceramah jemputan dalam bengkel ini ialah pembimbing berpengalaman iaitu Encik Mohd Noor bin Idris, Pensyarah Bimbingan dan Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Objektif penganjuran bengkel ini ialah bagi meningkatkan daya keyakinan diri dalam menghadapi pelbagai situasi. Selain itu, pelajar juga mampu berkomunikasi dengan lancar dan fasih. Penceramah turut berkongsi dengan para pelajar tentang tips menghadapi sesi temu duga secara berkesan.

Semoga bengkel ini dapat meningkatkan lagi kemahiran insaniah dalam diri pelajar khususnya kemahiran berbahasa Inggeris dengan baik.



PELAJAR BAHARU PROGRAM IJAZAH USIM-DQ TERLIBAT MINGGU HALUAN HUFFAZ

15 Oktober 2023 - Seramai 30 orang pelajar baharu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah secara kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah terlibat dalam Minggu Haluan Huffaz bertempat di Tapak Perkhemahan Darul Quran. Program yang diadakan selama tiga hari bermula 13 hingga 15 Oktober 2023 ini turut melibatkan 15 orang fasilitator dalam kalangan pegawai Darul Quran.

Objektif program ini diadakan adalah untuk memupuk rasa sayang kepada institusi Darul Quran di samping melahirkan rasa hormat kepadaarganya. Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan lagi ukhuwah sesama pelajar. Antara aktiviti yang dijalankan selama tiga hari ini ialah sesi taklimat, pembentangan kumpulan, lake crossing, treasure hunt, aktiviti outdoor dan majlis penutup.

Semoga dengan kejayaan program ini dapat meningkatkan lagi sahsiah serta motivasi pelajar baharu di Darul Quran.



PELAJAR SYUKBAH SYARIAH DQ MELAWAT MURTADHA DAKWAH CENTRE

16 Oktober 2023 – Seramai 28 orang pelajar semester lima Syukbah Syariah Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran bersama seorang pensyarah pengiring telah mengadakan lawatan ke Murtadha Dakwah Centre (MADAD) Sg. Petani. Objektif lawatan ini diadakan adalah untuk mendapatkan info tambahan bagi subjek Fiqh al-Muamalat. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pengurusan wakaf oleh syarikat atau badan selain institusi kerajaan serta memberi kefahaman kepada pelajar sistem wakaf dan pengurusan modal.

Di samping mendapat penerangan berkaitan pengurusan kewangan, pelajar-pelajar turut bersoal jawab berkaitan aplikasi wakaf serta pelaburan yang dijalankan oleh pihak MADAD. Selesai sesi utama tersebut, para pelajar telah mengadakan sesi lawatan ke kawasan sekitar MADAD sebelum bergerak pulang ke Darul Quran.

Diharapkan melalui lawatan ini para pelajar yang terlibat dapat mencapai objektif program dengan jayanya di samping menjalinkan hubungan silaturahim bersama pihak MADAD.



UNIT KOLEJ KEDIAMAN DQ ADAKAN LAWATAN PENANDA ARAS KE UTHM KAMPUS PAGOH

19 Oktober 2023 - Unit Kolej Kediaman Cawangan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Darul Quran telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Kolej Kediaman Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Pagoh, Johor Darul Takzim. Delegasi ini telah diketuai oleh Penolong Pengarah Kanan Unit Kemahiran Insaniah, Ustaz Mohammad Zaki bin Ibrahim mewakili Ketua Penolong Pengarah Cawangan HEP. Turut hadir Ketua Unit Kolej Kediaman bersama empat orang pegawai lain termasuk penyelia-penyelia asrama.

Lawatan ini diadakan bertujuan memberi pendedahan ilmu dan idea baharu untuk tujuan pemerkasaan tadbir urus pengurusan Kolej Kediaman Darul Quran di samping mengembangkan kemahiran pegawai dalam aspek pengurusan kolej kediaman. Selain itu dapat menambah baik kualiti pengurusan dan aktiviti pengurusan Kolej Kediaman agar lebih segar dengan trend masa kini.

Ketibaan rombongan Darul Quran disambut mesra oleh Pengarah Pusat Perumahan Pelajar UTHM, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Halim Irwan bin Ibrahim dan Pengetua Kolej Kediaman UTHM Kampus Pagoh, Ts. Tuan Haji Suhairi bin Ismail serta kakitangan Pengurusan Kolej Kediaman UTHM Kampus Pagoh. Pertemuan selama hampir empat jam ini dimulai dengan taklimat tentang pengurusan perumahan pelajar yang disampaikan oleh Pengetua Kolej Kediaman UTHM Kampus Pagoh. Seterusnya sesi perbincangan dan pertukaran pendapat antara kedua-dua pihak. Sesi lawatan ini diakhiri dengan lawatan ke fasiliti Kolej Kediaman UTHM Kampus Pagoh serta penyampaian cenderamata.

Darul Quran mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UTHM Kampus Pagoh atas kesudian menerima lawatan penandaarasan ini. Hasil daripada lawatan ini diharap memperoleh manfaat dalam usaha ke arah pemantapan tadbir urus khususnya bagi pihak pengurusan Kolej Kediaman Darul Quran.



WACANA APTQ KETENGAH ISU PENERBITAN DAN IMPAK SALAH TAFSIR AL-QURAN

20 Oktober 2023 - Darul Quran dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) Selangor telah menganjurkan Wacana Akta Percetakan al-Quran (APTQ) 1986. Wacana yang diadakan di Auditorium Syeikh Mohd Noor ini telah disampaikan oleh Tuan Ahmad Faisal bin Arshad, Penolong Pegawai Peguatuksa, Bahagian Kawalan dan Percetakan, KDN Selangor.

Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim turut meluangkan masa hadir seterusnya menyempurnakan program. Dalam ucapannya, Tuan Pengarah mengalu-alukan penganjuran wacana ini melibatkan pensyarah serta pelajar Darul Quran kerana mengetengahkan isu penerbitan dan impak salah tafsir terhadap ayat-ayat al-Quran. Di samping penganjuran wacana, pihak KDN Selangor turut mengadakan program Jom Exchange Quran (JEQ) yang mana peserta boleh menukar naskhah al-Quran lama yang tiada cop pengesahan KDN kepada mashaf al-Quran baharu.

Wacana ini telah memberikan maklumat penting dan berguna kepada warga Darul Quran memandangkan skop tugas institusi ini sangat berkait rapat dengan mashaf al-Quran.



PENAZIRAN AKADEMIK DI 10 LTDQ SELESAI

23 Oktober 2023 – Penaziran akademik telah berjalan secara serentak di 10 buah Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Seramai 19 orang pegawai Darul Quran telah dilantik menjalankan tugas sebagai panel penaziran ini. Tujuan penaziran ini diadakan bagi memastikan pelaksanaan kurikulum Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran berada pada standard yang telah ditetapkan oleh pihak MQA. Selain itu, penaziran ini juga akan memastikan sukatan hafazan pelajar berjaya dicapai bagi melayakkan mereka untuk menduduki Peperiksaan Hifz Al-Quran.

Setiap panel penazir dibekalkan instrumen penaziran yang memperincikan markah penilaian bagi setiap item yang hendak dinilai. Antaranya ialah semakan fail PdP, Buku Rekod Hafazan, al-Quran tahriri pelajar dan lain-lain.

Secara umumnya semua LTDQ telah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Darul Quran. Laporan penuh sesi penaziran kali ini akan diserahkan kepada LTDQ untuk tindakan selanjutnya.



200 ORANG PELAJAR DQ DIRAI SEMPENA PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT 2023

25 Oktober 2023 - Kira-kira 200 orang pelajar semester lima Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran telah diraikan dalam Majlis Penghargaan Program Khidmat Masyarakat Tahun 2023. Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan penat lelah dan jasa bakti anak-anak pelajar Darul Quran yang telah bertungkus-lumus menjayakan pelaksanaan program Khidmat Masyarakat pada tahun ini.

Majlis penghargaan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Pengarah dalam ucapannya berkata: "*Khidmat masyarakat adalah merupakan usaha yang berpanjangan dan tidak terhenti apabila tamat semester pengajian di Darul Quran. Justeru, berkhidmatlah di mana jua anda berada walaupun setelah tamat pengajian*". Majlis berakhir dengan sesi penyampaian sijil penghargaan dan sesi fotografi bersama para pelajar.

Program-program yang dilaksanakan oleh para pelajar ini telah diadakan di beberapa buah lokasi seluruh Malaysia iaitu di Terengganu, Melaka, Kedah dan Perak bermula pada awal Oktober 2023. Ia melibatkan semua pelajar semester lima daripada semua syukbah pengajian. Pelaksanaan Projek Khidmat Masyarakat ini juga menepati objektif penubuhan Darul Quran iaitu melahirkan du'at (pendakwah), pendidik dan imam yang terlatih serta profesional melalui pengajian ilmu-ilmu al-Quran dan pengajian Islam. Semoga para pelajar terus bersemangat mencurahkan bakti dan ilmu kepada masyarakat di luar sana insya-Allah.



73 GRADUAN DIPLOMA DQ BERLEPAS KE MESIR

26 Oktober 2023- Seramai 73 orang graduan Diploma Tahfiz Al-Quran dan Qiraat Darul Quran JAKIM telah berangkat ke Mesir pagi tadi. Kesemua graduan ini bakal melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Maahad Qiraat Shoubra, Mesir. Perjalanan mereka turut diringi oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim dan beberapa pegawai yang lain.

Segala urusan proses perjalanan telah diuruskan sepenuhnya oleh Unit Alumni, Cawangan Hal Ehwal Pelajar. Air mata dan doa para ibu bapa serta pensyarah-pensyarah mengiringi pelajar-pelajar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) awal pagi tadi.

Kami seluruh warga Darul Quran mengucapkan selamat maju jaya dalam menuntut ilmu seterusnya menjadi modal insan yang bermanfaat buat ummah pada masa hadapan insya-Allah.



PELAJAR DQ BELAJAR BAHASA ARAB MELALUI PERMAINAN RODA IMPIAN

27 Oktober 2023 – Darul Quran telah menganjurkan ceramah bertajuk “Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Menggunakan Roda Impian” yang disampaikan oleh Dr. Ahmad Zaki bin Amiruddin, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Bahasa & Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Ceramah yang diadakan di Dewan Muktamar Darul Quran ini telah disertai seramai kira-kira 100 orang pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat.

Dalam sesi ceramah ini, para pelajar didedahkan dengan teknik pembelajaran Bahasa Arab melalui permainan roda impian bertujuan memperkayakan perbendaharaan kosa kata Bahasa Arab. Selain itu, pelajar-pelajar juga diberikan panduan serta tunjuk ajar secara praktikal mengenai kemahiran Berbahasa Arab.

Melalui strategi dengan memperkayakan kosa kata, diharapkan para pelajar mampu mempraktikkan komunikasi Bahasa Arab khususnya dalam persekitaran bersama rakan-rakan dan juga pensyarah.



DQ ADAKAN KURSUS TEROKA PRO FORMA BAGI PENSYARAH

31 Oktober 2023 - Dewan Maktabah Darul Quran JAKIM menjadi lokasi Kursus Teroka Pro Forma Subjek Pengajian yang dihadiri oleh 35 orang pensyarah Darul Quran. Kursus ini telah dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Syakirah binti Samsudin, Pensyarah Kanan dari Jabatan Biologi, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Kursus ini bertujuan mencapai beberapa objektif utama iaitu ingin meningkatkan kefahaman peserta tentang pro forma subjek. Selain itu, kursus ini juga diadakan untuk menjelaskan kaitan antara Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) dan pro forma subjek. Peserta kursus juga dapat memahami hubungan antara Pro Forma Subjek dan Borang Analisis Hasil Pembelajaran Berterusan (CLO).

Kursus ini memberi kesempatan kepada pensyarah Darul Quran untuk mendalami pemahaman mereka tentang pro forma subjek dengan potensi untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di Darul Quran. Diharapkan pengetahuan yang diperoleh semasa kursus ini dapat membantu persiapan pensyarah untuk menangani cabaran akademik masa depan para pelajar.



NOVEMBER

PELAJAR PONDOK TAHFIZUL AL-QURAN AR-RAUDHAH MEDAN INDONESIA TERUJA BERKUNJUNG KE DQ

1 November 2023 - Seramai 25 orang delegasi dari Yayasan Ar-Raudhah serta pelajar-pelajar Pondok Tahfizul Al-Quran Ar-Raudhah, Medan Indonesia telah mengadakan kunjungan hormat ke Darul Quran. Pondok Tahfizul Al-Quran Ar-Raudhah merupakan sebuah madrasah tahfiz yang bernaung di bawah Yayasan Ar-Raudhah. Tujuan kunjungan ini diadakan bagi meninjau dan mendapatkan maklumat berkenaan Darul Quran serta penawaran-penawaran program pengajiannya kepada pelajar luar negara.

Bagi menyempurnakan hasrat pelawat, pihak Darul Quran telah menyusun beberapa agenda seperti tayangan video korporat, pembentangan slaid sistem PdP tahfiz di Darul Quran serta sesi soal jawab. Antara soalan yang diutarakan oleh pelawat ialah berkenaan cara kemasukan pelajar luar negara. Kesemua soalan telah dijawab dan diperjelaskan oleh Ketua Seksyen Kemasukan, Biasiswa & Graduasi Darul Quran yang turut hadir bersama.

Sesi pertemuan antara kedua pihak berakhir dengan sesi pertukaran cenderamata. Diharapkan pertemuan ini sedikit sebanyak dapat menyempurnakan hasrat pelawat dan dalam masa yang sama ia memberi ruang kepada Darul Quran untuk mempromosikan program pengajian di sini kepada para pelajar dari Indonesia.



35 PENSYARAH DQ SERTA KURSUS MEMAHAMI KANDUNGAN KITAB TURATH BAGI PENGAJARAN

2 November 2023 - Darul Quran JAKIM telah berjaya menganjurkan Kursus Memahami Kandungan Kitab Turath (Arab) Bagi Pengajaran kepada 35 orang pensyarah dari institusi ini. Kursus ini merupakan salah satu langkah penting dalam memperkukuhkan PdP bagi subjek-subjek yang menggunakan kitab rujukan Bahasa Arab.

Pengisian kursus telah disampaikan oleh Pensyarah Kanan dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Machang, Dr. Mohd Zuhdi bin Ismail. Beliau telah berkongsi info berkenaan sejarah Bahasa Arab, teknik pengajaran kitab turath dan amalan terbaik dalam pengajaran yang menggunakan rujukan dalam Bahasa Arab.

Para peserta yang terdiri daripada kalangan pensyarah Darul Quran telah memberikan maklum balas yang positif dan sangat berpuas hati dengan pengisian kursus. Diharapkan kursus ini dapat memberi impak positif terhadap proses PdP di Darul Quran.



DQ ADAKAN LAWATAN KE PUSAT PEMURNIAN AKIDAH BAITUL IMAN

10 November 2023 - Seramai lima orang pegawai Darul Quran yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali telah mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman. Pusat pemurnian yang terletak di Jalan Sungai Tua, Hulu Yam Bharu, Batang Kali, Hulu Selangor ini merupakan sebuah pusat pemulihan akidah dan akhlak (sosial) yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Tujuan utama kunjungan ini diadakan adalah untuk mendapatkan pendedahan terhadap usaha-usaha yang dilakukan untuk menangani isu semasa akidah yang wujud dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Selain itu pihak DQ juga berhasrat untuk bertukar-tukar pandangan mengenai langkah dan kaedah bagi pemurnian akidah yang telah dilaksanakan oleh Baitul Iman.

Ketibaan delegasi DQ telah disambut mesra oleh Penguasa Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Puan Mazlina binti Osman bersama lima orang pegawai yang lain. Dalam kunjungan ini, pihak DQ telah diberikan taklimat menyeluruh berkenaan dengan latar belakang, fungsi dan aspek-aspek pemurnian masalah akidah serta sosial yang dilaksanakan di Baitul Iman ini. Pihak DQ juga dibawa melawat sekitar pusat pemurnian iaitu merangkumi fasiliti asrama, bilik pengasingan individu, dewan makan, surau, bilik kuliah, perpustakaan, bengkel masakan, bengkel automotif, padang dan gelanggang sukan.



8 IPT KOLABORASI DQ, BERSIDANG HARI INI

14 November 2023 - Lapan buah Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta di Malaysia yang berkolaborasi bersama Darul Quran JAKIM telah bersidang dalam Mesyuarat Penyelarasan Pensijilan Tahfiz JAKIM hari ini. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Roslan bin Said bertempat di Bilik Mesyuarat, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya. Sebanyak empat kertas makluman dan lapan laporan telah dibentangkan dalam mesyuarat ini.

Objektif pelaksanaan mesyuarat penyelarasan ini ialah untuk menyediakan mekanisme pengurusan dan pelaksanaan program pensijilan yang lebih selaras serta efektif. Selain ia bertujuan untuk memastikan pelaksanaan program pensijilan ini mematuhi peraturan serta standard yang telah ditetapkan melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dipersetujui oleh pihak JAKIM dan IPT.

Melalui medium mesyuarat penyelarasan ini diharapkan pihak IPT yang berkolaborasi dapat berkongsi cadangan serta baharu demi pembangunan pendidikan tahfiz di institusi masing-masing khususnya dan pembangunan pendidikan tahfiz di negara ini amnya.



DQ TERIMA KUNJUNGAN SANTRI PESANTREN IBNU SYAM INDONESIA

17 November 2023 – Seramai 43 orang delegasi dari Pesantren Ibnu Syam, Kota Cilegon, Banten, Indonesia telah mengadakan kunjungan ke kampus Darul Quran JAKIM Kuala Kubu Bharu. Kunjungan ini diadakan bertujuan bagi membina jaringan kerjasama dalam usaha peningkatan mutu serta kualiti di samping dapat mengembangkan daya kreativiti dan inovasi pengurusan di kedua-dua agensi. Selain itu, melalui kunjungan ini juga Darul Quran turut mengambil kesempatan mengadakan promosi pengambilan pelajar baharu luar negara khususnya bagi Negara Indonesia memandangkan iklan pengambilan pelajar baharu luar negara akan disiarkan seawal 27 November 2023.

Delegasi Pesantren Ibnu Syam telah dihadiri oleh KH Ahmad Slamet, Pimpinan Pesantren Ibnu Syam, Buya Abdul Rahim Bayan, Pembina Pesantren Ibnu Syam Cabang Sumatera Selatan, Musafak S. Hum, Direktur Pendidikan, Ahmad Ilham S. Sos, Direktur Sekretariat, Akhmad Nawawi Masyhur, Kepala Kepengasuhan, para santri serta ahli keluarga. Dalam kunjungan ini, pihak Darul Quran telah mengatur beberapa agenda yang dimulai dengan ucapan Ketua Seksyen Standard, Haji Mohamad Rahim bin Mohammed Abdul Rahman yang mewakili Pengarah Darul Quran. Diikuti ucapan balas oleh wakil delegasi pelawat. Seterusnya tayangan video korporat Darul Quran dan taklimat sistem PdP tahfiz di Darul Quran dari wakil penarah Jabatan Tahfiz. Dalam pertemuan ini, pihak Darul Quran turut ditanya tentang pengajian ilmu Qiraat serta berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengambilan pelajar baharu dari Indonesia.

Sesi kunjungan ini berakhir selepas sesi bergambar dan pertukaran cenderamata. Melalui kunjungan ini diharapkan semoga Darul Quran semakin dikenali bukan sahaja dalam negara tetapi juga di negara-negara serantau.



DQ ADAKAN TAKLIMAT AKADEMIK SECARA HIBRID

21 November 2023 - Seramai 174 orang pensyarah Darul Quran serta Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah menyertai sesi Taklimat Akademik Siri 2 Tahun 2023 yang telah dilaksanakan secara hibrid. Program ini merupakan program tahunan anjuran Cawangan Akademik yang bertujuan menyelaraskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi sesi pengajian Disember 2023 hingga Mac 2024 agar memenuhi syarat serta mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak Malaysian Qualifications Agency (MQA).

Di antara objektif taklimat ini adalah untuk melaksanakan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Malaysian Qualifications Agency (MQA) agar Darul Quran JAKIM menyampaikan maklumat penyelarasan kurikulum kepada LTDQ. Selain itu, taklimat ini juga adalah bagi memastikan reka bentuk program selaras dengan dasar dan keperluan Darul Quran.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali mewakili Pengarah Darul Quran. Pengisian taklimat pada sesi satu dimulakan dengan taklimat umum akademik yang telah disampaikan oleh Ketua Unit Pengurusan Akademik, Ustaz Ahmad Fuat bin Jamil. Antara intipati yang disampaikan adalah berkaitan maklumat umum pelaksanaan PdP termasuk penyediaan dokumen-dokumen yang diperlukan sepanjang tempoh tersebut. Seterusnya taklimat berkaitan pelaksanaan PdP Hifz al-Quran yang disampaikan oleh Pensyarah Kanan Jabatan Tahfiz al-Quran iaitu Us. Muhamad Toriq bin Yaacob. Bagi sesi taklimat kedua pula melibatkan Jabatan al-Quran dan Qiraat, Jabatan Pengajian Umum, Jabatan Pengajian Syariah, Jabatan Pengajian Usuluddin serta Jabatan Bahasa yang disampaikan oleh ketua-ketua atau wakil jabatan masing-masing.

Melalui sesi taklimat ini diharapkan semua pensyarah DQ mahupun di LTDQ mendapat maklumat yang selaras dan menyeluruh mengenai pelaksanaan proses PdP agar mencapai kualiti serta standard yang telah ditetapkan.





MESYUARAT PEMBINAAN KURIKULUM BAHARU SIJIL ASAS TAHFIZ

22 November 2023 - Seramai 14 orang pegawai Darul Quran telah terlibat dalam Mesyuarat Pembinaan Kurikulum Baharu Program Sijil Asas Tahfiz Sesi 2024 yang merupakan lanjutan daripada Bengkel Semakan Kurikulum Sijil Asas Tahfiz sebelum ini. Mesyuarat ini diadakan bagi mengemaskini proforma pengajian Sijil Asas Tahfiz yang dirancang akan bermula pada bulan Mac tahun 2024.

Bagi proforma sebelum ini, pelajar Program Sijil Asas Tahfiz akan mengikuti pengajian selama dua semester. Manakala bagi kurikulum baharu yang dikemaskini ini, pelajar akan mengikuti pengajian selama tiga semester dengan sebahagian perubahan pada beberapa kursus pengajian.

Ribuan ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pegawai yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan kurikulum baharu Sijil Asas Tahfiz sesi 2024-2025.



PERSIAPAN IHTIFAL HUFFAZ PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-9 SUDAH BERMULA

23 November 2023 – Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-9 bakal berlangsung pada bulan Mei 2024. Bagi menjayakan penganjuran kali ini, Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR), Yayasan Islam Kedah selaku penganjur dan tuan rumah telah mengadakan mesyuarat pra persiapan pada hari ini bertempat di Bilik Mesyuarat Adya Hotel, Kuah, Langkawi bagi menyelaraskan program ini. Ahli-ahli mesyuarat turut dibawa melawat tapak di Kompleks Sukan LADA, Kuah sehari sebelum mesyuarat ini diadakan.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Islam Negeri Kedah, Puan Hajjah Sharifah Norulasyikhah binti Syed Mohamad. Mewakili Darul Quran bagi mesyuarat ini ialah Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim dan Us. Mohammad Zaki bin Ibrahim selaku Ketua Unit Kemahiran Insaniah. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pengetua serta wakil-wakil LTDQ seperti Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Negeri Perak, Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Maahad Tahfiz Al-Quran MAIK, Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN), Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN.

Ahli-ahli mesyuarat telah bersetuju untuk melaksanakan sembilan acara sukan iaitu Bola Sepak, Futsal, Badminton, Ping Pong, Bola Jaring, Bola Tampar, Sepak Takraw, Karom dan Baling Damak. Semua acara ini akan berlangsung di Kompleks Sukan Langkawi Kedah.





20 PIMPINAN BAHARU PMDQ SERTA I INDUKSI 2023

26 November 2023 - Seramai 20 orang pimpinan baharu Persatuan Mahasiswa Darul Quran (PMDQ) Sesi 2023/2024 telah terlibat dalam Induksi Pimpinan PMDQ 2023. Program ini telah diadakan di Kem Latihan & Rekreasi Sungai Congkak, Hulu Langat selama tiga hari bermula Jumaat, 24 November 2023. Program yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Darul Quran Sesi 2022/2023 dengan kerjasama Cawangan Hal Ehwal Pelajar ini merupakan lanjutan daripada program Road To Induksi yang dijalankan di Kompleks Darul Quran JAKIM.

Ia dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pimpinan baharu berkaitan pengurusan gerak kerja persatuan secara sistematik. Selain itu program ini juga bertujuan untuk melatih kemahiran insaniah dalam diri setiap pimpinan seperti teknik komunikasi dan pengucapan awam di samping membentuk ukhuwah yang lebih erat sesama pimpinan baharu.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim pada hari terakhir program. Diharapkan melalui program ini para pimpinan PMDQ Sesi 2023/2024 dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik dan cemerlang.



DISEMBER

PELAJAR OKU DARUL QURAN SERTA MAJLIS TILAWAH QURAN BRAILLE 2023

3 Disember 2023 – Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah menganjurkan Majlis Tilawah Quran Braille (MTQB) 2023 bermula pada 30 November 2023 sehingga 3 Disember 2023 bertempat di Hotel Zecon Kuala Lumpur. Saudara Muhammad Rifaa' bin Hairudzi, pelajar Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran telah mengambil bahagian dalam musabaqah hafazan surah-surah pilhan dan telah mendapat tempat keempat dalam acara tersebut.

Turut terlibat dua orang pensyarah Darul Quran iaitu Ustaz Ahmad Qusairy bin Mat Zizi dan Ustaz Mohd Fakrurrazi bin Abdullah selaku juri pertandingan musabaqah Tilawah Al-Quran Braille secara tarannum dan musabaqah hafazan al-Quran. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAKIM, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh.

Semoga pertandingan ini memberi pengalaman yang berguna buat saudara Muhammad Rifaa' bin Hairudzi dan pelajar-pelajar Program Sijil Asas Tahfiz yang lain amnya.



UMS HASRAT JALIN KERJASAMA DENGAN DQ

5 Disember 2023 - Seramai empat orang delegasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan kunjungan hormat ke kampus Darul Quran JAKIM, Kuala Kubu Bharu. Delegasi UMS tersebut dari Fakulti Pengajian Islam (FPI) diketuai oleh Prof. Dr. Hj. Mohd Dahlan bin A. Malek, Dekan FPI UMS bersama tiga pegawai iaitu Tuan Haji Azlan bin Awang, Ketua Pentadbiran FPI, Ustaz Md. Razali bin Saibin, Pensyarah FPI dan Ustaz Khairol Ikhwan@Mohd Fithri bin Khoza, Pensyarah FPI.

Ketibaan pelawat disambut mesra oleh pegawai-pegawai Darul Quran diketuai Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Dalam pertemuan ini pihak UMS menyatakan hasrat untuk menjalinkan beberapa kerjasama akademik bersama Darul Quran antaranya kerjasama program pengajian serta keurusetiaan seminar, persidangan dan seumpamanya.

Perbincangan yang berlangsung selama lebih kurang dua jam ini diakhiri dengan sesi pertukaran cenderamata dan fotografi. Semoga sesi perbincangan pada hari ini membuahkan hasil yang bermanfaat kedua institusi terutamanya buat anak-anak Sabah.



OUM TAWAR WARGA DQ SAMBUNG PENGAJIAN

5 Disember 2023 - Tiga orang delegasi dari Open University Malaysia (OUM) diketuai Pengarah Pusat Pembelajaran Tanjung Malim, Encik Edzri bin Zainuddin telah mengadakan kunjung hormat ke Darul Quran. Kunjungan ini diadakan bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai program yang ditawarkan oleh OUM di samping mewujudkan hubungan baik antara pihak OUM dengan Darul Quran dalam bidang pendidikan.

Sesi pertemuan ini diisi dengan taklimat yang disampaikan oleh Encik Edzri bin Zainuddin. Selain itu, Darul Quran turut ditawarkan diskaun bagi pembayaran yuran pengajian. Pihak Darul Quran juga mengambil kesempatan dalam pertemuan ini menawarkan kepada OUM untuk menyertai Program Selangkah Ke Menara Gading yang akan diadakan pada awal tahun hadapan.

Melalui tawaran-tawaran penyambungan pengajian seumpama ini diharapkan agar warga Darul Quran dapat meningkatkan kompetensi diri serta peningkatan tahap pendidikan ke arah yang lebih tinggi.



19 ORANG PELAJAR DQ SERTA IHTIFAL IPT PERINGKAT KEBANGSAAN ANJURAN UNITEN

7 Disember 2023 - Seramai 19 orang pelajar Darul Quran JAKIM telah menyertai pertandingan Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Kebangsaan 2023 anjuran Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Pertandingan yang diadakan di UNITEN Bangi, Selangor ini telah berlangsung selama empat hari bermula 4 hingga 7 Disember 2023.

Lima daripada 19 orang peserta dari Darul Quran telah berjaya menempa kejayaan dalam pelbagai acara yang dipertandingkan dalam Ihtifal ini. Pelajar-pelajar tersebut ialah:

Pertandingan Hafazan 1-10 Juzuk:

1. Ahmad Naufal bin Fauzi - Johan
2. Izzah Husna binti Mohamad Azmi - Naib Johan

Pertandingan Hafazan 1-30 Juzuk:

1. Dina Hadfina binti Mohd Umarul Hisyam - Johan

Pertandingan Khat:

1. Nik Maghfirah binti Nik Abd Rahman Zaki - Johan

Pertandingan Pidato:

1. Muhammad Amrin Afiq bin Mohd Khirusham - Naib Johan

Tahniah kepada semua pelajar yang telah menyertai pertandingan ini dan syabas buat para pemenang.





MAJLIS PERHIMPUNAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN DQ DISEMBER 2023

8 Disember 2023 - Semua kakitangan Darul Quran telah berhimpun di Auditorium Syeikh Mohd Noor pagi ini bagi Majlis Perhimpunan Pegawai Dan Penyampaian Amanat Pengarah. Perhimpunan ini merupakan Majlis Perhimpunan terakhir bagi Tahun 2023.

Majlis dimulakan dengan sesi taklimat Pelan Transformasi Al-Falah yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Unit Jaminan Kualiti, Ustaz Adam Affiq bin Yaakob. Agenda seterusnya ialah tayangan video program-program Darul Quran sepanjang tahun 2023 sebelum agenda utama iaitu penyampaian amanat oleh Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.

Majlis perhimpunan pada kali ini turut diserikan dengan gimik pelancaran wakaf lampu solar serta cabutan bertuah. Semoga perhimpunan terakhir ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan yang akan terus dicapai oleh Darul Quran pada tahun-tahun hadapan.



26 PELAJAR USIM-DQ TERIMA ANUGERAH DEKAN

9 Disember 2023 - Seramai 26 orang pelajar terdiri dari Tahun Dua dan Tiga Program Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah dengan kepujian secara kerjasama dengan USIM telah menerima Anugerah Dekan Semester Dua Sesi Akademik 2022/2023. Penganugerahan ini telah disampaikan dalam Majlis Anugerah Dekan Fakulti Quran & Sunnah 2023 di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Pengajian Quran & Sunnah (FPQS) USIM. Majlis telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Quran & Sunnah (FPQS), Prof. Madya Dr. Mohd Zohdi bin Mohd Amin.

Majlis Anugerah Dekan ini dilaksanakan bagi memberi semangat kepada mahasiswa serta mahasiswi untuk sentiasa bersungguh-sungguh dalam pengajian. Di samping mengekalkan konsistensi dalam pelajaran pada setiap semester seterusnya menimbulkan rasa minat dalam kalangan pelajar untuk terus cemerlang dan berjaya dalam akademik.

Penganugerahan 26 daripada keseluruhan 115 orang pelajar USIM-DQ ini juga secara tidak langsung membuktikan kualiti dan standard Program Ijazah yang dijalankan di Darul Quran. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah. Semoga terus maju jaya di masa hadapan.



MEGA DIDIK 2023 MELABUHKAN TIRAI

9 Disember 2023 - Lajnah Pendidikan PERKEMAT telah menganjurkan Program Mega Didik yang berlangsung selama seminggu. Program ini dianjurkan bertujuan melahirkan huffaz yang mantap dan berketerampilan dengan menfokuskan tiga elemen utama iaitu al-Quran, Bahasa Arab dan akademik. Lajnah Pendidikan PERKEMAT dengan kolaborasi kelab dan syukbah telah melaksanakan sembilan pertandingan yang menarik termasuklah pertandingan musabaqah hafazan serta qiraat, kuiz Bahasa Arab, hiwar dan sebagainya. Pertandingan-pertandingan ini adalah untuk memberi semangat dalam menghafaz dan mengulang al-Quran, memberi keyakinan kepada para pelajar untuk berada di khayalak ramai di samping mengaplikasikan ilmu yang dipelajari sepanjang menuntut ilmu di Darul Quran.

Di samping itu, Lajnah Pendidikan PERKEMAT turut menjemput penceramah-penceramah luar seperti Ustaz Abdullah Bukhari untuk sesi Ceramah Tadabbur Surah Yusuf dan Ustaz Khubaib bagi sesi bedah buku "Nabi Juga Seorang Manusia". Perkongsian melalui kedua-dua ceramah ini sedikit sebanyak memberi peluang kepada mahasiswa Darul Quran untuk menambahkan ilmu pengetahuan.

Semoga program ini dapat membantu dan memberi impak positif kepada seluruh mahasiswa Darul Quran terutama dalam bidang al-Quran, Bahasa Arab dan akademik.



100 KANAK-KANAK SERTAI PROGRAM KHATAN PERDANA

17 Disember 2023 - Darul Quran JAKIM dengan kerjasama Masjid Bandar Utama Batang Kali telah menganjurkan Program Khatan Perdana tahun 2023 dengan jayanya. Program dimulakan dengan majlis perasmian yang disempurnakan oleh Orang Besar Daerah (OBD) Hulu Selangor, Yang Dimuliakan Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa. Turut menyampaikan ucapan ialah Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali mewakili Pengarah. Selain itu, program ini turut dihadiri oleh wakil Pegawai Tadbir Agama Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor, Nazir Masjid Bandar Utama Batang Kali, Ketua Kampung Batang Kali dan pasukan perubatan dari rangkaian Klinik Sejahtera.

Untuk info, program ini telah dikendalikan oleh 12 orang perantis Sijil Kemahiran Malaysia Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3 bagi menyempurnakan tugas dalam Kompetensi Unit Khidmat Masyarakat. Program ini juga dianjurkan bagi membantu golongan asnaf yang terdiri daripada fakir miskin dan muafaf sekitar Batang Kali. Seramai 100 orang peserta telah terpilih untuk menyertai program ini termasuk anak-anak kakitangan Darul Quran yang berumur enam tahun ke atas.

Acara siraman air daripada anggota bomba menutupi majlis perasmian sebelum proses berkhatan dimulakan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga Allah merahmati usaha kita dalam melakukan amal kebaikan.



MAJLIS PELEPASAN PELAJAR PROGRAM IJAZAH USIM-DQ KE JAULAH ILMIAH DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI POS KUALA MU

28 Disember 2023 - Pelajar semester satu sesi akademik 2023/2024 Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM dengan kerjasama Darul Quran akan menganjurkan Jaulah Ilmiah dan Kesenian Islam ke Perkampungan Orang Asli Pos Kuala Mu, Sungai Siput Perak bermula pada 29 hingga 31 Disember 2023. Program di bawah dua subjek pengajian semester satu iaitu Kesenian Khat dan Dirasat Islamiah ini merupakan projek yang perlu dilaksanakan bagi menjayakan *course learning outcomes* (CLO) iaitu mengorganisasikan khidmat kesenian khat dalam masyarakat di samping mengenali isu serta permasalahan berkaitan kefahaman Islam di kalangan masyarakat.

Majlis peluncuran pelepasan pelajar ke program berkenaan telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Dalam ucapan perasmian beliau menyatakan harapan agar para peserta dapat mengambil ruang dan peluang mencari pengalaman serta membuat pengurusan yang terbaik untuk memastikan program ini mencapai objektif sebagaimana sasaran. Selain itu, beliau juga berpesan supaya para pelajar dapat memberikan contoh tauladan yang baik agar dapat diteladani oleh masyarakat orang asli di Perkampungan Pos Kuala Mu.

Semoga projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan memberikan impak yang positif kepada para peserta yang terlibat lebih-lebih lagi buat masyarakat di Perkampungan Orang Asli Pos Kuala Mu.



PENGARAH DQ SEMPURNAKAN MAJLIS PENUTUP JAULAH ILMIAH DI POS KUALA MU

31 Disember 2023 - Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim telah menyempurnakan Majlis Penutup Program Jaulah Ilmiah dan Kesenian Islam di Perkampungan Orang Asli Pos Kuala Mu, Sungai Siput Perak. Turut hadir Penghulu Pos Kuala Mu, Imam Satu Masjid Darul Salam dan Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran.

Majlis penutup ini diadakan seusai Pengarah serta isteri bersama-sama Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran menyertai aktiviti ziarah rumah ke rumah untuk mengagihkan sumbangan bakul makanan kepada 49 buah keluarga asnaf di kalangan masyarakat orang asli. Pengarah yang dalam ucapan penutup majlis menzahirkan kesyukuran atas kejayaan projek Jaulah Ilmiah dan Kesenian Khat oleh para pelajar ini. Beliau juga mendokong penuh program-program luar kampus sebegini dan menggalakkan akan ada program susulan selepas ini.

Program Jaulah Ilmiah dan Kesenian Islam di Perkampungan Orang Asli Pos Kuala Mu, Sungai Siput Perak ini telah bermula sejak 29 dan berakhir hari ini (31 Disember 2023). Ia merupakan anjuran pelajar Semester Satu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah USIM-DQ Sesi Akademik 2023/2024. Antara pengisian menarik sepanjang program ini seperti Khidmat Masyarakat Penulisan Mural Khat di Surau al-Karimi, Tahsin al-Fatihah dan Ibadah, sumbangan bakul makanan untuk asnaf, tazkirah kefahaman Islam dan pelbagai aktiviti lagi.

